

**INTIFADAH AL-AQSA (2000) DAN KESANNYA KE ATAS  
PROSES DAMAI DI PALESTIN**

**ABDUL QAYYUM M SUHAIMI**

**JABATAN SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2014**

**INTIFADAH AL-AQSA (2000) DAN KESANNYA KE ATAS  
PROSES DAMAI DI PALESTIN**

**ABDUL QAYYUM M SUHAIMI**

**JABATAN SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2014**

**INTIFADAH AL-AQSA (2000) DAN KESANNYA KE ATAS  
PROSES DAMAI DI PALESTIN**

**ABDUL QAYYUM M SUHAIMI**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA USULUDDIN  
(SECARA PENYELIDIKAN)**

**JABATAN SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2014**

## ABSTRAK

Kajian ini merupakan pengkajian ke atas konflik yang berlaku di Palestin. Bagi masyarakat Islam, Palestin mempunyai nilai yang tinggi di sisi mereka sebagai arah kiblat yang pertama. Bermula pada tahun 1948, Israel secara rasminya telah ditubuhkan dan didirikan di atas tanah Palestin. Penentangan rakyat Palestin terhadap Israel telah lama berlaku khususnya selepas tahun 1948. Penentangan ini bukan sahaja dilakukan oleh rakyat Palestin sendiri, malah negara Arab yang lainnya turut terlibat seperti Mesir, Jordan dan Syria. Konflik yang berlanjutan ini telah membawa kepada perbincangan dan juga pelan damai yang diusahakan oleh pelbagai pihak bagi mencapai kedamaian dan keamanan di Palestin. Kajian ini melihat kepada peristiwa besar yang berlaku di Palestin iaitu intifadah yang tercetus dalam dua peringkat iaitu pada tahun 1987 dan juga 2000. Kajian ini juga lebih menumpukan kepada intifadah kedua yang berlaku pada tahun 2000 dan meneliti kesannya kepada proses damai Arab-Israel yang telah dirangka. Penumpuan diberikan kepada *Intifadah Al-Aqsa* tahun 2000 kerana proses damai yang dirangka selepas peristiwa ini berlaku dan masih berlanjutan sehingga ke hari ini. Berbanding dengan intifadah pertama pada tahun 1987, hanya Perjanjian Oslo dapat dirangka dan terhenti dengan kebangkitan intifadah kedua pada tahun 2000. Kajian ini menggunakan kaedah pengkajian kualitatif yang merujuk kepada metode dokumentasi, pensejarahan, perpustakaan dan juga temubual bersama tokoh akademik yang berada di dalam bidang ini. Hasil daripada kajian ini memperlihatkan bagaimana peristiwa intifadah memberi kesan yang besar terhadap proses damai di Palestin dengan isu-isu utama yang menjadi perbalahan sejak sekian lama ditekankan. Isu-isu tersebut adalah seperti penempatan Yahudi, hak untuk kembali, sempadan wilayah dan juga status Jerusalem.

## ABSTRACT

This is a study on the conflict in Palestine. For Muslims, Palestine is highly valued due to its status as the first Qibla. Beginning in 1948, Israel was officially founded and built on Palestinian land and Palestinian resistance against Israel has been taking place for a long time, especially after 1948. Resistance was not only carried out by the Palestinians themselves, but other Arab countries were also involved such as Egypt, Jordan and Syria. The ongoing conflict has led to the discussions and also peace plans initiated by various parties to achieve peace and security in Palestine. The study looked at the big events that happened in the Palestinian Intifada that broke out in two stages, in 1987 and also 2000. The second intifada that occurred in 2000 is being focused on this study and is examined through its impact on the Arab-Israeli peace processes. Convergence given to *Intifadah Al-Aqsa* year 2000 because peace process drafted after this incident happen and still running on until today. Compared to first intifada in year 1987, only Oslo Accord can be drafted and stop with second intifadah rise in year 2000. This study uses qualitative research methods which refer to the documentation method, historiography, libraries and interviews with academics in this field. Results of this study have shown how intifada events have a huge impact on the peace process in Palestine with major issues being continuously contended. These issues are as Jewish settlements, right of return, borders and the status of the Jerusalem region.

## PENGHARGAAN



Segala puji-pujian bagi Allah SWT Rabb sekalian alam. Selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW kekasih Allah yang diutuskan untuk membawa rahmat ke seluruh penghuni dunia dan juga keatas ahli *bait* baginda, para sahabat, para tabi'in dan seluruh hamba Allah yang taat dan patuh mengikuti perintah Allah serta seluruh hamba Allah yang taat dan patuh dalam meninggalkan larangan Allah Taala.

Sekalung penghargaan dan terima kasih buat penyelia penulis Prof Madya Dr Mohd Roslan Bin Mohd Nor atas pengorbanan masa, tenaga dan wang ringgit dalam membantu, mengajar seterusnya mendidik penulis sehingga selesainya penulisan kajian ini.

Ucapan penghargaan yang tidak terhingga buat mak Hafsah Binti Abd Wahab, ayah M Suhaimi Bin A Rahaman serta isteri Siti Sarah Binti Izham serta adik beradik yang sentiasa memberi dorongan, nasihat, semangat dan doa yang tidak putus demi kejayaan serta ketabahan penulis dalam menyelesaikan kajian ini. Begitu jutaan terima kasih atas pengorbanan yang diberikan kalian dari sudut masa, tenaga dan wang ringgit.

Tidak dilupakan juga sekalung penghargaan serta terima kasih buat ketua jabatan Dr Faisal @ Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid, para pensyarah serta warga

Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, staf pejabat pembangunan, staf pejabat pengarah serta staf pejabat ijazah tinggi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Seterusnya ucapan terima kasih penulis buat sahabat-sahabat, senior dan junior yang banyak membantu penulis dalam menyiapkan kajian penulis ini. Dr Saiful Nawawi dan juga sahabat-sahabat kursus di Jordan. Begitu juga pegawai Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan World Islamic Science and Education (WISE) Jordan, Perpustakaan Universiti Jordan dan Perpustakaan Negara Jordan, hanya Allah yang dapat membalas jasa kalian yang banyak membantu penulis.

6 Rajab 1435  
6 Mei 2014

**Abdul Qayyum M Suhaimi (IGB 100084)**

Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
qayyum.suhaimi88@gmail.com

Blok B-06-08  
PPR Batu Muda  
Batu 5, off Jalan Ipoh  
51200 Kuala Lumpur

## ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	iii
<i>ABSTRACT</i>	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vii
PANDUAN TRANSLITERASI	xii
SENARAI KEPENDEKAN	xiii
SENARAI JADUAL DAN GAMBARAJAH	xv

### **BAB PENDAHULUAN**

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Perumusan Masalah	5
1.3	Persoalan Kajian	6
1.4	Objektif kajian	7
1.5	Kepentingan Kajian	8
1.6	Pengertian Kajian	9
1.7	Skop Kajian	11
1.8	Kajian Lepas	13
1.9	Metodologi Penyelidikan	19
1.9.1	Proses Pengumpulan Data	19
1.9.1.1	Metode Perpustakaan	20
1.9.1.2	Metode Pensejarahan	20



1.9.1.3	Metode Dokumentasi	21
1.9.1.4	Metode Temubual/Konsultasi	21
1.9.2	Proses Analisis Data	22
1.9.2.1	Metode Induktif	23
1.9.2.2	Metode Deduktif	23
1.9.2.3	Metode Komparatif	24
1.9.2.4	Metode Kritikal Analisis	24
1.10	Sistematika Penulisan	25

## **BAB 2: KRONOLOGI KONFLIK DI PALESTIN SEHINGGA INTIFADAH PERTAMA (1987)**

2.1	Pendahuluan	27
2.2	Latarbelakang Palestin Sebelum Intifadah Pertama	28
2.2.1	Palestin di Zaman Awal Penubuhan Negara Israel 1948	28
2.2.2	Palestin Pasca 1967	32
2.2.3	Palestin Selepas Peperangan Israel-Lubnan 1982	34
2.3	Pengenalan Intifadah Pertama di Palestin	36
2.4	Punca Berlakunya Intifadah Pertama	38
2.5	Pihak Terlibat Dalam Intifadah Pertama	42
2.5.1	Individu	42
2.5.2	Organisasi	47
2.6	Pendekatan Penentangan Dalam Intifadah Pertama	49
2.7	Kesimpulan	51

### **Bab 3: INTIFADAH KEDUA (2000) DI PALESTIN**

3.1	Pendahuluan	53
3.2	Latarbelakang Palestin Sebelum Intifadah Kedua	54
	3.2.1 Palestin Pasca Perjanjian Oslo	55
3.3	Pengenalan Intifadah Kedua Di Palestin	57
3.4	Punca Berlakunya Intifadah Kedua Di Palestin	61
3.5	Pihak Terlibat Dalam Intifadah Kedua	65
	3.5.1 Individu	66
	3.5.2 Organisasi	71
	3.5.3 Media Massa	75
3.6	Pendekatan Penentangan Dalam Intifadah Kedua	77
3.7	Perbezaan Antara Intifadah Pertama dan Intifadah Kedua	82
3.8	Kesimpulan	85

### **BAB 4: KESAN INTIFADAH AL-AQSA (2000) TERHADAP PROSES DAMAI DI PALESTIN**

4.1	Pendahuluan	87
4.2	Proses Damai Selepas Intifadah	88
	4.2.1 Perjanjian Oslo 1993- Proses Damai Selepas Intifadah Pertama	89
	4.2.1.1 Pelan Perdamaian Arab-Israel	90
	4.2.1.1 Pengiktirafan Negara Palestin	92
	4.2.1.3 Pengunduran Tentera Israel Dari Wilayah Palestin	93
	4.2.1.4 Kegagalan Perlaksanaan Perjanjian Oslo	97
	4.2.1.5 Ketidakpuasan Hati Masyarakat Arab	99

4.2.2	<i>Road Map</i> : Perancangan Ke Arah Status Akhir Palestin	100
4.2.3	Persidangan Annapolis	103
4.2.3.1	Pelan Damai Israel-Palestin	104
4.2.3.2	Penubuhan Negara Palestin	105
4.2.3.3	Isu-Isu Utama	107
4.3	Perbandingan Proses Damai Sebelum dan Selepas Intifadah (2000)	109
4.4	Pendirian Mengenai Proses Damai	112
4.4.1	PBB dan Majlis Keselamatan	113
4.4.2	Kuasa Besar Dunia: Amerika Syarikat dan Sekutunya	114
4.4.3	PLO dan Hamas	116
4.4.4	Negara-Negara Arab	119
4.5	Polisi-Polisi Di Palestin Selepas Intifadah (2000)	121
4.5.1	Polisi Perumahan/Penempatan Yahudi	121
4.5.2	Pembahagian Sempadan	122
4.5.3	Hak Masyarakat Arab Kembali ke Palestin	124
4.6	Sedekad Selepas Cetusan Intifadah (2000): Perkembangan Terkini Palestin	125
4.6.1	Pendirian Amerika Syarikat Terhadap Konflik Palestin	127
4.6.2	Penempatan Yahudi di Wilayah Palestin Masih Diteruskan Oleh Israel	129
4.6.3	Pendirian Hamas terhadap Kewujudan Dua Negara	130

4.6.4	Cabaran Gabungan Hamas-Fatah	132
4.6.5	Cabaran Konflik Arab-Israel	135
4.7	Kesimpulan	138

## **BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pendahuluan	140
5.2	Kesimpulan Dan Rumusan	140
5.3	Saranan dan Cadangan	146
5.4	Penutup	150
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>152</b>
	<b>GLOSARI</b>	
	<b>LAMPIRAN</b>	

## PANDUAN TRANSLITERASI

### Konsonan

Arab	Roman
ا, ء	a, 'a
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r

Arab	Roman
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	'
غ	gh
ف	f

Arab	Roman
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	h,t

### Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَ	A	قَانَاتَ	<i>qanata</i>
اِ	I	سَلِمَ	<i>salima</i>
اُ	U	جُعِلَ	<i>ju'ila</i>

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اِي	Ā	كَبْرَى, بَاب	<i>bāb, kubrā</i>
يِ	Ī	وَكِيلَ	<i>wakīl</i>
وِ	Ū	سُورَةَ	<i>sūrah</i>

### Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَوْ	Aw	قَوْلَ	<i>qawl</i>
اَيَّ	Ay	خَيْرَ	<i>khayr</i>
اُوَّ	Uww	قُوَّةَ	<i>quwwah</i>
اَيِّ	iy, ī	عَرَبِيَّ	<i>'arabiy/ī</i>

Sumber: Buku Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, edisi ketiga 2012.

## SENARAI KEPENDEKAN

SWT	-	Subhanahu wa Ta'ala
SAW	-	Sallahu 'Alaihi Wasallam
Ed.	-	editor
Dlm.	-	dalam
IDF	-	<i>Israel Defense Force</i>
<i>Ibid.</i>	-	<i>Ibidem</i> , rujukan sama dengan sebelumnya
PBB	-	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PLO	-	<i>Palestinian National Authority</i>
PFLP	-	<i>Popular Front for the Liberation of Palestine</i>
DFLP	-	<i>Democratic Front for the Liberation of Palestine</i>
Hamas	-	Harakat al-Muqawamah al-Islamiyah
Et. al.	-	(et. alia) and others, senarai penulis melebihi tiga orang
INSS	-	<i>The Institute for The National Security Studies</i>
Vol.	-	volume
No.	-	nombor
PA	-	<i>Palestinian Authority</i>
PNA	-	<i>Palestinian National Authority</i>
AS	-	Amerika Syarikat

DOP	-	<i>Declaration of Principle</i>
CIA	-	<i>Central Intelligence Agency</i>
UNESCO	-	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
NPR	-	<i>National Public Radio</i>
t.p.	-	Tanpa Penerbit
t.tp.	-	Tanpa Tempat Terbit
t.t.	-	Tanpa Tarikh
Terj.	-	Terjemahan

## SENARAI JADUAL DAN PETA

JADUAL/PETA	TAJUK	HALAMAN
Jadual 2.1	Pengenalan organisasi yang bergabung di dalam <i>Palestinian National Authority</i> (PLO).	35
Jadual 2.2	Bilangan kanak-kanak yang terbunuh dalam peristiwa Intifadah Disember 1987 – Mei 1989	46
Jadual 3.1	Kesinambungan kebangkitan Rakyat Palestin sebelum <i>Intifadah al-Aqsa</i> 2000.	59
Jadual 3.2	Bilangan pengebom berani mati di kalangan wanita berdasarkan organisasi	69
Jadual 3.3	Perbezaan antara intifadah pertama dan intifadah kedua	84
Peta 4.1	Peta kawasan Tebing Barat	94
Jadual 4.1	Perbandingan proses damai sebelum dan selepas intifadah (2000)	110

Penomboran rajah adalah mengikut bab sepertimana dalam buku Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya edisi ketiga 2012.



# **BAB 1**

# BAB I

## PENDAHULUAN

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Masjid al-Aqsa merupakan tempat yang suci lagi terpuji di sisi Islam. Ia merupakan kiblat pertama bagi umat Islam sebelum diarahkan ditukarkan ke Masjid Al-Haram di Mekah. Mengenai kesucian dan keberkatan masjid ini dapat dilihat dalam surah al-isra' ayat yang pertama:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ  
الْأَقْصَا الَّذِي بَنَيْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِن آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾

Surah al-Isra' 17: 1

Terjemahan: Maha suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haram (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) kami. Sesungguhnya Allah jualah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Melalui peristiwa yang sangat penting dalam Islam iaitu pensyariatan solat, Allah SWT telah memilih tempat yang berkat ini untuk menyerahkan kepada Baginda Muhammad SAW dan umatnya syariat solat itu. Sewajarnya seluruh umat Islam mempertahankan dengan sebaiknya kawasan Masjid al-Aqsa dan Palestin secara umumnya.

Zionis telah merampas dan menakluk Palestin dan mendirikan negara Israel secara rasmi pada tahun 1948. Ia bermula apabila Ben-Gurion mengadakan upacara di Muzium Tel Aviv untuk menyatakan kewujudan Israel secara rasmi pada Mei

1948.<sup>1</sup> Sejak awal lagi golongan Zionis ini telah melakukan lobi kepada kuasa besar dunia ketika itu iaitu Britain untuk menubuhkan negara di Palestin.<sup>2</sup> Semenjak kemasukan regim Zionis tersebut, rakyat Palestin menghadapi hidup yang penuh dengan kesengsaraan dan kepayahan. Setiap hari ada sahaja penyeksaan yang dilakukan oleh regim Zionis terhadap rakyat Palestin, malah begitu banyak sekali hak rakyat Palestin telah diambil dan dinafikan oleh pihak regim Zionis ini.

Hasil daripada penyeksaan dan penderitaan ini, ramai dikalangan rakyat Palestin yang telah menjadi pelarian di negara sendiri dan juga di negara-negara Arab yang lainnya. Mereka dinafikan hak sebagai warganegara dan ditindas di dalam negara mereka sendiri.

Rakyat Palestin telah lama memperjuangkan tanah air mereka bersama-sama dengan negara Arab yang lainnya. Namun begitu, perjuangan mereka nampak seperti tiada hasilnya ditambah lagi dengan usaha negara-negara Arab yang tidak bersungguh-sungguh dalam membantu mempertahankan tanah air rakyat Palestin. Akhirnya rakyat Palestin telah melakukan pendekatan yang drastik di mana mengejutkan seluruh pihak terutamanya regim Zionis iaitu dengan melakukan intifadah iaitu kebangkitan rakyat Palestin.<sup>3</sup>

Kemunculan intifadah ini telah menaikkan dan meledakkan semangat jihad dan juang seluruh peringkat dan golongan rakyat Palestin terutamanya golongan muda bagi mendapatkan kembali tanah air mereka dari terus dijajah oleh regim zionis. Semua golongan tidak kira tua atau muda, lelaki atau wanita semuanya

---

<sup>1</sup> Karen Amstrong, *A History of Jerusalem: One City, Three Faiths*, (London: Harper Collins Publishers, 1997), 387.

<sup>2</sup> Howard Morley Sachar, *The course of Modern Jewish History*, (New York: Dell Publishing Co. Inc, 1958), 372.

<sup>3</sup> F. Robert Hunter, *The Palestinian Uprising: A War by Others Means*, (London: University of California Press, 1991), 58.

terlibat dalam kebangkitan ini bagi membebaskan serta mewujudkan kembali negara Palestin yang berdaulat.

Intifadah di Palestin merupakan perkara yang sangat penting dalam sejarah umat Islam sedunia. Perkara ini dapat dilihat dalam sejarah perjuangan umat Islam Palestin dalam usaha mempertahankan tanah air mereka. Palestin merupakan negara umat Islam yang telah diceroboh oleh kaum Yahudi sejak sekian lama lagi.

Umat Islam di Palestin tidak pernah lekang daripada usaha bagi membebaskan Palestin dari terus dirampas dan diceroboh oleh pihak zionis Yahudi. Sejak sekian lama perjuangan menuntut kebebasan di tanah air sendiri ini dapat dilihat menerusi laporan akhbar, televisyen dan sebagainya. Namun begitu, perjuangan rakyat Palestin tidak pernah tamat dan masih lagi diteruskan sehinggalah ke hari ini.

Jika diamati, perjuangan rakyat Palestin bagi menuntut kebebasan dan memiliki negara sendiri yang berdaulat, terlalu banyak liku-liku kesusahan dan kesengsaraan yang dihadapi oleh mereka. Pelbagai cara telah diambil baik jalan kekerasan mahupun jalan perbincangan, namun isu Palestin masih belum selesai sejak sekian lamanya. Menyebut mengenai perjuangan menuntut pembebasan Palestin, umum mengetahui bahawa ianya berkait rapat dengan peristiwa intifadah ataupun kebangkitan rakyat Palestin menentang pihak Zionis Yahudi yang menduduki tanah Palestin.

Peristiwa Intifadah berlaku dalam dua tempoh di mana pertama kalinya berlaku pada tahun 1987 hinggalah 1993 yang melibatkan angka kematian yang sangat tinggi di kalangan rakyat Palestin. Seterusnya intifadah ini berlaku pada peringkat kedua pada tahun 2000 selepas Perjanjian Oslo yang dimeterai tidak

berjaya dan mencapai kegagalan bagi menyelesaikan kemelut yang dihadapi di Palestin.<sup>4</sup>

Di dalam kedua-dua intifadah ini banyak peristiwa yang berlaku dan wajar untuk direnungkan dan diingati bersama seluruh umat Islam di dunia ini bukan sahaja rakyat Palestin. Walaupun pemberontakan terhadap zionis Yahudi telah berlaku sejak sekian lamanya, namun terdapat beberapa punca besar yang mengakibatkan berlakunya peristiwa intifadah yang perlu dikaji bagi maklumat umum.

Kronologi peristiwa bermula dari tahun 1948 iaitu bermulanya penubuhan negara Israel di Palestin perlu untuk dikenalpasti dan diketahui bagi memberikan gambaran awal mengenai konflik di Palestin dan akhirnya membawa kepada proses damai dan juga perjanjian damai antara Palestin dan Israel sehinggalah kegagalan perjanjian tersebut yang membawa kepada tercetusnya intifadah kedua ataupun dikenali sebagai *Intifadah Al-Aqsa* pada tahun 2000.

Kedua-dua peristiwa kebangkitan rakyat Palestin menentang Israel dalam intifadah ini menunjukkan bagaimana ianya memberikan kesan yang mendalam terhadap konflik dan proses damai yang berlaku di Palestin sejak kewujudan awal negara Israel di atas tanah Palestin. Dapat dilihat perjanjian damai pasti disusun selepas berlaku penentangan dan perkara ini nampak seperti suatu bentuk helah bagi memberhentikan ancaman dan penentangan yang dilakukan.

Kajian ini dilakukan bagi menganalisis kesan *Intifadah Al-Aqsa* terhadap proses damai di Palestin yang mempunyai kaitan yang amat rapat di antara keduanya. Walaupun proses damai berlaku sebelum dan juga selepas daripada

---

<sup>4</sup> Mouin Rabbani (2001), A Smorgasbord of Failure: Oslo and The Al-Aqsa Intifada, dlm., *The New Intifada: Resisting Israel's Apartheid*, ed. Roane Carey, (London: Verso, 2001),

intifadah, namun ianya tetap memberikan kesan yang mendalam kepada usaha dan perbincangan di dalam proses damai yang dilakukan antara Palestin dan Israel.

## **1.2 Perumusan Masalah**

Apabila penulis membaca, meneliti serta mengikuti kisah umat Islam di Palestin, timbul beberapa permasalahan yang penulis mahukan jawapan dan menyebabkan penulis merasakan perlu kepada penulis untuk menjalankan kajian bagi merungkai segala permasalahan yang timbul.

Permasalahan-permasalahan ini perlu dirungkaikan oleh penulis bagi memastikan hasil dan dapatan kajian yang terhasil akan memberi kepentingan serta maklumat kepada sesiapa sahaja. Antara permasalahan yang timbul untuk penulis selesaikan di dalam kajian ini adalah:

1. Kebangkitan rakyat yang berlaku di Palestin merupakan satu manifestasi selepas sekian lama tanah dan negara Palestin diceroboh dan dirampas oleh Israel. Konflik antara Israel dan juga Palestin merupakan satu konflik yang berlaku sejak sekian lama dan masih buntu dalam mencari jalan penyelesaian terhadap konflik ini. Penindasan yang dilakukan sejak sekian lama akhirnya menjadikan rakyat Palestin bangkit dan menentang kezaliman yang berlaku ke atas diri mereka. Kebangkitan rakyat Palestin menentang Israel sejak dari penubuhan negara Israel pada tahun 1948 perlu diteliti dan dikaji bagi memberi gambaran umum mengenai intifadah yang berlaku.

2. Intifadah pertama dan intifadah kedua merupakan dua peristiwa besar dalam kebangkitan rakyat Palestin. Walaubagaimanapun dapat dilihat bagaimana peristiwa pada tahun 2000 iaitu intifadah kedua mendapat liputan yang sangat

meluas di peringkat antarabangsa dan juga media massa. Perkara ini memberi kesan yang mendalam dan menekan pihak Israel agar memberhentikan jenayah kemanusiaan terhadap rakyat Palestin. Proses penentangan di dalam intifadah kedua perlu dikaji bagi melihat secara teliti faktor-faktor halangan, cabaran dan sebagainya ketika ia meletus.

3. Apabila berlakunya apa sahaja peristiwa terutamanya sejarah besar sesuatu perkara, ianya pasti akan meninggalkan kesan kepada sesuatu tempat mahupun masyarakat itu. Kesan daripada kebangkitan rakyat Palestin dalam intifadah menunjukkan suatu perubahan besar dalam negara dan juga rakyat Palestin dan juga Israel itu sendiri malah dunia juga turut merasakan kesan yang berlaku selepas peristiwa besar ini. Antara kesan besar yang terkena tempas kebangkitan ini adalah proses damai yang dirangka dan disusun sejak sekian lama. Berdasarkan permasalahan ini, penulis merasakan perlu untuk dilakukan kajian bagi melihat dan meneliti apakah kesan selepas intifadah ini berlaku terutamanya kesan dari sudut proses damai yang dilakukan sejak sekian lamanya.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Berdasarkan permasalahan-permasalahan yang telah dikenal pasti, penulis dapati timbul beberapa persoalan yang perlu bagi penulis untuk mencari jawapannya dan mendapatkan hasil dapatan kajian melalui kajian yang dilakukan ini. Antara persoalan yang muncul adalah:

1. Apakah kronologi peristiwa di Palestin sehingga tercetusnya intifadah pertama?

2. Apakah elemen-elemen penting yang terdapat di dalam peristiwa *Intifadah Al-Aqsa*?

3. Apakah kesan yang dapat dilihat terhadap proses damai yang berlaku di Palestin selepas intifadah tercetus?

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif setiap kajian dilakukan adalah bagi menjawab setiap persoalan yang timbul dan melihat sama ada setiap objektif yang ada dapat dicapai ataupun tidak. Setiap kajian secara umumnya diukur berhasil ataupun tidak berdasarkan kepada tercapainya sesebuah objektif kajian tersebut.

Penulis telah menetapkan beberapa objektif berdasarkan persoalan yang timbul bagi menyempurnakan kajian ini dan menghasilkan sebuah kajian yang dapat mencapai setiap objektif yang telah ditetapkan oleh penulis. Objektif kajian bagi penulis melakukan kajian ini adalah:

1. Meneliti kronologi penentangan di Palestin sehingga tercetusnya intifadah pertama 1987.

2. Mengkaji proses penentangan yang berlaku sepanjang peristiwa intifadah kedua di Palestin.

3. Menganalisis kesan yang berlaku terhadap proses damai di Palestin selepas tercetusnya peristiwa *Intifadah Al-Aqsa* di Palestin.



## **1.5 Kepentingan Kajian**

Setiap kajian dan penyelidikan yang dilakukan pastinya mempunyai kepentingan yang tersendiri. Penulis juga mempunyai beberapa kepentingan di dalam melakukan pengkajian ini supaya nanti hasilnya dapat dirasai oleh semua pihak bukan sahaja oleh diri penulis. Di dalam pengkajian ini, penulis telah mengenal pasti beberapa kepentingan yang akan terhasil selepas pengkajian ini siap dilakukan.

Penulis melakukan kajian ini supaya masyarakat awam khususnya dapat akses kepada maklumat mengenai Palestin malah dapat memahami bahawa apakah isu sebenar yang terjadi di Palestin yang mana akhirnya membawa kepada tercetusnya intifadah iaitu kebangkitan rakyat Palestin di sana. Kajian ini akan membawa pembaca kepada analisis mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan intifadah dari sudut punca tercetusnya peristiwa tersebut seterusnya mengetahui bentuk pendekatan yang diambil dalam kebangkitan tersebut dan siapakah pihak-pihak yang terlibat.

Kajian ini juga akan memudahkan pembaca dan pengkaji akan datang untuk membuat rujukan mengenai intifadah di Palestin. Kajian ini dilakukan bagi menambah rujukan mengenai isu Palestin yang khusus kepada dua kebangkitan besar rakyat Palestin dalam peristiwa intifadah yang mana rujukan ilmiah mengenai isu Palestin ini kurang didapati di Malaysia .

Kajian ini juga akan menjadi rujukan tambahan yang bersifat akademik khusus di Malaysia dan berbahasa Melayu. Walaupun kajian ataupun penulisan di dalam artikel jurnal banyak menyentuh mengenai Palestin dan khususnya intifadah, namun begitu rujukan di dalam Bahasa Melayu sangat kurang dan terhad, maka

kajian ini menjadi penyumbang dan sumber bagi membantu kajian-kajian lain yang ingin dilakukan pada masa akan datang.

Kajian ini juga menganalisis mengenai kesan yang berlaku setelah tercetusnya kedua-dua peristiwa penentangan rakyat Palestin terhadap Israel dan akhirnya wujud kesan ke atas proses damai yang dilakukan dan melihat apakah penentangan yang berlaku memberikan kesan positif mahupun negatif terhadap rundingan damai yang dilakukan bagi mencapai keamanan dan kedamaian.

## **1.6 Pengertian Kajian**

Kajian yang dilakukan oleh penulis bertajuk “*Intifadah Al-Aqsa (2000) Dan Kesannya Ke Atas Proses Damai Di Palestin .*”

Intifadah bermaksud kebangkitan yang mana istilah intifadah ini merupakan satu istilah yang tidak asing dalam membicarakan mengenai isu-isu di Palestin. Intifadah di Palestin merupakan kebangkitan semula rakyat Palestin dalam usaha menentang dan melawan tentera regim Zionis yang menindas dan melakukan kezaliman ke atas rakyat Palestin.<sup>5</sup>

Menurut F. Robert Hunter intifadah merupakan satu permulaan kepada satu peringkat aktiviti dalam usaha keras penduduk Gaza dan juga Tebing Barat menentang pendudukan Israel. Intifadah merupakan satu gerakan politik dan tujuan serta matlamatnya adalah untuk mengakhiri pendudukan Israel di Palestin.<sup>6</sup>

Di dalam Kamus Dewan edisi keempat istilah intifadah telah diguna pakai dalam bahasa Melayu. Istilah ini berasal daripada bahasa Arab yang membawa

---

<sup>5</sup> Zainur Rashid bin Zainuddin, “Intifadah-Merintis Generasi Salahuddin Al-Ayyubi”, dlm. *Baitul Maqdis Sejarah dan Kejatuhan Palestin dan Kewujudan Israel*, ed. Abdul Karim Ali, Mohd Roslan Mohd Nor, (Selangor: Persatuan Ulama’ Malaysia, 2010), 66.

<sup>6</sup> Hunter F.R, *The Palestinian Uprising: A War by Other Means*, (Los Angeles: University of California Press, 1991), 2-3.

maksud kebangkitan penduduk Palestin untuk menentang orang Israel yang menduduki Semenanjung Gaza dan Tebing Barat yang bermula pada tahun 1987.<sup>7</sup> Namun begitu, intifadah yang lebih difokuskan di dalam kajian ini bukanlah semata-mata intifadah yang berlaku pada tahun 1987, akan tetapi intifadah yang berlaku di peringkat yang kedua iaitu pada tahun 2000.

Di dalam buku *Mausū'ah al-Muṣṭalahāt wa al-mafāḥim al-Filistīniyyah* menyatakan intifadah bermaksud penolakan golongan yang tertindas dan dizalimi terhadap golongan yang menindas atas tujuan mencapai kebebasan dan pengubatan.<sup>8</sup>

Intifadah ataupun kebangkitan rakyat yang tercetus di Palestin berlaku dalam dua peringkat iaitu pada tahun 1987 dan juga tahun 2000. Kedua-dua intifadah yang berlaku merupakan penentangan rakyat Palestin secara besar-besaran dan disertai oleh seluruh rakyat Palestin bagi menentang penjajahan dan pendudukan Israel ke atas wilayah Palestin.

*Intifadah Al-Aqsa* pula merujuk kepada kebangkitan rakyat Palestin secara besar-besaran menentang Israel pada tahun 2000. Dinamakan sebagai *Intifadah Al-Aqsa* kerana Masjid Al-Aqsa menjadi saksi bermulanya kebangkitan ini. Malahan rakyat Palestin bangkit demi mempertahankan Masjid Al-Aqsa daripada dicemari kesuciannya. Ianya juga turut dikenali sebagai intifadah kedua kerana intifadah pernah meletus di Palestin kali pertama pada 1987. Kebangkitan ini dikenali sebagai *Intifadah Al-Aqsa* kerana ianya bermula di masjid al-Aqsa dengan provokasi Ariel Sharon -Perdana Menteri Israel- ketika itu yang melakukan lawatan ke atas wilayah Baitulmaqdis yang turut menempatkan Masjid al-Aqsa.

---

<sup>7</sup> \_\_\_\_\_, *Kamus Dewan*, edisi keempat, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 584.

<sup>8</sup> Muhammad Isytiah, *Mausū'ah al-Muṣṭalahāt wa al-mafāḥim al-Filistīniyyah*, (Amman: Dar al-Jalil, 2011), 89.

Proses damai di dalam kajian ini adalah merujuk kepada perjanjian dan persidangan yang berlaku di antara Palestin, Negara Arab, Israel dan juga kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat. Perbincangan tersebut adalah suatu bentuk usaha bagi mencapai kata sepakat untuk isu-isu yang menjadi konflik antara Palestin dan Israel sejak sekian lama seperti persempadanan kawasan, hak untuk pulang ke tanah air, penempatan dan sebagainya.

Palestin merupakan sebuah negara umat Islam dan menjadi tempat ketiga suci bagi umat Islam selepas Mekah dan Madinah kerana terletaknya Masjid al-Aqsa yang menjadi kiblat pertama umat Islam sebelum diubah ke arah Kaabah di Mekah. Palestin merupakan negara Arab yang sejak sekian lama berlaku konflik dan menjadi rebutan agama semitik terutamanya Islam dan Yahudi.

Secara umumnya tajuk kajian yang dilakukan oleh penulis bolehlah difahami suatu kajian dan analisis mengenai intifadah yang berlaku di Palestin dalam dua peringkat iaitu pada tahun 1987 dan juga pada tahun 2000 dan kesannya yang terhasil daripada kedua-dua kebangkitan rakyat Palestin ini terhadap proses damai antara Palestin dan Israel yang telah wujud sejak sekian lamanya namun kesemuanya tidak mencapai hasil yang diharapkan bagi mencapai keamanan dan kedamaian.

## **1.7 Skop Kajian**

Kajian yang dilakukan oleh penulis tidak merangkumi seluruh aspek yang ada di Palestin. Di dalam pengkajian ini, penulis telah menetapkan beberapa skop ataupun fokus kajian penulis bagi menyiapkan laporan kajian ini. Pengkajian mengenai Palestin sangat luas dan besar, maka kajian penulis adalah hanya sebahagian kecil daripada perkara-perkara yang berkaitan dengan isu Palestin.

Pengkajian yang dilakukan oleh penulis adalah terfokus pada negara Palestin. Palestin menjadi sebuah negara yang dihuni oleh tiga agama besar dunia iaitu Islam, Kristian dan Yahudi dan menjadi rebutan sejak sekian lamanya antara Islam dengan Yahudi dan banyak usaha digerakkan oleh Yahudi bagi menjadikan Palestin ataupun Baitulmaqdis secara khususnya sebagai milik Yahudi.<sup>9</sup> Negara Palestin memperlihatkan kepada dunia di mana sejak sekian lama konfliknya telah berlaku dan dikuasai oleh Yahudi dari sudut politik dan perundangan terutama sekali di Masjid al-Aqsa serta Bayt al-Maqdis<sup>10</sup> dan menjadi perbincangan hangat sejak sekian lama lagi. Palestin dipilih sebagai tempat pemfokusan kajian kerana di sana telah tercatat satu peristiwa besar dalam sejarah umat Islam iaitu kebangkitan rakyat Palestin dalam peristiwa intifadah pertama dan kedua.

Konflik yang berlaku di Palestin telah berlarutan sejak sekian lama dan pelbagai isu telah muncul dan menjadi perhatian di peringkat dunia. Pelbagai pihak tampil dan menyuarakan pendapat mengenai konflik yang berlaku di Palestin. Penulis memecahkan isu-isu dan konflik yang berlaku di Palestin kepada beberapa bahagian dan memfokuskan kajian ini kepada kajian mengenai kebangkitan rakyat Palestin dalam peristiwa intifadah pertama dan juga intifadah kedua sahaja. Di dalam pengkajian ini, penulis hanya akan memfokuskan kepada peristiwa intifadah pertama yang berlaku di Palestin pada tahun 1987 sehingga 1993 akibat daripada provokasi pelanggaran tentera Israel dengan pekerja Palestin yang pulang dari Israel ke kem Jabalya di Gaza<sup>11</sup> dan juga intifadah kedua yang berlaku pada tahun 2000 sehingga 2004 yang bermula selepas Perdana Menteri Israel Ariel Sharon melakukan lawatan

---

<sup>9</sup> Muhammad al-Ramaadi, *Pertarungan Islam Dan Zionis: Baitul Maqdis dan Ketamakan Yahudi Sepanjang Sejarah*, dlm. *Baitul Maqdis: Sejarah Kejatuhan Palestin dan Kewujudan Israel*, (Shah alam: Persatuan Ulama' Malaysia, 2010), 7.

<sup>10</sup> Mohd Roslan Mohd Nor, *Beberapa Hadith Berkaitan Masa Depan Islamic Jerusalem*, dlm. *Jurnal Usuluddin*, Bil. 28, (2008), 31.

<sup>11</sup> Souad Rashed Dajani, *The Intifada*, (Amman: University Of Jordan, 1990), 90.

ke Masjid Al-Aqsa dan diiringi dengan 1000 tentera Israel lengkap bersenjata<sup>12</sup> dimana pada kedua-dua tarikh tersebut telah berlaku peristiwa besar bagi umat Islam Palestin khususnya dan umat Islam dunia amnya.

Setiap peristiwa pastinya mempunyai kesan sama ada kesan secara langsung mahupun tidak langsung. Begitu juga dengan kebangkitan rakyat Palestin dalam peristiwa intifadah pertama dan intifadah kedua dimana kedua-dua peristiwa ini mempunyai kesan yang mendalam terhadap pelbagai pihak. Namun, di dalam kajian ini penulis hanya memfokuskan kepada pengkajian mengenai kesan intifadah kedua terhadap proses damai yang berlaku di Palestin di mana kebangkitan rakyat Palestin menentang Israel ini memberikan kesan kepada proses damai yang pernah berlaku dan juga perjanjian damai yang berlaku selepas peristiwa tersebut.

## **1.8 Kajian Lepas**

Apabila penulis menjalankan kajian ini, penulis memerlukan kepada rujukan bagi menguatkan lagi hujah-hujah serta isi di dalam pengkajian ini. Banyak buku-buku yang telah ditemui oleh penulis dan menjadi rujukan utama dalam penghasilan kajian ini. Dalam menyiapkan kajian ini penulis membahagikan kajian lepas mengenai maklumat yang berkaitan dengan bidang kajian penulis kepada tiga bahagian di mana yang pertamanya fokus kepada rujukan bahan lepas yang berkaitan dengan Palestin secara amnya sejak daripada pencerobohan dan kelahiran negara Israel secara rasmi pada tahun 1948. Manakala bahagian kedua pula merangkumi kajian-kajian berkenaan peristiwa Intifadah pertama. Bahagian ketiga pula adalah fokus kepada bahan rujukan lepas mengenai Intifadah kedua. Penulis juga meneliti

---

<sup>12</sup> Mohd Roslan Mohd Nor (2008), Beberapa Hadith Berkaitan Masa Depan IslamicJerusalem.

beberapa bahan kajian lepas yang turut memuatkan fakta dan data mengenai kedua-dua intifadah yang berlaku di Palestin.

Penulis menemui sebuah artikel yang bertajuk *Camp David and the Al-Aqsa Intifada: An Assessment of the State of the Israeli–Palestinian Peace Process, July–December 2000* tulisan Kirsten E. Schulze.<sup>13</sup> Artikel ini membicarakan mengenai kesan *Intifadah Al-Aqsa* ataupun intifadah kedua terhadap proses damai di Palestin yang fokusnya lebih kepada perjanjian *Camp David* serta sedekad selepas peristiwa tersebut tercetus. Artikel ini mempunyai banyak persamaan dengan kajian yang dilakukan oleh penulis. Ianya membicarakan mengenai proses damai antara Palestin dan Israel selepas Intifadah Al-Aqsa berlaku serta mencadangkan keamanan antara Palestin dan Israel hanyalah melalui jalan penyelesaian rundingan damai. Bagaimanapun di dalam kajian penulis, penulis melihat dan meneliti kesan proses damai yang juga telah berlaku sebelum *Intifadah Al-Aqsa* terutamanya pada Perjanjian Oslo yang menjadi punca kepada *Intifadah Al-Aqsa* dan memberhentikan kemaraan rakyat Palestin dalam intifadah pertama 1987.

Kajian mengenai intifadah di Palestin pernah dilakukan oleh pengkaji lain sebelum daripada kajian yang dilakukan oleh penulis di dalam kajian ini. Antaranya adalah sebuah disertasi sarjana yang ditulis di dalam bahasa Arab iaitu *Atharu Intifādah Al-Aqsā ‘alā al-Iqtisādaini al-Isrā’ēlī wa al-Filisṭīnī*.<sup>14</sup> Kajian ini menulis mengenai intifadah kedua ataupun dikenali sebagai *Intifadah Al-Aqsa* dan juga kesan ekonomi terhadap Palestin dan juga Israel. Kajian ini menjadi rujukan kepada penulis kerana fokus terhadap kesan intifadah kepada Palestin dan juga Israel, namun begitu

---

<sup>13</sup> Kirsten E. Schulze, *Camp David and the Al-Aqsa Intifada: An Assessment of the State of the Israeli–Palestinian Peace Process, July–December 2000*, dlm. *Studies in Conflict and Terrorism*, (London: Routledge, 2010).

<sup>14</sup> Mahmud Mustafa Muhammad ‘Ewad (2005), *Atharu Intifādah Al-Aqsā ‘alā al-Iqtisādaini al-Isrā’ēlī wa al-Filisṭīnī*, (disertasi, Jabatan Ilmu Politik, Fakulti Sastera, Irbid: Universiti Yarmouk, 2005).

kajian ini hanya memfokuskan kepada kesan ekonomi dan penulis akan mengkaji kesan terhadap proses damai di Palestin yang berlaku selepas tercetusnya intifadah di Palestin.

Penulisan dari seorang professor dari Hebrew University of Jerusalem yang bertajuk *Israeli Apartheid and The Intifada*<sup>15</sup> menceritakan bagaimana keganasan Israel terhadap rakyat Palestin. Artikel ini mengetengahkan eksploitasi Israel sama ada urusan tanah, air, ekonomi dan sebagainya. Buku ini menjadi rujukan buat penulis melihat latarbelakang Palestin sebelum berlakunya Intifadah dan punca kepada berlakunya Intifadah adalah kerana penyeksaaan dan penindasan yang dilakukan terhadap rakyat Palestin sejak sekian lama. Artikel ini banyak membantu dalam pengkajian penulis untuk mengkaji latarbelakang Palestin sejak penubuhan negara Israel dan juga punca kepada berlakunya Intifadah. Walaubagaimanapun, artikel ini merupakan penulisan yang ringkas walaupun banyak perkara disentuh dalam penulisan ini. Artikel ini menjadi gambaran awal kepada penulis untuk mengkaji latarbelakang yang berlaku di Palestin yang kemuncaknya membawa kepada kebangkitan rakyat dalam peristiwa Intifadah.

Di dalam kajian lain, penulisan sarjana yang bertajuk Intifadah dan Proses Pembinaan Peradaban Bangsa Palestin tulisan Noor Shahily Binti Dahalan,<sup>16</sup> penulis dapati kajian tersebut lebih memfokuskan kepada pembinaan peradaban bangsa Palestin. Disertasi tersebut turut memuatkan peristiwa intifadah dalam kajian beliau sebagai perkara asas dalam pengukuran proses pembinaan peradaban bangsa yang berlaku di Palestin. Namun begitu, penulis melihat bahawa kajian disertasi tersebut kurang mengupas lebih lanjut mengenai intifadah itu sendiri dan info yang diketengahkan sangat sedikit. Kekurangan yang penulis dapati dalam kajian sarjana

---

<sup>15</sup> Israel Shahak, *Israeli Apartheid and The Intifada*, (T.T.P: Institute of Race Relation, 1988).

<sup>16</sup> Noor Shahily Binti Dahalan, *Intifadah dan Proses Pembinaan Peradaban Bangsa Palestin*, (Disertasi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2004).



tersebut akan disentuh oleh penulis di dalam kajian ini di mana pemfokusan penulis adalah terhadap isu-isu yang berlaku ketika tercetusnya peristiwa intifadah itu sendiri.

Penulis juga mengkaji kepada satu sumber buku yang dikarang oleh orang Israel sendiri iaitu "*The Intifada: Causes and Effect.*"<sup>17</sup> Kajian ini menceritakan dengan teliti mengenai punca dan juga kesan intifadah pertama. Pengarang buku ini juga menyimpulkan empat sebab utama kenapa kebangkitan rakyat Palestin dalam peristiwa intifadah berlaku setelah 20 tahun penguasaan Israel ke atas mereka. Sebab utama tersebut adalah kebangkitan dalam semangat *nationalism*, kekecewaan yang melampau, kewujudan infrastruktur organisasi kebangsaan bagi rakyat Palestin dan juga kelemahan profil pencegahan dalam *Israel Defense Forces (IDF)*.<sup>18</sup> Namun di dalam kajian penulis, penulis memfokuskan punca utama yang menjadi titik tolak tercetusnya intifadah dan melihat kesan terhadap proses damai yang terkesan atas kebangkitan yang berlaku.

Buku *Between Terrorism and Civil War The Al-Aqsa Intifada*<sup>19</sup> yang mengumpulkan pelbagai artikel di dalam buku ini yang banyak menyentuh mengenai negara-negara Arab lain melihat dan memberi respon di dalam kebangkitan rakyat Palestin pada kali kedua ini. Negara-negara Arab seperti Jordan, Mesir dan juga organisasi Hizbullah di Lubnan yang turut terlibat terutamanya secara tidak langsung dalam intifadah kedua ini disentuh di dalam buku ini. Buku ini menjadi rujukan kepada penulis bagi mengkaji pihak-pihak yang terlibat di dalam intifadah kedua ini yang memperlihatkan bukan sahaja rakyat Palestin bersendirian dalam kebangkitan ini tetapi turut dibantu oleh pihak luar. Buku ini juga mengumpul artikel-artikel

---

<sup>17</sup> Aryeh Shalev, *The Intifada: Causes and Effect*, (Israel: The Jerusalem Post, 1991).

<sup>18</sup> *Ibid.*, 42.

<sup>19</sup> C. Jones, A. Pedahzur, *Between Terrorism and Civil War The al-Aqsa Intifada*, (London: Routledge Taylor & Francis Group, 2005).

berkenaan respon pengkaji terhadap isu di Palestin khusus kepada kebangkitan rakyat Palestin dalam intifadah kedua dan membuat kesimpulan umum mengenai adakah intifadah yang berlaku di Palestin merupakan suatu bentuk keganasan, peperangan saudara ataupun peperangan untuk mencapai kebebasan. Berbeza dengan perbincangan yang dilakukan oleh penulis, penulis lebih memfokuskan organisasi yang berhubung terus dengan rakyat Palestin tanpa melibatkan organisasi lain yang turut menyumbang secara tidak langsung.

Ilan Pape merupakan seorang tokoh yang terkenal di dalam bidang pengkajian Timur Tengah telah menulis di dalam bukunya *The Ethnic Cleansing of Palestine* yang membicarakan mengenai perancangan Zionis ke arah pembentukan negara Israel di atas tanah Palestin dan mengusir rakyat Palestin.<sup>20</sup> Pendedahan yang dilakukan oleh beliau turut dipersetujui oleh penulis lain dimana menunjukkan keganasan dan penindasan Israel terhadap rakyat Palestin sejak penubuhannya pada tahun 1948. Buku ini menjadi rujukan buat penulis dalam meneliti kronologi konflik di Palestin sejak dari awal lagi. Penulis membuat tambahan dan melengkapkan lagi kajian yang dilakukan oleh Ilan Pape dengan menambah maklumat mengenai kesan konfrontasi yang berlaku dan masa depan serta cabaran Palestin selepas tercetusnya peristiwa intifadah pada tahun 2000.

Kajian terkini yang dilakukan oleh Siti Zaleha Hamzah yang bertajuk *Proses Damai Arab-Israel Dalam Menangani Konflik: Kajian Terhadap Perjanjian Oslo (1993-1995)*.<sup>21</sup> Kajian ini memfokuskan kepada Perjanjian Oslo yang merupakan perjanjian yang diiktiraf pelbagai pihak sebagai langkah yang baik. Pengarang kajian ini menyatakan bahawa perjanjian ini mencapai kegagalan atas beberapa faktor.

---

<sup>20</sup> Ilan Pape, *The Ethnic Cleansing of Palestine*, England: Oneworld Publication, 2006.

<sup>21</sup> Siti Zaleha Binti Hamzah, *Proses Damai Arab-Israel dalam Menangani Konflik di Palestin: Kajian Terhadap Perjanjian Oslo (1993-1995)*, (Disertasi, Jabatan Sejarah & Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2013).

Perjanjian Oslo lahir selepas daripada peristiwa intifadah pertama 1987 dan terhenti apabila tercetusnya intifadah kedua pada tahun 2000. Kajian ini menjadi rujukan buat penulis untuk meneliti dan membandingkan dengan pelan damai yang berlaku selepas daripada *Intifadah Al-Aqsa* meletus pada tahun 2000. Penulis juga melihat kepada proses damai yang berlaku sebelum intifadah 2000 kerana ingin melihat sejauhmana persamaan dan perbezaan yang wujud dalam rundingan proses damai antara dua tempoh tersebut. Di mana perkara tersebut tidak disentuh di dalam kajian yang dilakukan oleh Siti Zaleha.

Artikel terkini yang turut menjadi rujukan buat penulis adalah artikel karangan Colin H. Kahl dan March Lynch yang bertajuk *U.S. Strategy after the Arab Uprisings: Toward Progressive Engagement*.<sup>22</sup> Artikel ini membahaskan bagaimana pendekatan polisi terkini Amerika Syarikat terhadap Timur Tengah khusus selepas kebangkitan Arab pada tahun 2011. Isu Palestin menjadi keutamaan Presiden Obama di dalam strategi baru ini. Pendekatan penyelesaian penubuhan dua negara menjadi fokus utama. Artikel ini menjadi rujukan buat penulis bagi melihat dan meneliti pendekatan dan strategi terbaru kuasa besar dunia khususnya Amerika Syarikat di dalam usaha mencapai kedamaian di Palestin. Namun Colin dan Lynch hanya focus kepada zaman Obama dan penulis menambah di dalam kajian ini usaha dan tindakan yang turut sama diambil oleh Presiden Amerika Syarikat sebelum Obama dan juga negara kuasa besar dunia yang lain seperti Rusia dan juga Eropah.

Umumnya, pengkajian yang dilakukan oleh penulis merupakan nilai tambah dan juga maklumat tambahan kepada kajian dan penulisan terdahulu khususnya dalam meneliti fokus kesan proses damai yang berlaku selepas tercetusnya intifadah

---

<sup>22</sup> Colin H. Kahl dan March Lynch, *U.S. Strategy after the Arab Uprisings: Toward Progressive Engagement*, dlm. *The Washington Quarterly*, vol. 36, no. 2, (Washington: Center for Strategic and International Studies CSIS, 2013).

pada tahun 2000 dan meneliti tindakan dan pelan yang diusahakan oleh kuasa besar dunia bukan sahaja Amerika Syarikat bahkan juga turut sama melibatkan kuasa besar dunia yang lainnya serta Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

## **1.9 Metodologi Penyelidikan**

Metodologi penyelidikan merupakan perkara yang sangat penting bagi setiap pengkajian yang ingin dilakukan. Setiap kajian yang ingin dilakukan mampu dicapai atau tidak objektifnya berdasarkan kepada metode atau kaedah pengkajian yang dipilih dalam menyempurnakan sesuatu kajian.

Kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif. Menurut Othman Lebar kajian kualitatif secara umumnya adalah penyelidikan yang menghasilkan dapatan yang bukan melalui prosedur statistik ataupun bentuk pengiraan yang lain. Kajian kualitatif ini melibatkan pelbagai metode serta didasari oleh andaian falsafah pendekatan interpretif dan naturalistik bagi mendapatkan gambaran yang menyeluruh tentang sesuatu fenomena atau masalah yang dikaji.<sup>23</sup> Kajian ini bersifat kualitatif kerana tidak melibatkan data-data berbentuk kuantiti pada hasil yang didapati setelah kajian ini siap dilakukan. Berdasarkan tajuk kajian dan juga objektif kajian ini, penulis mengklasifikasikan kajian ini berbentuk kualitatif dan ada beberapa kaedah dari sudut memperolehi data dan juga menganalisis data.

### **1.9.1 Proses Pengumpulan Data**

Proses pengumpulan data merupakan kaedah yang dipilih untuk mengumpul data-data yang diperlukan. Di dalam kajian ini, penulis menggunakan metode kajian

---

<sup>23</sup> Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metod*, (Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009), 7-8.

perpustakaan di mana seluruh data-data dan juga maklumat yang penulis kaji serta analisis di dalam kajian ini hanya menggunakan metode kajian perpustakaan. Data dan juga fakta di dalam kajian ini dikumpul dan diperolehi berdasarkan maklumat kepada buku-buku, disertasi serta tesis terdahulu dan juga keratan akhbar serta artikel-artikel yang berkaitan yang ada di perpustakaan yang penulis kunjungi.

### **1.9.1.1 Metode Perpustakaan**

Metode utama bagi mengumpul dan mendapatkan data bagi kajian yang dijalankan oleh penulis ini adalah metode perpustakaan. Di dalam kajian ini, penulis menggunakan sepenuhnya sumber-sumber bahan dan bacaan daripada perpustakaan bagi mengumpul dan mendapatkan data-data serta fakta-fakta yang berkaitan dengan kajian ini. Bahan-bahan yang dirujuk dan digunakan dalam metode perpustakaan ini merangkumi buku, akhbar, jurnal, penulisan ilmiah seperti disertasi dan juga tesis serta bahan-bahan lain yang boleh diperolehi di perpustakaan. Penulis telah menemui beberapa bahan utama dalam usaha melakukan kajian ini. Keseluruhan bab di dalam kajian ini menggunakan metode perpustakaan ini.

### **1.9.1.2 Metode Pensejarahan**

Metode pensejarahan ataupun historis turut digunakan di dalam usaha melakukan kajian ini dan mengumpul data yang berkaitan, oleh kerana kajian ini melihat kepada kronologi peristiwa yang berlaku sejak penubuhan negara Israel pada tahun 1948, penulis memerlukan kepada sumber sejarah untuk mengetahui keadaan rakyat Palestin ketika itu yang akhirnya membawa kepada berlakunya intifadah

pertama. Metode ini juga sangat penting untuk mengumpulkan fakta dan data bagi melihat penindasan dan kezaliman yang berlaku yang menjadi punca berlakunya kebangkitan rakyat kerana setiap kebangkitan yang berlaku pasti kerana peristiwa yang terjadi sebelumnya yang akhirnya menekan rakyat dan meletuskan api kemarahan setelah sekian lama bersabar. Penulis menggunakan metode ini didalam melihat dan meneliti kronologi peristiwa dan konflik di Palestin yang membawa kepada tercetusnya intifadah kedua pada tahun 2000.

### **1.9.1.3 Metode Dokumentasi**

Penulis juga menggunakan metode dokumentasi di mana penulis merujuk kepada dokumen-dokumen mengenai perjanjian dan sebagainya yang berkaitan dengan kajian ini sebagai maklumat primer ataupun utama dalam kajian ini. Metode ini lebih digunakan dalam melihat kepada perjanjian-perjanjian yang berlaku dalam usaha mencapai perdamaian antara Palestin dan Israel dan juga perancangan kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat bagi menyusun dan merangka jalan perdamaian konflik di Palestin. Segala dokumen ini bagi merujuk apakah isi kandungan dan juga pelaksanaan perjanjian yang dilakukan mempunyai kesan daripada peristiwa intifadah yang tercetus.

### **1.9.1.4 Metode Temubual/Konsultasi**

Metode ataupun kaedah ini penulis gunakan dalam usaha melengkapkan kajian yang dilakukan. Kaedah ini penulis gunakan sebagai konsultasi kepada penulis dalam menilai dan menganalisis beberapa data dan fakta yang penulis dapati

semasa mengumpul data selain daripada mengumpul maklumat daripada orang perseorangan yang pakar dan mempunyai autoriti dalam membahaskan mengenai isu ataupun perkara yang melibatkan Palestin dikalangan ahli akademik dalam dan luar negara yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dengan perkembangan yang berlaku di Palestin.

Penulis menggunakan metode isi secara tidak berstruktur di mana soalan yang ditanya kepada informan ataupun tokoh akademik bukan dalam susun atur yang spesifik. Soalan yang diajukan dalam bentuk rambang tetapi menjurus kepada topik kajian yang dilakukan. Contoh soalan dan juga transkrip temubual penulis sediakan di ruangan lampiran.

Penulis telah menemubual antaranya adalah Dr Bayan Al-Omari yang merupakan Naib Presiden Middle East Studies Center (MESC) Jordan. Penulis juga menemubual Dr Yahya Qudah merupakan Ketua Jabatan Dakwan, WISE yang menjadi pengiring lawatan ilmiah penulis di Jordan. Penulis juga menemubual En Ahmad Al-Shyokhi yang merupakan mudir *multaqa al-quds al-thaqafi* NGO yang bergerak aktif melakukan aktiviti kebudayaan dan kemanusiaan di Palestin

### **1.9.2 Proses Analisis Data**

Dalam pengkajian ini, setelah berhasil mengumpul segala data-data dan fakta-fakta yang diperlukan dalam kajian ini, penulis akan menggunakan beberapa kaedah dalam menganalisis data-data yang telah dijumpai. Pelbagai kaedah menganalisis data digunakan bagi memproses data-data yang telah dikumpul.

### **1.9.2.1 Metode Induktif**

Di dalam kajian ini, penulis akan menggunakan metode induktif di mana metode ini bermaksud membuat kesimpulan daripada beberapa data dan fakta yang dianalisis yang sifatnya khusus untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum.<sup>24</sup> Penggunaan kaedah ataupun metode induktif ini penulis akan menggunakannya dalam bab yang ke empat di mana penulis membuat suatu kesimpulan wujudnya kesan ke atas proses damai yang berlaku di Palestin hasil daripada kebangkitan rakyat Palestin di dalam peristiwa intifadah ini. Berdasarkan kesimpulan ataupun telahan awal ini, penulis akan menganalisis dan mengkaji data-data serta fakta-fakta yang telah dikumpulkan untuk menjawab persoalan yang timbul dan melihat sejauh mana ketepatan kesimpulan awal yang telah diberikan.

### **1.9.2.2 Metode Deduktif**

Seterusnya, penulis menggunakan metode deduktif di dalam kajian ini. Metode deduktif ini bermaksud menganalisis data-data secara menyeluruh bagi mendapatkan keputusan yang bersifat khusus. Metode deduktif ini penulis gunakan dalam menganalisis data-data yang diperolehi dalam bab yang ketiga. Berdasarkan kepada data-data yang telah dikumpul dan diperolehi, penulis akan mengeluarkan satu kesimpulan khusus mengenai topik utama kajian dan juga isu-isu yang dikaji dalam kedua-dua bab yang menganalisis mengenai intifadah pertama dan intifadah kedua di Palestin.

---

<sup>24</sup> Peter A. Angles, *A Dictionary of Philosophy*, (London: Hamper and Row Publisher, t.t), 132.



### **1.9.2.3 Metode Komparatif**

Kajian yang dilakukan oleh penulis juga menggunakan metode komparatif di mana penulis melakukan perbandingan antara data-data yang telah dikumpul mengenai intifadah pertama dan intifadah kedua bagi membuat suatu kesimpulan ataupun rumusan yang jelas semasa membuat penelitian dan penyelidikan. Selepas fakta dan data dikumpulkan, penulis membuat kesimpulan dan merumuskannya dengan membuat perbandingan antara data-data yang diperolehi. Sebagai contohnya di dalam bab yang ke 4 melihat aspek-aspek yang dikaji oleh penulis mengenai kesan yang terhasil daripada kebangkitan ini terhadap proses damai yang berlaku di Palestin.

### **1.9.2.4 Metode Kritikal Analisis**

Kaedah ini digunakan di dalam bab yang keempat di mana penulis menganalisis data-data mengenai intifadah yang berlaku di Palestin dan mengaitkannya dan melihat kesannya terhadap isi dan perkara yang wujud di dalam perbincangan, perjanjian dan juga perancangan yang dilakukan bagi mencapai keamanan dan kedamaian antara dua pihak yang sejak sekian lamanya menghadapi konflik yang panjang. Metode ini digunakan bagi menganalisis dan mengkaji impak dan kesan terhadap Israel dan Palestin yang diterjemahkan ke dalam perjanjian yang dilakukan dengan Palestin.

## **1.10 Sistematika Penulisan**

Seseorang penulis yang ingin menulis ataupun mencatat sesuatu terutamanya mengenai kajian sesuatu pastinya mempunyai sistem ataupun susunan yang tersendiri bagi memudahkan sesiapa sahaja terutamanya pembaca untuk merujuk dan menilai serta mencari isi tertentu dalam penulisan tersebut. Di dalam penulisan ini, penulis telah menyusun beberapa kandungan yang dibahagikan secara teratur dalam setiap bab.

Di dalam bab yang pertama, penulis telah menyusun beberapa aspek awal dan juga penerangan ringkas mengenai kajian yang dilakukan oleh penulis di dalam kajian ini. Penulis menyenaraikan beberapa perkara di dalam bab pertama ini antaranya masalah kajian, objektif kajian dan sebagainya. Di dalam bab pertama ini, pembaca dan pengkaji lain yang melihat kepada kajian penulis mampu mengetahui apakah sebenarnya yang ingin penulis ketengahkan di dalam kajian ini dan apakah kandungan yang dimuatkan di dalam bab yang seterusnya tercapai dengan apa yang penulis tetapkan di dalam bab yang pertama ini.

Seterusnya di dalam bab yang kedua, penulis akan mengkaji dan menganalisis khusus mengenai konflik yang berlaku di Palestin sejak penubuhan Israel pada tahun 1948. Penulis mengumpul dan meneliti kronologi konflik ataupun peperangan yang berlaku di Palestin sehinggalah membawa kepada tercetusnya intifadah pertama 1987. Kronologi peristiwa di Palestin ini adalah bagi memberikan gambaran awal mengenai intifadah kedua yang tercetus selepasnya kerana intifadah pertama terhenti dengan Perjanjian Oslo dan perjanjian yang sama juga menjadi punca kepada tercetusnya intifadah kedua.

Manakala bab yang ketiga pula penulis akan menceritakan mengenai elemen-elemen yang ada di dalam peristiwa intifadah kedua. Aspek-aspek yang dikaji adalah dari sudut punca berlakunya intifadah tersebut, strategi dan pendekatan yang diambil dalam menghadapi Israel serta pihak-pihak yang terlibat dan memainkan peranan yang penting dalam peristiwa intifadah kedua ini khususnya media massa yang menjadi tulang belakang dalam melaporkan kejadian terkini di Palestin kepada masyarakat dunia. Intifadah kedua juga menunjukkan sedikit kelainan daripada intifadah pertama khususnya daripada tindakan ataupun strategi yang diambil di dalam usaha menentang Israel.

Di dalam bab yang keempat menjadi bab analisis utama mengenai kajian ini iaitu di mana penulis menganalisis kesan intifadah terhadap proses damai yang berlaku di Palestin serta respon dari pelbagai pihak mengenai proses damai yang berlaku. Di dalam bab ini juga penulis mengkaji mengenai proses damai yang pernah berlaku sebelum tercetusnya Intifadah Al-Aqsa kerana ianya mempunyai hubung kait yang rapat dengan intifadah yang berlaku selepasnya. Penulis juga meneliti mengenai keadaan Palestin sedekad selepas intifadah dan juga perkembangan terkini Palestin.

Bab yang terakhir iaitu bab kelima, penulis akan melakukan kesimpulan yang menyeluruh bagi setiap perkara yang telah penulis analisis dan bandingkan serta beberapa perkara yang menjadi pandangan penulis mengenai peristiwa intifadah yang berlaku di Palestin ini. Kemudiannya, penulis akan menyenaraikan beberapa cadangan yang dirasakan penulis sesuai mungkin untuk kajian akan datang dan juga beberapa langkah yang boleh diambil bagi membantu memudahkan pengkaji akan datang yang mana kesusahan dan kesukaran itu dihadapi oleh penulis dalam menyiapkan penyelidikan ini.

# **BAB 2**

**BAB II**  
**KRONOLOGI KONFLIK DI PALESTIN SEHINGGA INTIFADAH**  
**PERTAMA (1987)**

**2.1 Pendahuluan**

Palestin merupakan sebuah negara umat Islam yang sejak sekian lama menjadi rebutan dan penuh dengan konflik terutamanya dengan Yahudi. Sejak bermulanya pencerobohan tentera Israel ke atas Palestin sehinggalah ke hari ini memperlihatkan kezaliman dan penindasan yang mereka lakukan ke atas rakyat Palestin. Pembantaian dan kekejaman ini berlaku setiap hari dan akhirnya mencetuskan perasaan untuk melawan dan bertindak balas atas kekejaman yang dilakukan tentera Israel.

Siri pemberontakan menentang kekejaman tentera Israel ke atas rakyat Palestin dapat dilihat berlaku hampir setiap hari, namun semakin menjadikan tentera Israel semakin mengganas. Akhirnya perkara ini telah benar-benar mencetuskan kemarahan dan semangat rakyat Palestin dan mereka terus bangkit menentang tentera Israel dengan kebangkitan yang langsung tidak diduga oleh sesiapa pun dan kebangkitan tersebut dinamakan sebagai Intifadah. Kebangkitan ini merupakan kebangkitan rakyat tanpa dirancang terlebih dahulu sebelum pelaksanaannya dan terjadi secara spontan.

## **2.2 Latarbelakang Palestin Sebelum Intifadah Pertama**

Palestin jika diteliti dan diamati sejarahnya sejak sekian lama menghadapi penindasan dan kezaliman Israel dan ianya telah berlaku sejak sekian lama lagi bahkan sebelum wujudnya Israel secara rasmi pada tahun 1948 juga telah berlaku walaupun tidak secara meluas penindasan ke atas rakyat Palestin. Selepas rasminya negara Israel tertubuh pada tahun 1948, penindasan serta kekejaman ke atas rakyat Palestin semakin menjadi-jadi. Perkara tersebut menjadikan rakyat Palestin tidak mampu untuk menentang mereka dalam keadaan yang adil dan sama kekuatannya. Ini kerana kekuatan rakyat Palestin tanpa sebarang senjata dan sebagainya tidak mampu menghadapi tentera Israel dengan kecanggihan peralatan senjatanya. Penindasan ekonomi dan juga sumber makanan dan sebagainya menjadi permulaan kepada penindasan ke atas rakyat Palestin sehinggalah lebih kurang 40 dekad lamanya akhirnya rakyat Palestin bangkit menentang tentera Israel dalam peristiwa yang telah memeranjatkan pelbagai pihak khususnya Israel itu sendiri dalam peristiwa intifadah.

### **2.2.1 Palestin di Zaman Awal Penubuhan Negara Israel 1948**

Israel secara rasminya ditubuhkan pada tahun 1948 namun begitu, masyarakatnya telah ditemui di Palestin lebih awal dari itu lebih kurang sejak dari tahun 1920 lagi. Hal ini boleh dilihat pada satu organisasi yang kuat yang telah wujud pada tahun 1920 iaitu *Israeli Trade Union's Association*.<sup>1</sup> Pendudukan Israel ke atas

---

<sup>1</sup> Israel Shahak, *Israeli Apartheid and The Intifada*, (t.tp.: Institute of Race Relations, 1988), 1.

Palestin sebenarnya telah bermula sejak awal lagi dan tahun 1948 hanyalah merupakan tahun rasmi dalam rekod pendudukan Israel ke atas Palestin.

Setiap perkara sama ada tanah, sumber air, ekonomi, bangsa dan kedudukan dan sebagainya semuanya dieksploitasi oleh Israel dan menindas rakyat Palestin. Menurut Profesor Israel Shahak penindasan Israel ke atas rakyat Palestin adalah bertujuan untuk kepentingan Yahudi bukannya Israel itu sendiri kerana ianya dapat dilihat apabila orang Palestin yang tinggal di Israel tidak mendapat sedikit keuntungan pun jika dibandingkan dengan orang Yahudi.<sup>2</sup> Hal ini memperlihatkan bahawa kepentingan yang dicari dan diutamakan oleh Israel adalah untuk bangsa Yahudi itu sendiri bukannya rakyat Israel kerana jelas menunjukkan bahawa kepentingan dan kesenangan yang didapati dan diterima hanya terfokus pada bangsa Yahudi semata-mata.

Hal ini merupakan suatu bentuk penindasan yang tidak sama sekali boleh diterima oleh akal manusia yang waras. Perkara ini jelas pada penulis menunjukkan bahawa krisis yang berlaku di Palestin merupakan krisis agama yang semenjak sekian lama tiada kata putus ataupun jalan tengah yang dapat dipersetujui bersama bagi menyelesaikan konflik yang berlaku.

Penulis berpendapat situasi ini adalah sepertimana yang telah dirakamkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran di mana ditunjukkan bahawa golongan Yahudi dan juga Nasrani (Kristian) tidak akan redha kepada kepada umat Islam sehingga umat Islam itu mengikuti jejak langkah Yahudi dan nasrani itu. Ayat ini boleh di rujuk di dalam al-Quran dalam surah al-Baqarah ayat 120.

---

<sup>2</sup> *Ibid.*, hal.5.

وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ ۗ قُلْ إِنْ هَدَىٰ اللَّهُ  
هُوَ أَهْدَىٰ ۗ وَلَئِنْ أَتَبَعْتَ أَهْوَاءَهُمْ بَعْدَ الَّذِي جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ ۖ مَا لَكَ مِنَ اللَّهِ  
مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿١٢٠﴾

Surah al-Baqarah 2:120

Terjemahan: Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wahai Muhammad) sehingga engkau menurut agama mereka (yang telah terpesong itu). Katakanlah (kepada mereka): "Sesungguhnya petunjuk Allah (agama Islam itulah petunjuk yang benar". Dan demi sesungguhnya jika engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka sesudah datangnya (wahyu yang memberi) pengetahuan kepadamu (tentang kebenaran), maka tiadalah engkau akan peroleh dari Allah (sesuatupun) yang dapat mengawal dan memberi pertolongan kepada mu.

Selepas tertubuhnya negara Israel pada tahun 1948, satu persepuluh rakyat Palestin terkorban dibawah pemerintahan Israel.<sup>3</sup> Jumlah ini merupakan jumlah yang agak besar menyaksikan kekejaman Israel terhadap rakyat Palestin. Satu perkara yang penulis anggap satu perbuatan melampau dari pihak Israel adalah apabila sesuatu isu berlaku dan jumlah mangsa dikenalpasti, angka mangsa tersebut akan menjadi satu berita lama dan akhirnya dilupakan begitu sahaja tanpa ada sebarang tindakan daripada mana-mana pihak yang cuba untuk membela nasib yang menimpa mangsa-mangsa kezaliman tersebut.

Populasi rakyat Palestin menunjukkan pengurangan yang amat ketara selepas wujudnya negara Israel. Bilangan rakyat Palestin yang mulanya berjumlah 920 000 orang hanya tinggal 120 000 orang sahaja akibat daripada pembunuhan dan juga pembakaran serta kemusnahan yang dilakukan oleh tentera Israel selepas

<sup>3</sup> Mohammad Tarbush, *Reflections of A Palestinian*, (Washington DC: American-Arab Affairs Council, 1986), 40.



menguasai 77% bumi Palestin.<sup>4</sup> Kira-kira 400 buah perkampungan Palestin lenyap akibat diduduki dan dikuasai oleh Israel pada tahun 1948 dan 1949 hasil daripada kemusnahan yang dilakukan Israel.<sup>5</sup>

Penulis bersetuju dengan apa yang ditulis oleh Harun Yahya mengenai penubuhan negara Israel merupakan suatu bentuk usaha untuk menghapuskan rakyat Palestin secara total. Perkara ini juga turut dinyatakan oleh Ilan Pappé seorang tokoh yang banyak menulis mengenai isu-isu di Timur Tengah. Beliau menyatakan di dalam bukunya *The Ethnic Cleansing of Palestine* bahawa pembersihan etnik Palestin bermula sejak Disember 1947 dimana Yahudi menyerang perkampungan Palestin sebagai membalas kegiatan vandalisme terhadap bus dan pusat membeli belah yang dilakukan semasa perhimpunan protes mengenai resolusi PBB tentang pemecahan sempadan selepas beberapa hari ianya diterima.<sup>6</sup>

Setahun selepas penubuhan negara Israel, Israel telah memberikan tawaran kepada 100 000 pelarian Palestin untuk pulang ke Israel namun perancangan ini menemui kegagalan dan Israel telah menarik semula tawaran tersebut. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengarahkan Israel agar memberi laluan dan membenarkan agar pelarian Palestin boleh kembali ke Israel semula tetapi ditolak oleh Ben-Gurion<sup>7</sup> dengan menyatakan bahawa semua orang Palestin akan kembali dan memusnahkan orang Yahudi.<sup>8</sup>

---

<sup>4</sup> Mohd Roslan Mohd Nor, Nor Dalila Zakaria, Perancangan Zionis Ke Arah Pembentukan Negara Israel, dlm. *Jurnal Usuluddin*, bil. 30, (2009), 243.

<sup>5</sup> Israel melakukan tindakan mencerooboh dan menindas serta melakukan pembunuhan dan pembakaran besar-besaran terhadap rakyat Palestin serta perkampungan Palestin. Pendudukan Israel ke atas perkampungan Palestin telah menjadikan kampung tersebut menjadi wilayah yang diduduki oleh Yahudi dan menjadi majoriti dikawasan tersebut. Harun Yahya, *Palestin: Polisi Ganas Kerajaan Israel*, dlm. *Zaman Kegelapan Islam dan Ketibaan Era Kebangkitan Islam*, (Johor: Perniagaan Jahabersa, 2004) hal. 52.

<sup>6</sup> Ilan Pappé (2006), *The Ethnic Cleansing of Palestine*, (England: Oneworld Publication, 2006), 40.

<sup>7</sup> Nama penuh beliau adalah David Ben-Gurion. Beliau merupakan Perdana Menteri Israel yang pertama selepas ditubuhkan pada tahun 1948. Beliau merupakan tulang belakang kepada perancangan penubuhan negara Israel. [http://www.jewishvirtuallibrary.org/jsource/biography/ben\\_gurion.html](http://www.jewishvirtuallibrary.org/jsource/biography/ben_gurion.html).

<sup>8</sup> Tom Segev, *The June 1967 War and The Palestinian Refugee Problem*, dlm. *Journal of Palestine Studies*, vol. 36, no. 3, (2007), 6.

### 2.2.2 Palestin Pasca 1967

Isu kemanusiaan yang berlaku di Palestin telah berlanjutan sejak sekian lamanya. Kem-kem pelarian tumbuh bagai cendawan selepas hujan yang dipenuhi dengan rakyat Palestin yang diusir dari tanah dan rumah kediaman mereka sendiri. Rakyat Palestin tidak dibenarkan pulang ke kampung halaman mereka sendiri walhal itulah tempat asal mereka namun kerana kezaliman dan penindasan yang dilakukan oleh Israel menjadikan hal tersebut berlaku ke atas rakyat Palestin. Di dalam laporan akhbar London *The Times* pada Februari 1972 merekodkan bahawa seorang rakyat Palestin yang berusaha supaya kedua ibu bapanya dapat menghabiskan sisa-sisa hidup mereka di tanah tumpah darah mereka di Jericho.<sup>9</sup> Namun begitu haknya terus dinafikan dan permintaannya ditolak begitu sahaja dan perkara ini bukan sahaja berlaku kepadanya sahaja, malah ribuan lagi rakyat Palestin menghadapi situasi yang sama dan dinafikan hak mereka untuk pulang ke kampung halaman mereka.

Peperangan yang berlaku antara Israel dengan dunia Arab iaitu Mesir, Jordan dan Syria pada tahun 1967 yang dikenali sebagai Perang Enam Hari memberikan kesan yang sangat besar kepada Palestin terutamanya dari segi peta geografi negara Palestin. Negara Israel yang baru wujud dalam tempoh 19 tahun telah berjaya menawan Tebing Barat dan Timur Baitulmaqdis daripada Jordan manakala Semenanjung Sinai dan Genting Gaza daripada Mesir dan juga Bukit Golan daripada Syria.<sup>10</sup> Kesan peperangan ini menjadikan pendudukan dan penguasaan Israel ke atas Palestin dan rakyatnya semakin meluas.

---

<sup>9</sup> Ilan Pappé (2006), *The Ethnic Cleansing of Palestine*, 12.

<sup>10</sup> Kosmo, *dunia*, rabu 6 Jun 2007, 49.

Apabila Israel mencapai kemenangan di dalam Perang Enam Hari dan berjaya menawan Timur Jerusalem,<sup>11</sup> kesannya sehingga hari ini umat Islam seluruh dunia sukar untuk menziarahi Masjid Al-Aqsa. Kebenaran dan kelulusan daripada Israel perlu dipohon dan segala proses permohonan berlakunya kerena birokrasi untuk menyusahkan dan melemahkan semangat masyarakat muslim untuk menziarahi tempat suci ketiga bagi umat Islam.

Tempoh tiga tahun antara tahun 1967 sehinggalah 1970 menurut Dr Mohsen Saleh merupakan tempoh zaman kegemilangan bagi rakyat Palestin.<sup>12</sup> Hal ini kerana sempadan Jordan dan Lubnan dengan kawasan yang diduduki di Palestin telah dibuka dan hasilnya penentangan bersenjata oleh rakyat Palestin berlaku di wilayah tersebut. Peperangan *Karama* pada 21 Mac 1968<sup>13</sup> yang menjadi peristiwa popular ketika itu menjadikan Israel goyah dan tergugat. Peperangan ini menjadi kemenangan moral dan kemenangan psikologikal bagi rakyat Palestin kerana penglibatan semua peringkat golongan masyarakat dalam operasi tersebut.

Palestin sejak dirampas dan dikuasai oleh Israel memperlihatkan bahawa tindakan yang dilakukan tentera Israel ke atas rakyat Palestin bukan sahaja dalam bentuk peperangan dan penjajahan fizikal semata-mata. Begitu banyak sekali hak-hak rakyat Palestin dinafikan seperti pembangunan ekonomi, politik, penempatan dan sebagainya. Kekangan dan sekatan yang dilakukan ini menambahkan lagi penderitaan rakyat Palestin dalam menghadapi dan menjalani kehidupan seharian mereka.

---

<sup>11</sup> Henry Cattan, *Palestine and International Law*, (UK: Longman Group Ltd, 1976), 21-23.

<sup>12</sup> Mohsen M. Salleh, *The Palestinian Issue: Its background and Development up to 2000*, terj. Hassan A. Ibrahim, (Kuala Lumpur: Fajar Ulung, 2001), 57.

<sup>13</sup> Peperangan ini berlaku di kawasan ataupun kampung yang dinamakan sebagai Karamah pada tahun 1968 berhampiran dengan sempadan Jordan-Palestin di Tebing Barat. Maklumat ini diperolehi daripada Dr Yahya Qudah, Ketua Jabatan Dakwah dan Usuluddin, The World Islamic Science and Education University (WISE) ketika lawatan ilmiah penulis di Jordan pada Mei 2012.

Kesan daripada peperangan yang berlaku antara negara Arab dengan Israel dalam Perang Enam Hari telah menjadikan isu pelarian Palestin mendapat perhatian dunia khususnya Amerika Syarikat.<sup>14</sup> Tindakan yang dilakukan adalah apabila PBB telah meluluskan sempadan Palestin-Israel di bawah Resolusi 242 pada November 1967. Sempadan yang ditetapkan agar pelarian Palestin diberi ruang dan peluang untuk kembali ke Palestin apabila sempadan wilayah Palestin telah ditetapkan. Bahkan PBB juga telah meluluskan Resolusi 194 mengenai hak untuk rakyat Palestin kembali kepada tanah air mereka walaupun kini telah menjadi wilayah Israel.

### **2.2.3 Palestin Selepas Peperangan Israel-Lubnan 1982**

Peperangan Israel-Lubnan yang meletus pada Jun 1982 memberi kesan yang mendalam terhadap rakyat Palestin. Hal ini kerana di Lubnan terdapat ramai pelarian Palestin yang membina kem pelarian di sana. Kedudukan Palestin yang berada di tengah-tengah daripada negara Arab yang lainnya menjadikan sempadan antara Palestin dengan negara tersebut menjadi tempat perlindungan dan penempatan bagi pelarian Palestin.

Selain itu, Lubnan merupakan pangkalan awal bagi *Palestinian National Authority* (PLO) yang dianggotai oleh Fatah, *Popular Front for the Liberation of Palestine* (PFLP) dan juga *Democratic Front for the Liberation of Palestine* (DFLP). Keberadaan kepimpinan PLO di Lubnan menjadi faktor peperangan Israel-Lubnan pada tahun 1982 memberikan kesan kepada Palestin itu sendiri.

---

<sup>14</sup> Ritchie Ovendale, *The Origins of The Arab-Israeli Wars*, (London: Longman London and New York, 1984), 185.

Jadual 2.1: Pengenalan organisasi yang bergabung di dalam *Palestinian National Authority* (PLO).

Organisasi	Penerangan
PLO	Palestinian National Authority merupakan gabungan pelbagai sayap parti dan organisasi berasaskan nasionalis di Palestin. Menjadi wakil bagi rakyat Palestin dalam proses damai dengan Israel sejak bermulanya Perjanjian Oslo.
Fatah	Fatah lahir pada penghujung tahun 1950 oleh Yasser Arafat dan juga Khalil al-Wazir. Tujuan penubuhannya adalah untuk membebaskan Palestin daripada kawalan Israel dengan mengurangkan pendekatan serangan gerila. Pengkalan Fatah bertapak di Damascus kerana penubuhannya mendapat sokongan daripada orang Syria. Fatah menjadi organisasi terbesar Palestin dan menguasai kepimpinan PLO. <sup>15</sup>
PFLP	<i>Popular Front of the Liberation for Palestin</i> lahir pada Disember 1967 hasil daripada gabungan dua organisasi sayap kiri Palestin. PFLP dipimpin oleh Wadi' Haddad dan juga George Habash. <sup>16</sup>
DFLP	<i>Democratic Front of The Liberation for Palestin</i> lahir pada Februari 1969 daripada kumpulan sayap kiri Palestin. DFLP mengisytiharkan kumpulan mereka merupakan gabungan semua parti sayap kiri Palestin dan disebut sebagai perikatan revolusioner-demokratik. Dipimpin oleh Nayef Hawatemeh. Menggunakan nama <i>The Democratic Popular Front for the Liberation of Palestine</i> sebelum bertukar kepada DFLP pada tahun 1975. <sup>17</sup>

Jika diteliti secara mendalam, walaupun negara Arab sejak sekian lama berperang dan bermusuhan dengan Israel, namun dapat dilihat bahawa Israel memerangi dan bermusuhan dengan negara Arab kerana umat Islam Palestin yang menetap sebagai pelarian di negara Arab yang lain berusaha untuk membentuk satu kumpulan yang akan terus memastikan Palestin berjaya dikembalikan kepada mereka. Seperti yang penulis nyatakan sebelum ini, PLO lahir di luar Palestin dan Israel secara berterusan cuba menyekat perancangan dan pergerakan PLO.

<sup>15</sup> <http://global.britannica.com/EBchecked/topic/202423/Fatah>.

<sup>16</sup> <http://www.jewishvirtuallibrary.org/jsource/Terrorism/pflp.html>.

<sup>17</sup> [http://www.dflp-Palestine.net/english/about\\_dflp/dflp\\_foundation.htm](http://www.dflp-Palestine.net/english/about_dflp/dflp_foundation.htm).

Oleh sebab itu, sejarah menunjukkan Israel sentiasa menyerang kawasan-kawasan yang menjadi markaz PLO seperti di Jordan pada awalnya dan berpindah ke Lubnan. Peristiwa besar yang menyedihkan dan tidak akan dilupakan oleh masyarakat dunia dan umat Islam khususnya adalah tindakan yang dilakukan oleh Israel ke atas pelarian kem Sabra dan Syatila. Di bawah arahan Ariel Sharon yang ketika itu merupakan Menteri Pertahanan Israel, seluruh pelarian kem tersebut yang rata-ratanya adalah kanak-kanak, wanita dan orang tua dibunuh dengan kejam.<sup>18</sup>

Atas tindakan ke atas dua kem inilah, Ariel Sharon telah dianggap melakukan keganasan antarabangsa yang menyebabkan kematian yang tinggi. Keganasan dan kezaliman yang dilakukan ke atas kem Sabra dan Syatila tidak dapat diterima oleh masyarakat dunia kerana mangsanya adalah ramai dikalangan anak-anak kecil dan wanita serta orang tua. Kedua-dua kem tersebut hanya menempatkan pelarian Palestin, namun tentera Israel dibawah arahan Ariel Sharon telah melakukan serangan dengan alasan terdapat pengganas di kem tersebut.

### **2.3 Pengenalan Intifadah Pertama di Palestin**

Palestin merupakan negara yang tidak sunyi daripada peperangan dan konflik sejak sekian lama. Rakyat Palestin saban waktu memperlihatkan kebangkitan dan perjuangan menentang Israel. Melihat kepada sejarah kontemporari Palestin, peristiwa intifadah di Palestin dilihat sebagai suatu peristiwa yang mengejutkan ramai pihak.

Intifadah di Palestin tercetus pada tahun 1987 di mana rakyat Palestin telah sama-sama bangkit dan melawan Israel secara besar-besaran. Kesatuan rakyat

---

<sup>18</sup> Leila Shahid, *The Sabra and Shatila Massacres: Eye-Witness Reports*, dlm. *Journal of Palestine Studies*, Vol. 32, No. 1, (2002), 39.

Palestin dalam peristiwa intifadah ini menjadikan kebangkitan yang terjadi merupakan kebangkitan rakyat tanpa membezakan kasta dan peringkat umur. Seluruh peringkat umur telah sama-sama terlibat daripada kanak-kanak hinggalah kepada orang tua bahkan golongan wanita juga tidak terkecuali memainkan peranan mereka dalam kebangkitan ini.<sup>19</sup>

Peristiwa kebangkitan rakyat Palestin dalam intifadah 1987 ini yang juga dikenali sebagai *intifadah al-kubra* merupakan suatu bentuk penentangan rakyat tanpa senjata menghadapi tentera Israel yang lengkap bersenjata. Rakyat Palestin yang terlibat di dalam kebangkitan ini menggunakan batu sebagai senjata mereka menentang Israel. Dua elemen penting dan menjadi sebutan ramai pengkaji dan juga penganalisis situasi yang berlaku di Palestin dalam kebangkitan ini adalah kanak-kanak dan batu.<sup>20</sup> Imej kanak-kanak yang melontar batu kepada kereta kebal tentera Israel sering dipertayangkan dan disebarluaskan ke seluruh dunia.

Kebangkitan rakyat Palestin yang berlaku pada tahun 1987 ini merupakan kebangkitan yang digerakkan sendiri oleh rakyat Palestin, namun begitu sayap Ikhwan al-Muslimin di Palestin yang dikenali sebagai Hamas telah menyatakan bahawa mereka merupakan organisasi yang terlibat secara langsung di dalam kebangkitan rakyat Palestin ini.

Penulis melihat terdapat dua kelompok yang boleh dikira sebagai organisasi yang terlibat secara langsung dan ahli-ahli mereka bersama-sama rakyat Palestin yang lainnya berganding bahu menentang Israel. Dua organisasi tersebut adalah Hamas dan juga Jihad Islami. Jihad Islami muncul lebih awal daripada Hamas dalam siri-siri pemberontakan. Penentangan yang berlaku sebelum tercetusnya intifada di

---

<sup>19</sup> Geoffrey Aronson, *Israel, Palestinians and The Intifada: Creating Facts on The West Bank*, (London: Kegan Paul International, 1990), 324.

<sup>20</sup> Jawad el-Hamad (et. al), *al-Madkhal ila al-Qadiyyah al-Filistiniyyah*, (Jordan: Middle East Studies Center, 2004), 469.

Palestin adalah hasil daripada kebangkitan yang dilakukan oleh Jihad Islami yang telah melakukan serangan ke atas Israel sejak dari tahun 1979 lagi.<sup>21</sup>

Penulis berpandangan bahawa kebangkitan rakyat Palestin dalam peristiwa ini boleh dikategorikan sebagai kebangkitan dan kesedaran agama. Faktor agama boleh dikatakan sebagai simbolik dan mobilisasi utama dalam kebangkitan ini. Rakyat Palestin bukan sekadar bangkit menentang Israel kerana tanah dan negara mereka dijajah, malah unsur agama adalah lebih daripada itu dimana Palestin merupakan tempat yang suci dan mempunyai nilai yang tinggi dari sudut agama kepada Islam dan juga Yahudi malah juga kepada Kristian.<sup>22</sup>

#### **2.4 Punca Berlakunya Intifadah Pertama**

Hakikat sebenar yang tidak dapat dinafikan oleh semua pihak adalah ketidakadilan dan pencerobohan yang telah berlaku ke atas rakyat Palestin sejak sekian lama merupakan antara punca kepada tercetusnya peristiwa intifadah ini. Tekanan dan halangan serta kesusahan dalam menghadapi kehidupan seharian menyebabkan timbul perasaan untuk menentang dan menamatkan penindasan yang telah dilakukan di atas tanah air mereka sendiri. Semangat dan amarah rakyat Palestin terhadap Israel dilahirkan dalam bentuk kebangkitan yang telah mengejutkan pelbagai pihak yang terjadi dalam peristiwa intifadah.

Penindasan telah berlaku sejak sekian lama, setiap kali berlakunya penindasan Israel terhadap Palestin, kemarahan rakyat Palestin semakin bertambah dan membuak-buak terhadap tentera Israel. Tentangan-tentangan telah berlaku

---

<sup>21</sup> Elie Rekhes, *The Iranian Impact on the Islamic Jihad Movement in the Gaza Strip*, dlm. *The Iranian Revolution and The Muslim World*, ed. David Menashri, (t.t.: Westview Press: 1990), 191.

<sup>22</sup> Fatmawati Firdaus, *Arti Penting Jerusalem Dalam Konflik Arab-Israel*, (Disertasi Sarjana, Jurusan Ilmu Hubungan Internasional, Fakultas Ilmu Sosial & Ilmu Politik, Universitas Hasanuddin, Indonesia, 2011), 84.



terhadap tentera Israel namun begitu impaknya tidaklah begitu besar kerana dengan batu dan botol plastik hendak menyerang kereta kebal yang jauh lebih berkuasa. Namun penulis berpendapat bahawa serangan psikologi untuk memperlihatkan bahawa rakyat Palestin tidak gentar dengan tentera Israel walaupun dalam keadaan yang serba kekurangan lebih utama dan penting bagi menggerunkan Israel.

Peristiwa intifadah pertama di Palestin telah tercetus secara rasminya pada 8 Disember 1987 yang berpunca daripada pelanggaran kereta kebal Israel terhadap konvoi pekerja Palestin yang pulang ke Gaza dari bekerja di Israel dan menyebabkan 4 orang dari kem Jabalya telah terbunuh.<sup>23</sup> Terdapat maklumat daripada seorang penulis yang menyatakan bahawa pelanggaran yang berlaku ini bukanlah satu kemalangan secara kebetulan, tetapi merupakan satu proses balas dendam terhadap seorang usahawan Israel yang telah terbunuh dua hari sebelumnya.<sup>24</sup>

Semasa menuju ke tanah perkuburan, penduduk di Jabalya telah keluar beramai-ramai mengiringi jenazah yang dibawa ke tanah perkuburan tersebut. Peristiwa ini menjadi permulaan kepada kebangkitan rakyat dalam peristiwa intifadah di Palestin yang mana seterusnya perarakan dan demonstrasi yang dilakukan dalam bentuk yang lebih besar dan ramai penyertaannya dari pelbagai lapisan masyarakat.

Peristiwa intifadah di Palestin menurut bekas Perdana Menteri Jordan Zayd al-Rifai merupakan satu kebangkitan yang pasti berlaku dan tidak dapat dihalang.<sup>25</sup> Kenyataan ini dikeluarkan oleh beliau kerana melihat kepada rakyat Palestin yang sudah tidak dapat bertahan lagi di atas penindasan dan kekejaman yang dilakukan ke atas mereka oleh tentera Israel. Penindasan dan penyeksaan ini merupakan antara

---

<sup>23</sup> Noor Shahily binti Dahalan, *Intifadah dan Proses Pembinaan Peradaban Bangsa Palestin*, (Disertasi, Fakulti Sastera dan Saijns Sosial, Universiti Malaya, 2004), 44.

<sup>24</sup> *Ibid.*

<sup>25</sup> Aryeh Shalev, *The Intifada: Causes and Effects*, (Israel: The Jerusalem Post, 1991), 15.

punca utama kepada kebangkitan yang berlaku. Walaupun banyak pendapat yang menyatakan punca kepada kebangkitan ini tercetus adalah peristiwa kemalangan yang dirancang terhadap pekerja Palestin yang pulang dari Israel, namun secara umumnya penindasan yang telah berlaku sejak sekian lama terhadap rakyat Palestin di atas negara mereka sendiri menjadi punca utama kebangkitan rakyat Palestin.

Pandangan dan pendapat mantan Perdana Menteri Jordan ini dilihat senada dan seiring dengan jangkaan yang dibuat oleh mantan Datuk Bandar Gaza Rashad al-Shawa yang meninggal pada September 1988. Beliau menyatakan pandangannya semasa ditemuramah oleh *Israel Radio's English-language* dan juga akhbar *Ha'aretz* bahawa rakyat Palestin telah ditindas sejak sekian lama dan mengalami kekecewaan yang sangat besar terhadap negara Arab yang lain yang tidak membantu, serta PLO yang dilihat gagal memainkan peranan yang sebenar. Menurut beliau lagi, kebangkitan rakyat Palestin yang berlaku secara spontan dan tiba-tiba ini merupakan manifestasi serta menggambarkan kekecewaan dan kemarahan rakyat Palestin terhadap Israel yang enggan memberikan hak rakyat Palestin sendiri.<sup>26</sup>

Kebangkitan rakyat Palestin dalam peristiwa intifadah ini memperlihatkan bagaimana keganasan tentera Israel ke atas rakyat Palestin semakin bertambah dari hari ke hari. Tentera Israel secara rasminya telah dibenarkan menggunakan peluru hidup ke atas rakyat Palestin yang berdemonstrasi ataupun menentang tentera Israel jika gas pemedih mata ataupun peluru getah tidak mampu meleraikan mereka. Penulis melihat kebenaran menggunakan peluru hidup ini menyebabkan tentera Israel terus menggunakannya untuk menghadapi rakyat Palestin yang tidak bersenjata dan kemudiannya memberikan alasan bahawa keadaan sudah tidak dapat dikawal lagi.

---

<sup>26</sup> *Ibid*, 13.

Kekejaman serta pembunuhan tentera Israel terhadap rakyat Palestin semakin menjadi-jadi saban hari. Pada tahun 1986 menyaksikan begitu banyak kes penembakan dan juga keganasan tentera Israel terhadap rakyat Palestin terutamanya di kalangan anak muda malah kanak-kanak yang masih bersekolah turut menjadi mangsa. Pada Disember 1986 tentera Israel telah menembak mati dua orang pelajar Universiti Birzeit di kampus tersebut. Mereka dibunuh kerana menyebarkan demonstrasi di kediaman mereka iaitu Gaza kepada kem-kem dan juga sekolah-sekolah yang lain di Gaza.<sup>27</sup> Selain itu juga, seorang remaja berusia 15 tahun telah terbunuh terkena tembakan tentera Israel dalam demonstrasi yang diadakan di Khan Yunis.<sup>28</sup> Remaja tersebut masih mengendong beg sekolahnya ketika ditembak.

Tindakan Israel ke atas rakyat Palestin bermula sejak dari bermulanya pendudukan mereka ke atas wilayah-wilayah di Palestin. Gaza dan Tebing Barat sebagai contoh yang diduduki sejak dari tahun 1967 telah diperintah oleh tentera dalam keadaan yang sangat kejam dan menindas. Rakyat Palestin tiada hak untuk berpolitik dan juga tiada hak untuk mengurus dan mentadbir wilayah mereka walaupun mereka hidup di dalam tanah air mereka sendiri.<sup>29</sup>

Hakikatnya punca berlakunya kepada tercetusnya peristiwa besar kebangkitan rakyat Palestin dalam intifadah pertama ini adalah kerana mereka sudah tidak tahan dan sanggup untuk menjadi mangsa kekejaman dan kezaliman Israel di atas negara mereka sendiri. Apa yang dapat dilihat di sini adalah rakyat Palestin seperti hanya menunggu masa yang paling sesuai untuk memperlihatkan kepada dunia bahawa mereka sudah bangkit dan tidak pernah bersetuju dengan kewujudan

---

<sup>27</sup> Anita Vitullo, *Uprising in Gaza*, dlm *Middle East Report*, no. 152, (1988), 18.

<sup>28</sup> *Ibid.*, 19.

<sup>29</sup> F Robert Hunter, *The Palestinian Uprising: A War By Other Means*, (Los Angeles: University of California Press, 1991), 19.

negara Israel sejak dari tahun 1948, apatah lagi dengan pendudukan Israel ke atas Palestin dalam usaha pihak Israel untuk menghapuskan Palestin dari muka bumi ini.

## **2.5 Pihak Yang Terlibat Dalam Intifadah Pertama**

Peristiwa intifadah di Palestin menunjukkan ianya berlaku secara spontan dan secara tiba-tiba. Peristiwa ini seperti telah dirancang sekian lama kerana keterlibatan semua pihak tanpa perlu diarah walaupun di kalangan pengkaji konflik Israel-Palestin bersetuju bahawa kebangkitan ini berlaku secara spontan. Kebangkitan ini juga memperlihatkan seperti wujud mana-mana kepimpinan supaya sentiasa bersedia untuk revolusi yang bakal tercetus. Tanpa mengira peringkat umur dan jantina, semua rakyat Palestin telah sama-sama bersatu dan bangkit menentang Israel dengan segala kekuatan yang ada walaupun ianya tidak setanding dengan kekuatan Israel yang jauh lebih besar dan kuat dengan kecanggihan senjata yang mereka ada.

### **2.5.1 Individu**

Intifadah pertama menyaksikan golongan pelajar universiti memainkan peranan yang sangat banyak sama ada penglibatan ataupun menjadi pimpinan dalam siri-siri pemberontakan yang berlaku. Pemberontakan, serangan hendap, pembalangan batu dan sebagainya banyak dipelopori oleh golongan muda. Begitu banyak keratan akhbar melaporkan kecederaan dan kematian di kalangan pemuda yang ditembak oleh tentera Israel. Pemuda Palestin yang terlibat bukan sahaja dikalangan lelaki malah dikalangan wanita juga turut terlibat dan dibunuh dalam

pertempuran dengan tentera Israel. Antara wanita yang tercedera di dalam pertempuran tersebut adalah Hanan Beg berumur 18 tahun yang cedera ditembak dalam himpunan besar-besaran di Bait Lahia.<sup>30</sup>

Anak muda di universiti merupakan antara kelompok mahupun golongan yang sangat memainkan peranan penting dalam peristiwa intifadah di Palestin. Anak muda di universiti ini yang merupakan penggerak aktif dalam pergerakan massa di Palestin telah menjadi barisan hadapan dalam siri-siri demonstrasi sejak berdekad lalu dan perkaderan pelajar universiti ini telah berlaku sejak awal 1980-an lagi.<sup>31</sup> Kelompok anak muda Palestin merupakan tunggak utama kebangkitan rakyat Palestin ini di mana 70% daripada mereka yang terlibat adalah dikalangan anak muda yang berumur di bawah 30 tahun dan 45-50% daripada jumlah tersebut merupakan mereka yang berumur di bawah 15 tahun.<sup>32</sup>

Satu lagi contoh keterlibatan wanita dalam peristiwa intifadah ini dapat dilihat pada kisah seorang anak muda wanita bernama Ahlam berumur 24 tahun (1988) dari kampung Ya'bud yang mengikuti perhimpunan aman ke atas kematian orang kampungnya. Beliau bersama dengan 8000 peserta demonstrasi yang lain telah ditembak dengan dengan gas pemedih mata dan salah satunya jatuh berdekatan dengannya. Beliau cuba untuk menendang jauh kapsul gas tersebut namun beliau hilang kawalan akibat terkena gas tersebut menyebabkan mata dan perutnya sakit dan berpanjangan walaupun setelah sekian lama kejadian tersebut berlaku, malah telah dihalang untuk menerima rawatan dari luar. Namun atas semangat juang yang tinggi beliau tidak pernah rasa sakit dan kecewa serta tidak selesa, bahkan beliau mengatakan bahawa tindakan Israel terhadap rakyat Palestin adalah suatu bentuk

---

<sup>30</sup> *Ibid*, 79.

<sup>31</sup> Yezid Sayigh (1989), *The Intifadah Continues: Legacy, Dynamics, and Challenges*, 26.

<sup>32</sup> *Ibid*, 27.

pertolongan. Hal ini kerana lebih banyak penindasan yang dilakukan Israel lebih menjadikan rakyat Palestin semakin kuat.<sup>33</sup>

Penglibatan golongan wanita di dalam kebangkitan rakyat Palestin tidak dapat dinafikan. Golongan wanita mempunyai jasa dan sumbangan mereka yang tersendiri bagi memastikan kejayaan misi kebangkitan ini. Sekitar 10 bulan selepas tercetusnya peristiwa intifadah yang pertama, statistik menunjukkan bahawa penglibatan wanita dalam kebangkitan ini sebanyak 20-25% daripada keseluruhan mereka yang terlibat.<sup>34</sup> Jumlah ini memperlihatkan wanita bukan alasan untuk tidak bersama-sama terlibat dalam kebangkitan malah jasa dan sumbangan mereka dalam kebangkitan rakyat Palestin sangat besar dan memberikan impak kepada kejayaan kebangkitan tersebut.

James L. Gelvin menyatakan di dalam bukunya bahawa pemuda Palestin merupakan tunggak utama dan mereka yang duduk dibarisan hadapan bagi menentang tentera Israel.<sup>35</sup> Imej pemuda yang tanpa senjata tetapi berani menentang kereta kebal yang jauh lebih hebat berbanding senjata batu yang dimiliki oleh mereka menjadi perhatian ramai pihak. Ianya juga mendapat perhatian antarabangsa dan akhirnya penulis melihat bagaimana isu di Palestin berubah menjadi isu kemanusiaan yang mendapat perhatian ramai. Namun penulis tetap beranggapan bahawa isu ini merupakan isu agama kerana jika semata-mata isu kemanusiaan, konflik ini pasti berakhir ataupun sekurang-kurangnya semakin reda seperti apa yang berlaku di Bosnia-Herzegovina suatu ketika dahulu. Bosnia menjadi isu kemanusiaan di

---

<sup>33</sup> Rania Atalla, *Enduring Intifada Injuries*, *Middle East Report*, no. 161, Health and Politics November-Disember, (1989), 8.

<sup>34</sup> Yezid Sayigh, *The Intifadah Continues: Legacy, Dynamics, and Challenges*, dalam *Third World Quarterly*, vol. 11, no. 3, (1989), 28.

<sup>35</sup> James L. Gelvin, *The Israel-Palestine Conflict: One Hundred Years of War*, (New York: Cambridge University Press, 2005), 216.

peringkat antarabangsa dan akhirnya isu tersebut berakhir, namun berbeza dengan isu yang terjadi di Palestin ini.

Walaupun golongan anak muda menjadi barisan hadapan ataupun golongan utama dalam usaha menentang Israel dengan senjata batu mereka, golongan yang lebih tua turut memainkan peranan penting dalam kebangkitan menentang Israel. Penulis berminat menggunakan perkataan penentangan pasif terhadap strategi dan pendekatan yang diambil oleh golongan tua ini. Mereka yang berjaya dan mempunyai kuasa pasaran yang besar telah melakukan boikot ke atas produk dan juga perkhidmatan yang datang daripada Israel. Walaupun Israel menguasai dan melakukan penindasan ekonomi ke atas rakyat Palestin, namun usaha boikot ini dilihat berjaya dan mampu menggoyahkan serba sedikit Israel dan menjadikan perjalanan ekonomi Israel agak perlahan berbanding sebelumnya hasil daripada boikot yang dilakukan. Malah mereka juga menolak untuk membayar cukai, mengeluarkan duit mereka daripada bank Israel dan sebagainya.<sup>36</sup>

Intifadah di Palestin memperlihatkan satu kerjasama antara semua peringkat usia yang bersatu mempertahankan agama dan negara mereka Palestin. Seluruh peringkat umur mempunyai pendekatan masing-masing dalam usaha perjuangan ini. Kanak-kanak juga turut terlibat dalam peristiwa intifadah di Palestin. Walaupun masih dalam usia yang kecil dalam lingkungan umur 0 sehingga 12 tahun, namun mereka sudah mengerti erti perjuangan kerana hidup dalam keadaan setempat yang berlaku konfrontasi. Secara normalnya kanak-kanak lain mungkin tidak berapa mengerti apa yang terjadi di sekeliling mereka, namun kanak-kanak Palestin ini mempunyai jiwa yang besar dan kental berbanding usia mereka yang mungkin bagi kanak-kanak lain adalah masa bermain-main dengan rakan-rakan yang lain.

---

<sup>36</sup> *Ibid.*, 217.

Jadual 2.2: bilangan kanak-kanak yang terbunuh dalam peristiwa Intifadah  
Disember 1987 – Mei 1989

Sebab kematian	Tebing Barat				Gaza				Jumlah
	0-6	7-12	13-16	17-19	0-6	7-12	13-16	17-19	
Umur	0-6	7-12	13-16	17-19	0-6	7-12	13-16	17-19	
Ditembak	4	16	39	78	1	3	30	38	209
Gas pemedih mata	6	2	-	-	23	2	-	3	36
Dipukul	-	1	-	2	-	-	1	3	7
Elektrokasi, terbakar	1	-	-	2	-	-	-	-	3
Objek meletup	1	1	1	-	-	-	-	-	3
Dibuang daripada trak askar	-	1	-	-	-	-	-	-	1
Tanggungjawab tentera secara tidak langsung ataupun objek mencurigakan (contoh: periuk api)	-	4	4	3	-	-	-	-	11
Jumlah	12	25	44	85	24	5	31	44	270

Sumber: *Children and The Intifadah*.<sup>37</sup>

Rekod di atas menunjukkan bilangan yang agak tinggi mangsa kekejaman tentera Israel dikalangan kanak-kanak. Data menunjukkan jumlah kanak-kanak yang terbunuh dalam 6 bulan pertama intifadah pertama yang berlaku di Palestin adalah kesan daripada ditembak dan juga terhidu gas pemedih mata sangat tinggi. Penulis melihat data yang direkodkan ini merupakan suatu bentuk bukti bahawa kanak-kanak turut terlibat di dalam kebangkitan rakyat Palestin ini dan mereka yang berada pada peringkat umur remaja bermula pada umur 13 tahun hinggalah 20 tahun adalah mangsa yang paling ramai dengan jumlah yang melebihi 100 orang di Tebing Barat dan 70 orang di Gaza.

Data di atas turut menunjukkan bahawa penglibatan golongan remaja adalah paling ramai di kalangan anak muda. Hal ini kerana jumlah kematian di kalangan remaja sangat tinggi di kedua-dua wilayah Gaza dan Tebing Barat. Dengan data yang menunjukkan kematian yang ramai di kalangan remaja, secara tidak langsung memberi kefahaman bahawa penglibatan mereka adalah lebih ramai daripada golongan lain.

<sup>37</sup> Kate Rouhana, "Children and The Intifadah", dlm. *Journal of Palestine Studies*, vol. 18, no. 4, (1989), 111.



## 2.5.2 Organisasi

Walaupun intifadah pertama di Palestin berlaku secara rasmi pada Disember 1987, namun begitu sebelum tarikh tersebut telah wujud beberapa siri pemberontakan dan operasi memerangi Israel di wilayah yang diduduki oleh tentera Israel tersebut. Pasukan Jihad Islami merupakan antara organisasi awal yang mengambil jalan perang dengan tentera Israel dan telah melancarkan operasi besar pada 15 Oktober 1987 terhadap kumpulan tentera Israel yang berada berhampiran dengan Tembok Tangisan di Baitul Maqdis.<sup>38</sup> Peristiwa tentangan ini menjadi titik permulaan kepada kebangkitan yang lebih besar bagi rakyat Palestin yang akhirnya sampai kepada tarikh rasminya berlaku intifadah di Palestin.

Kumpulan Jihad Islami ini merupakan kumpulan awal yang memerangi Israel secara bersenjata. Kumpulan ini telah muncul sejak dari tahun 1960-an lagi dan telah melakukan serangan terutamanya ke atas rakyat Israel secara individu sejak dari tahun 1980-an lagi di Gaza.<sup>39</sup> Kumpulan Jihad Islami ini dilihat sebagai kumpulan yang agresif menentang Israel dengan jalan konfrontasi senjata berbanding Hamas yang turut sama merupakan pergerakan berlandaskan agama Islam juga tetapi mengambil langkah yang agak berbeza. Hal ini boleh dilihat Hamas hanya menentang Israel secara terbuka dan meluas apabila tercetusnya peristiwa intifadah yang pertama pada tahun 1987.

Meneliti kebangkitan besar rakyat Palestin dalam peristiwa intifadah ini, dapat dilihat wujud juga organisasi yang turut bersama-sama dan menyertai kebangkitan ini. Antara organisasi yang banyak bersama dan memainkan peranan

---

<sup>38</sup> Ismail Mohd Ariffin, Osman Hj Khalid dan Md Akhir Yaacob, *Intifadah Kebangkitan Islam Palestin*, (Kuala Lumpur: Penerbitan Hizbi, 1989), 55.

<sup>39</sup> Helena Cobban, The PLO and The Intifada, dlm. *The Intifada: Its Impact on Israel, The Arab World and The Superpowers*, ed. Robert O. Freedman, (Miami: Florida International University Press, 1991), 78.

yang penting dalam intifadah adalah Hamas.<sup>40</sup> Hamas merupakan satu organisasi berasaskan gerakan Islam yang bersama-sama rakyat Palestin menentang Israel dan menjadikan kebangkitan rakyat Palestin dalam peristiwa intifadah sebagai kebangkitan Islam. Hamas walaupun secara rasminya muncul dan dikenali pada Januari 1988, namun mereka mendakwa telah wujud sebelum itu lagi dan menjadi pencetus kepada kebangkitan di sebuah kem di Gaza.<sup>41</sup>

Menjelang penghujung intifada pada tahun 1993 akibat daripada proses damai antara PLO dengan pihak Israel dalam Perjanjian Oslo, PLO melaporkan bahawa seramai 1540 orang rakyat Palestin telah syahid terbunuh manakala 130 000 orang tercedera dan 116 00 orang lagi ditangkap sepanjang tempoh enam tahun berlakunya kebangkitan rakyat Palestin. Daripada jumlah di atas, seramai 700 orang yang syahid lahir daripada organisasi Hamas dan beribu lagi ahlinya cedera dan ditangkap.<sup>42</sup>

Para pengamal media juga memainkan peranan penting dalam kebangkitan rakyat Palestin ini. Laporan-laporan serta cerita apa yang terjadi di kawasan-kawasan yang diduduki oleh tentera Israel serta demonstrasi dan juga keganasan tentera Israel menghadapi para peserta demonstrasi mampu memberi maklumat kepada pihak luar dan juga dunia apakah yang terjadi di Palestin. Kesan daripada pengaruh akhbar, memperlihatkan bagaimana tentera Israel menutup syarikat akhbar utama di Gaza

---

<sup>40</sup> Hamas merupakan satu parti ataupun kumpulan yang bernaung di bawah Ikhwan al-Muslimin. Hamas juga boleh dianggap sebagai cawangan bagi Ikhwan al-Muslimin di Palestin. Kumpulan ini secara rasminya dikenali selepas beberapa hari tercetusnya Intifadah pertama secara rasmi iaitu pada 8 Disember 1987. Hamas merupakan kumpulan yang bergerak atas nama agama Islam untuk membebaskan Palestin. Pemimpin Hamas merupakan orang kuat Ikhwan al-Muslimin seperti Syeikh Ahmad Yassin, Dr Abd Aziz Rantisi, Salah Shehadeh dan ramai lagi. Khaled Hroub, *HAMAS A Beginner's Guide*, (Selangor: The Others Press Sdn. Bhd., 2009), 12-13.

<sup>41</sup> Andrea Nusse, *Muslim Palestine: The Ideology of HAMAS*, (Abingdon: Routledge Curzon Taylor & Francis Group, 2004), 68.

<sup>42</sup> Mohsen M Saleh (2001), *The Palestinian Issue: Its background and Development up to 2000*, 66-67.

selama setahun dan kemudiannya satu lagi syarikat selama sebulan. Tiga orang jurnalis Gaza telah ditahan oleh tentera Israel dan peralatan mereka telah dirampas.<sup>43</sup>

## **2.6 Pendekatan Penentangan Dalam Intifadah Pertama**

Kebangkitan rakyat Palestin dalam peristiwa intifadah memperlihatkan beberapa strategi dan pendekatan yang diambil. Walaupun peristiwa kebangkitan rakyat ini berlaku secara tiba-tiba dan spontan namun di sana terdapat juga beberapa pendekatan yang diambil oleh pelbagai pihak bagi memastikan kebangkitan yang berlaku secara besar-besaran ini mampu meninggalkan kesan yang mendalam khususnya bagi pihak tentera Israel yang selama ini menindas dan melakukan kekejaman ke atas rakyat dan penduduk Palestin.

Pendekatan yang diambil oleh rakyat Palestin dalam peristiwa intifadah ini adalah lebih kepada perhimpunan dan demonstrasi jalanan. Jika dilihat kepada kebangkitan yang berlaku, tiada pertembungan tembak-menembak yang berlaku tetapi apa yang ada cuma balingan batu rakyat Palestin yang dibalas dengan senjata canggih tentera Israel. Kebangkitan rakyat Palestin dalam peristiwa intifadah ini pada penulis memperlihatkan kepada Israel dan dunia secara amnya bahawa mereka telah bersatu dan tidak boleh berdiam diri lagi untuk terus dinafikan hak mereka di atas tanah air mereka sendiri. Penulis juga merasakan bahawa timbul kekecewaan rakyat Palestin terhadap negara Arab yang berada disekeliling negara Palestin yang tidak mampu untuk memberikan pertolongan kepada mereka. Sedangkan kedudukan Palestin yang berada di tengah menjadi penyambung kepada negara-negara Arab tersebut.

---

<sup>43</sup> Anita Vitullo (1988), *Uprising in Gaza*, 23.

Seperti yang telah disentuh oleh penulis sebelum ini bahawa walaupun golongan pemuda menjadi barisan utama dalam usaha menentang tentera Israel, namun golongan lain seperti masyarakat yang lebih senior juga mempunyai jasa dan peranannya yang tersendiri. Dalam peristiwa intifadah di Palestin ini, bukan sahaja perhimpunan dan demonstrasi besar-besaran dijalanan dilakukan, malah terdapat beberapa golongan masyarakat yang melakukan mogok ekonomi bagi melumpuhkan ataupun sekurang-kurangnya melemahkan perjalanan ekonomi Israel. Kelompok ini dikatakan melakukan satu gerakan mobilisasi pasif dimana mereka memboikot dari membeli barangan produk Israel dan mengeluarkan duit mereka dari bank di Israel. Mereka juga enggan untuk membayar cukai dan mempunyai inisiatif sendiri untuk memenuhi keperluan ekonomi mereka. Kelompok golongan ini agak teratur dimana mereka bersama-sama dan mengajak rakyat Palestin dari bawah sehingga ke atas bersama mereka. Kelompok ini datang dari pelbagai latarbelakang seperti pelajar sekolah, profesor dan juga organisasi kejurangan serta organisasi politik turut terlibat dalam gerakan pasif menentang Israel ini.<sup>44</sup>

Melalui kebangkitan rakyat Palestin ini, pemberontakan menjadi suatu bentuk penentangan dan menjadi kekuatan untuk rakyat Palestin menentang Israel. Melalui pemboikotan produk-produk Israel serta demonstrasi, ianya berjaya menghapuskan kesenangan dan keuntungan yang diperolehi oleh Israel di wilayah yang diduduki oleh mereka.

Berdasarkan penelitian penulis, liputan media juga merupakan satu pendekatan dalam menghadapi keganasan dan kezaliman tentera Israel. Walaupun ianya mungkin bukan suatu bentuk pendekatan yang dirancang ataupun secara langsung dalam kebangkitan rakyat Palestin ini, namun peranan dan jasa wartawan

---

<sup>44</sup> James L. Gelvin (2005), *The Israel-Palestine Conflict: One Hundred Years of War*, 217.

serta para jurnalis dalam melaporkan berita-berita apa yang terjadi kepada dunia di luar menjadi sebab kepada pihak luar mengambil tahu tentang isu yang terjadi di Palestin dan memberi tekanan luar kepada pihak Israel dan mengutuk tindakan kejam dan zalim yang dilakukan oleh mereka kepada rakyat Palestin.

Selain daripada itu, terdapat juga beberapa inisiatif lain yang muncul daripada pandangan dan *ijtihad* individu tertentu dalam menjayakan kebangkitan rakyat Palestin ini. Antara perkara yang dilakukan oleh rakyat Palestin dalam kebangkitan ini adalah membunuh dan menikam mati rakyat Israel. Perkara ini dapat dilihat sebagai contoh antaranya seorang rakyat Palestin pada Mei 1989 bernama Nidal Zallum telah menikam mati dua orang penduduk Israel di Yaffo Street dan dalam tempoh tiga tahun selepas itu berlaku banyak kes orang Yahudi yang ditikam sama ada ditemui cedera ataupun terbunuh di kawasan timur dan barat Jerusalem.<sup>45</sup>

## **2.7 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, kebangkitan rakyat Palestin di dalam peristiwa intifadah yang pertama merupakan suatu bentuk manifestasi ataupun reaksi terhadap penindasan dan juga kekejaman yang dilakukan oleh tentera Israel terhadap rakyat Palestin sejak sekian lamanya. Kebangkitan ini merupakan tindak balas yang berlaku secara tiba-tiba dan mengejutkan banyak pihak apabila rakyat Palestin mampu bangkit bersama-sama tanpa mengharapkan bantuan daripada pihak ataupun negara lain. Hal ini berlaku setelah dilihat kecewa dengan negara-negara Arab lain yang berada di sekeliling Palestin yang tidak mampu untuk membuat apa-apa bagi mengembalikan Palestin sebagai sebuah negara yang diiktiraf oleh dunia.

---

<sup>45</sup> Hillel Cohen, *The Rise and Fall of Arab Jerusalem: Palestinian Politics and The City Since 1967*, (London: Routledge Taylor & Francis Group, 2011), 16.

Kelebihan yang dapat dilihat dalam kebangkitan rakyat Palestin di dalam peristiwa intifadah pertama ini adalah penyertaan anak muda ataupun golongan pemuda di dalam kebangkitan ini. Golongan pemuda memberikan impak dan kesan yang besar di dalam kebangkitan ini dan jika dilihat dalam mana-mana sejarah juga memperlihatkan bagaimana golongan anak muda mampu melakukan perubahan jika mereka bersatu dan bersama-sama bangkit.

Di dalam kebangkitan rakyat Palestin ini juga dapat dilihat nilai kepimpinan ketika di medan ataupun lapangan semasa konfrontasi dan penentangan terhadap tentera Israel dilakukan. Kebangkitan rakyat Palestin dalam peristiwa intifadah pertama ini yang dilihat bangkit tanpa arahan ataupun dipimpin oleh mana-mana organisasi, namun begitu perjalanan sepanjang 6 tahun kebangkitan bermula pada 1987 sehinggalah 1993 menyaksikan bagaimana kepimpinan di lapangan itu lahir dengan sendirinya hasil daripada kerjasama seluruh peringkat umur dan juga tanpa mengira jantina.

# **BAВ 3**

## **BAB III**

### **INTIFADAH KEDUA (2000) DI PALESTIN**

#### **3.1 Pendahuluan**

Kebangkitan rakyat Palestin tidak dapat dihalang mahupun diberhentikan oleh sesiapaupun. Jika ditinjau sejarah yang berlaku di Palestin dapat dilihat bagaimana kebangkitan dikalangan rakyat Palestin terutamanya anak muda terus menerus berlaku. Usaha Israel untuk menghalang kebangkitan ini tidak mendatangkan hasil. Perjanjian Oslo yang dilakukan atas tujuan memenangkan semua pihak dilihat tidak mendatangkan hasil apabila ianya tidak berjalan sepertimana perjanjian yang telah dilakukan dan akhirnya menyebabkan kebangkitan rakyat Palestin berlaku sekali lagi dan dinamakan sebagai *Intifadah Al-Aqsa* pada tahun 2000.

Perjanjian Oslo yang dimeterai tidak dapat menghalang kebangkitan yang telah berlaku sebelumnya. Penyelesaian yang telah djanjikan nampak seperti tiada hasil dan seperti tiada usaha ke arah penyelesaian tersebut yang menyebabkan rakyat Palestin sekali lagi mengambil keputusan untuk menentang regim Zionis dengan cara kekerasan. Bahkan boleh dikatakan kegagalan Perjanjian Oslo yang dimeterai telah menjadi punca kepada tercetusnya sekali lagi kebangkitan rakyat Palestin menentang Israel secara besar-besaran.

Terdapat dua teori yang berlegar di kalangan pengkaji adakah *Intifadah Al-Aqsa* yang menjadi penghalang kepada proses damai ataupun pelaksanaan proses damai dalam keadaan yang sangat lambat yang menjadi punca kepada tercetusnya kebangkitan rakyat Palestin buat kali kedua.



### 3.2 Latarbelakang Palestin Sebelum Intifadah Kedua

Kebangkitan rakyat Palestin pada 1987 dalam peristiwa intifadah yang pertama, menyaksikan bagaimana secara tiba-tiba rakyat Palestin bangkit dan menentang Israel yang menjajah tanah air mereka sendiri sejak sekian lama. Kebangkitan tersebut akhirnya dipadamkan ataupun diberhentikan dengan suatu bentuk perjanjian perdamaian yang dilakukan antara pihak *Palestine Liberation Organization* (PLO) dengan pihak Israel dalam Perjanjian Oslo.

Di dalam perjanjian tersebut jelas menyatakan bahawa Palestin akan diiktiraf sebagai istilah yang disebut Autoriti Palestin.<sup>1</sup> Namun perjanjian yang dilakukan nampaknya hanya sekadar sandiwara dan alasan untuk memberhentikan kebangkitan rakyat Palestin ketika itu dari terus marak dan meluas. Akhirnya setelah melihat kepada penipuan dan pendustaan yang dilakukan oleh Israel, maka pada tahun 2000 sekali lagi dunia menyaksikan kebangkitan rakyat Palestin dalam peristiwa intifadah yang kedua.

Mengkaji dan meneliti mengenai latarbelakang suasana Palestin sebelum tercetusnya intifadah kedua boleh difokuskan kepada Perjanjian Oslo yang dimeterai oleh Israel-PLO pada 1993 pada peringkat yang pertama dan juga 1995 pada peringkat yang kedua. Sepanjang 7 tahun berlakunya proses perbincangan perjanjian perdamaian dalam Perjanjian Oslo ini telah memberhentikan atau merehatkan kebangkitan rakyat Palestin yang tercetus dalam peristiwa intifadah pertama 1987.

---

<sup>1</sup> Avi Shlaim, *The Rise and Fall of the Peace Process*, dlm. *International Relations of the Middle East*, 246.

Intifadah al-Aqsa juga teretus akibat daripada pelaksanaan isi Perjanjian Oslo yang tidak dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan tersusun.<sup>2</sup> Malah boleh dikatakan sebagai tiada usaha melaksanakannya kerana isu-isu utama yang menjadi pertelingkahan antara Palestin dan Israel khususnya mengenai kewujudan negara Palestin serta sempadan wilayah dan juga penempatan Yahudi di wilayah Palestin masih berada di jalan yang buntu.

Amos Perlmutter seorang profesor di jabatan Sains Politik Universiti Amerika menyatakan bahawa *Intifadah Al-Aqsa* merupakan punca dan sebab kepada kegagalan Perjanjian Oslo.<sup>3</sup> Menurut beliau, keganasan yang timbul daripada kebangkitan ini khususnya aktiviti pengebom berani mati telah merencatkan dan mematikan perjalanan Perjanjian Oslo. Namun penulis melihat sebaliknya iaitu kegagalan pelaksanaan Perjanjian Oslo yang menjadi sebab dan punca utama kepada teretusnya sekali lagi kebangkitan rakyat Palestin menentang Israel.

### 3.2.1 Palestin Pasca Perjanjian Oslo

Perjanjian Oslo yang dimeterai oleh Israel bersama dengan PLO yang diwakili oleh Yassir Arafat dilihat sebagai suatu proses perdamaian dan perjanjian yang memberikan harapan yang besar kepada rakyat Palestin untuk wujud dan diiktiraf sebagai sebuah negara yang sah. Malah dikalangan pengkaji juga menyifatkan bahawa perbincangan perdamaian antara Israel-Palestin ini merupakan suatu bentuk langkah dan usaha untuk mencapai kedamaian di antara kedua-dua

---

<sup>2</sup> Siti Zaleha Hamzah, *Proses Damai Arab-Israel Dalam Menangani Konflik di Palestin: Kajian Terhadap Perjanjian Oslo (1993-1995)*, Disertasi, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 159.

<sup>3</sup> Amos Perlmutter, *The Israel-PLO Accord is Dead*, dlm. *Foreign Affairs*, vol. 74, no. 3, (1995), 59.

belah pihak.<sup>4</sup> Namun begitu, perjanjian yang dilakukan antara dua pihak tersebut tiada hasil dan pelaksanaannya dilihat seolah-olah gagal dilakukan. Negara Palestin yang sepatutnya diisytiharkan sebagai sebuah negara yang berdaulat menunjukkan jalan buntu apabila usaha ke arahnya seperti terhenti malah di kalangan pengkaji banyak menyatakan bahawa Perjanjian ini bukan sahaja gagal diakhirnya tetapi juga telah gagal diperingkat awal lagi.<sup>5</sup>

Jika dilihat pada perjanjian yang pernah berlaku, apabila perjanjian perdamaian dilakukan antara dua pihak, maka tebusan dan banduan yang ditahan semasa tempoh konfrontasi ataupun penentangan akan dibebaskan dan diberi pengampunan dan begitu jugalah falsafah dan juga pemahaman masyarakat terutamanya rakyat Palestin pada Perjanjian Oslo ini, namun apa yang berlaku di Palestin adalah tahanan di penjara di Israel terus ditahan dan tidak dibebaskan. Kesemua tahanan ini hanya tinggal harapan sahaja untuk dibebaskan daripada penjara Israel.<sup>6</sup>

Isu-isu utama yang menjadi harapan dan matlamat rakyat Palestin di dalam kebangkitan mereka adalah seperti isu penempatan ke atas wilayah Palestin, sempadan wilayah, status Jerusalem serta hak untuk mereka kembali ke tanah air mereka. Kesemua isu yang disebutkan ini merupakan antara agenda dan fokus utama yang dibincangkan di dalam mana-mana perjanjian dan persidangan khususnya Perjanjian Oslo, namun begitu pelaksanaannya dilihat gagal diusahakan dan menjadikan rakyat Palestin tertunggu-tunggu hasil kepada perjanjian yang telah dilakukan.

---

<sup>4</sup> Jonathan Rynhold, *The Failure of the Oslo Process: Inherently Flawed or Flawed Implimentation?*, dlm. *Mideast Security and Policy Studies*, No. 76, (2008), 2.

<sup>5</sup> Avi Shlaim, *The Rise and Fall of The Oslo Peace Process*, dlm. *International Relations of the Middle East*, ed. Louise Fawcett, (Oxford: Oxford University Press, 2005).

<sup>6</sup> Um Jabr Wishah, *Prisoner For Freedom: The Prisoner Issue Before and After Oslo*, dlm *Journal of Palestine Studies*, Vol. 36, No. 1, (2006), 75.

Jika diteliti di dalam Perjanjian Oslo, secara umumnya dapat difahami bahawa Palestin akan diiktiraf sebagai sebuah negara berdaulat walaupun pada peringkat awalnya hanya mengiktiraf PLO sebagai badan berdaulat yang mengawal selia wilayah Palestin. Namun sehingga waktu tercetusnya intifadah, malah sehingga ke hari ini status Palestin masih dalam keadaan kelam dan tergantung tanpa ada sebarang keputusan dibuat.

Perjanjian Oslo secara umumnya dilihat sebagai langkah yang terbaik yang boleh dilakukan bagi mencapai perdamaian dan memberhentikan konfrontasi. Namun seperti yang telah penulis huraikan sebelum ini, di mana pelaksanaan terhadap perjanjian yang telah dilakukan adalah kabur. Rakyat Palestin tidak mampu untuk terus berdiam diri dan perlu mengambil langkah drastik bagi menekan dan menggasak pihak Israel dan juga kuasa besar dunia agar permasalahan di Palestin dapat diselesaikan dengan kadar yang segera.

### **3.3 Pengenalan Intifadah Kedua di Palestin**

Kebangkitan rakyat Palestin ataupun dinamakan intifadah menjadi tumpuan masyarakat dunia terhadap keganasan Israel yang menindas dan menzalimi rakyat Palestin. Intifadah kedua yang berlaku di Palestin ataupun dinamakan dengan *Intifadah Al-Aqsa* memperlihatkan peranan media dalam melaporkan dan menceritakan kepada masyarakat dunia tentang apa yang sedang berlaku di Palestin.

Intifadah kedua di Palestin tercetus pada tahun 2000 dimana berlakunya provokasi daripada Perdana Menteri Israel pada masa itu iaitu Ariel Sharon yang memasuki kawasan *Islamicjerusalem* ataupun Baitul Maqdis dengan diiringi oleh

1000 anggota tentera Israel.<sup>7</sup> Lawatan provokasi yang dilakukan oleh Sharon ke dalam kawasan Baitul Maqdis di mana terletak juga Masjid al-Aqsa di dalamnya dan bermulanya kebangkitan rakyat Palestin selepas itu menyebabkan kebangkitan ini turut dikenali sebagai *al-Aqsa intifadah*.<sup>8</sup>

Kebangkitan rakyat Palestin dalam peristiwa intifadah di Palestin memperlihatkan benarnya kata-kata Yassir Arafat bahawa intifadah ataupun kebangkitan rakyat Palestin tidak dapat dihentikan oleh sesiapa pun kerana ianya tumbuh dan terhasil daripada rakyat sendiri dan bukannya diarahkan oleh sesiapa. Atas sebab ini, penulis berpendapat bahawa walaupun ada usaha memberhentikan kebangkitan rakyat Palestin pada peristiwa intifadah pertama, tetapi sejarah membuktikan bahawa selepas 7 tahun, rakyat Palestin telah kembali bangkit menentang Israel.

Intifadah kedua yang tercetus di Palestin ini mula menjadi bualan dan perhatian di peringkat dunia serta mendapat simpati masyarakat dunia apabila tercetusnya satu tragedi yang dikira sebagai antara *turning point* ataupun faktor utama tercetusnya kebangkitan ini. Tragedi tersebut adalah apabila seorang kanak-kanak yang bernama Muhammed al-Durra yang berselindung dibalik tong bersama ayahnya daripada ditembak secara bertalu-talu oleh tentera Israel.<sup>9</sup> Kisah ini boleh dilihat dan ditonton didalam banyak laman web dan juga di laman *youtube*.

Intifadah kedua yang berlaku memperlihatkan sedikit perbezaan berbanding dengan intifadah pertama yang berlaku pada tahun 1987. Penulis menyatakan sebelum ini bagaimana rakyat Palestin bertindakbalas atas kezaliman dan penindasan Israel dengan berdemonstrasi dan memboikot Israel, namun dalam siri kebangkitan

---

<sup>7</sup> Mouin Rabbani, A Smorgasbord of Failure: Oslo and The Al-Aqsa Intifada, dlm. *The New Intifada Resisting Israel's Apartheid*, ed. Roane Carey, (London: Verso, 2001), 71.

<sup>8</sup> <http://www.globalsecurity.org/military/world/war/intifada2.htm>, diakses pada 11 Oktober 2012.

<sup>9</sup> Ramzy Baroud, *The Second Palestinian Intifada: A Chronicle of a People's Struggle*, (London: Pluto Press, 2006), 23.

intifadah yang kedua ini rakyat Palestin telah memilih untuk lebih agresif dan maju selangkah ke hadapan apabila mereka berjihad melakukan serangan pengebom berani mati ke atas kem-kem tentera Israel. Ketika mana Israel dan PLO berbincang di dalam pelan Perjanjian Oslo, dua organisasi yang berlatarbelakangkan perjuangan agama Islam iaitu Hamas dan Jihad Islami telah melakukan sebanyak 30 serangan pengebom berani mati.<sup>10</sup>

*Intifadah al-Aqsa* ataupun lebih dikenali sebagai intifadah kedua di kalangan orang Palestin dan Israel merupakan satu lagi bentuk penentangan yang telah dilakukan sebelum-sebelum ini oleh rakyat Palestin terhadap Israel. Ianya merupakan kesinambungan daripada *The Great Revolt* tahun 1936-1939, perang 1948, Perang Enam Hari 1967, Perang Israel-Lubnan 1982 dan juga intifadah pertama pada tahun 1987. Sememangnya konflik di Palestin telah berlaku sejak sekian lama lagi, dan kebangkitan kali ini merupakan sebahagian daripada mata rantai kebangkitan yang telah berlaku sebelumnya.

Jadual 3.1: Kesinambungan kebangkitan Rakyat Palestin sebelum *Intifadah al-Aqsa* 2000.

Peristiwa	Penerangan
<i>The Great Revolt</i> 1936-1939	Merupakan kebangkitan masyarakat Arab atas dasar nasionalis menentang British yang menguasai Palestin ketika itu. Masyarakat Arab juga bangkit menentang British kerana berlakunya pemindahan dan kemasukan orang Yahudi ke dalam Palestin.
Perang 1948 ( <i>nakhbah</i> )	Merupakan peristiwa hitam yang berlaku di Palestin. Pada peristiwa ini juga Israel telah tertubuh sebagai sebuah negara secara rasminya. Peristiwa ini dinamakan sebagai <i>nakhbah</i> kerana bermaksud kehancuran yang memperlihatkan perkampungan Palestin dihancurkan oleh Israel apabila Israel wujud sebagai sebuah negara rasmi pada 1948.
Perang Enam Hari 1967	Berlaku diantara Israel dengan negara Arab

<sup>10</sup>Yoram Schweitzer, The Rise and Fall of Suicide Bombings in the Second Intifada dlm. *Strategic Assessment*, Vol. 13, No. 3, (2010), 40.

	seperti Jordan, Mesir dan Syria. Pada peperangan ini Israel mendapat kemenangan dan berlaku perubahan geografi Palestin yang agak drastik apabila Israel berjaya menguasai Tebing Barat ataupun <i>Transjordan</i> daripada Jordan, Semenanjung Sinai daripada Mesir dan Bukit Golan daripada Syria.
Perang Israel-Lubnan 1982	PLO yang merupakan badan yang diiktiraf mewakili rakyat Palestin telah berpusat di Selatan Lubnan pada awalnya. Perang Israel-Lubnan ini meruakan serangan Israel ke atas kepimpinan PLO dan peristiwa pembantaian pelarian Palestin di Lubnan yang menetap di kem Syabra dan Shatila di bawah arahan Ariel Sharon berlaku pada tahun yang sama.
Intifadah Pertama 1987	Berlaku pada Disember 1987 sehinggalah 1993. Merupakan peristiwa yang mengejutkan pelbagai pihak kerana berlaku secara tiba-tiba dan secara menyeluruh di peringkat masyarakat Palestin. Kebangkitan ini terhenti melalui rundingan damai antara PLO dan Israel dalam Perjanjian Oslo.

Ramai di kalangan pengkaji yang berselisih pendapat mengenai tempoh intifadah kedua. Namun majoritinya mengatakan intifadah kedua berakhir pada 2005 tetapi selepas Februari 2005 masih wujud beberapa konfrontasi dan juga penentangan terhadap tentera Israel cuma menjadi perbalahan dan perbincangan di kalangan pengkaji sama ada penentangan tersebut merupakan pemberontakan yang berlaku pada sesetengah tempat sahaja ataupun ianya merupakan sebahagian daripada proses penentangan dalam intifadah. Hal ini kerana apabila dilihat keadaan dan situasi Palestin sejak dari awal lagi menunjukkan konflik dan penentangan yang berpanjangan dalam bentuk yang hampir sama sahaja.

Menurut Dr Jonathan Schachter yang merupakan seorang penyelidik di *The Institute for The National Security Studies* (INSS) berakhirnya intifadah tidak dapat dipastikan secara tepat. Menurut beliau lagi *Intifadah Al-Aqsa* itu sendiri tidak menunjukkan suatu definisi ataupun fenomena yang tersendiri kerana penentangan

rakyat Palestin terhadap Israel berlaku sejak sekian lama dalam bentuk yang sama, maka kerana itulah sama ada berakhir atau tidak intifadah kedua itu tidak dapat dipastikan dengan tepat.<sup>11</sup> Namun, beliau berpendapat untuk melihat bagaimana memastikan bahawa intifadah itu berakhir ataupun tidak adalah dengan melihat kepada fenomena penentangan sewaktu *Intifadah Al-Aqsa* berlaku seperti pengebom berani mati dan juga elemen-elemen penting yang menjadi takrifan ataupun identiti kepada intifadah al-Aqsa itu sendiri.

Menurut pandangan penulis, intifada yang dimaksudkan adalah mengenai kebangkitan rakyat Palestin menentang Israel secara besar-besaran. Jika dilihat pada situasi semasa dan juga fenomena semasa berlakunya intifadah, penulis berpandangan bahawa intifadah yang dilakukan oleh rakyat Palestin pada peringkat kedua ini telah berakhir. Adapun penentangan dan juga konfrontasi yang berlaku selepasnya adalah merupakan penentangan yang sudah lama dijalankan oleh rakyat Palestin sejak sekian lama.

### **3.4 Punca Berlakunya Intifadah Kedua di Palestin**

Penindasan dan penafian hak yang dilakukan ke atas rakyat Palestin sejak sekian lama walaupun terdapat perjanjian yang ingin mencapai jalan perdamaian antara pihak Israel dan juga Palestin memperlihatkan kegagalan dan pencerobohan ke atas perjanjian tersebut. Pelbagai alasan digunakan oleh Israel bagi menghalalkan dan membenarkan tindakan mereka yang terus mengawal dan mengongkong rakyat Palestin.

---

<sup>11</sup> Jonathan Schachter, The End of Second Intifada?, dlm. *Strategic Assessment*, Vol. 13, No. 3, (2010), 63.



Punca kepada teretusnya kebangkitan rakyat Palestin kali kedua ini boleh dilihat datang dan muncul daripada pelbagai faktor sama ada luaran ataupun dalaman yang akhirnya mencetuskan kebangkitan yang berlaku. Faktor-faktor luaran seperti Perjanjian Oslo dan sebagainya serta faktor dalaman seperti kehidupan yang menyeksakan dan kesusahan yang berpanjangan menjadi sebab utama kepada meletusnya intifadah kedua dikalangan rakyat Palestin.

Perjanjian Oslo merupakan suatu sejarah yang dilihat memberhentikan kebangkitan rakyat pada peristiwa intifadah pertama dan menjadi punca kepada kebangkitan rakyat sekali lagi pada peristiwa intifadah yang kedua. Perjanjian Oslo yang dijalankan hanya mengaburi pihak antarabangsa kononnya kuasa autonomi Palestin bakal diwujudkan dan penyelesaian dua negara dikemukakan bagi menyelesaikan konflik Israel-Palestin yang berlaku sejak sekian lama lagi.

Penulis berpendapat bahawa Perjanjian Oslo ini adalah suatu bentuk penjajahan yang baru yang dilakukan ke atas rakyat Palestin. Kandungan dan isi perjanjian dilihat menguntungkan kedua-dua belah pihak. Namun apa yang berlaku adalah eksploitasi perjanjian oleh Israel dan pelaksanaan kandungan perjanjian yang tidak terlaksana dan hak rakyat Palestin terus dinafikan serta tiada tindakan antarabangsa dilakukan ke atas pengkhianatan perjanjian oleh Israel. Perjanjian Oslo ini menjadi penguasaan Israel ke atas Palestin secara tidak langsung berbanding sebelumnya yang berlaku secara langsung pendudukan dan penempatan Israel ke atas negara Palestin.

Kegagalan Perjanjian Oslo merupakan antara punca utama kepada berlakunya kebangkitan rakyat Palestin pada peristiwa intifadah kedua ini. Negara Palestin yang sepatutnya diisytiharkan pada Mei 2001<sup>12</sup> nampaknya tiada usaha ke

---

<sup>12</sup> Noor Shahily binti Dahalan, *Intifadah dan Proses Pembinaan Peradaban Bangsa Palestin*, (Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya, 2004), 48.

arah itu. Rakyat Palestin yang didiamkan sementara dalam kebangkitan ketika mana berlakunya intifadah pertama dahulu nampaknya bangkit dan berjuang semula apabila perjanjian yang dilakukan dikhianati dan dilanggar oleh Israel.

Selain Perjanjian Oslo, Perjanjian *Camp David II* pada tahun 2000 juga mencapai kegagalan dan menjadi punca kepada tercetusnya *Intifadah Al-Aqsa*. Perbincangan ini hanya dilihat sebagai kunci untuk memberhentikan pemberontakan dan penentangan rakyat Palestin kepada mereka. Isu-isu yang diperbincangkan masih anyu di atas kertas tanpa tindakan. Hal ini telah meledakkan kemarahan rakyat Palestin yang telah sekian lama mengimpikan kewujudan negara Palestin yang berdaulat dan diiktiraf oleh seluruh dunia. Malah kekecewaan rakyat Palestin lebih tertumpu kepada keengganan Israel untuk menyelesaikan masalah penempatan Yahudi di dalam wilayah Palestin<sup>13</sup> kerana sehingga tercetusnya *Intifadah Al-Aqsa*, masih wujud lagi penempatan Yahudi di Palestin khususnya di Tebing Barat.

Menurut Ramzy Baroud, kegagalan perbincangan di antara Barak dan juga Yassir Arafat pada Julai 2000 pada Perjanjian *Camp David II* menjadi punca kepada kemarahan penduduk Palestin dan akhirnya mencetuskan kebangkitan rakyat Palestin kali kedua.<sup>14</sup> Rakyat Palestin mengharapkan sesuatu yang baru di dalam Perjanjian *Camp David II* yang boleh menggembirakan mereka setelah mereka dikhianati dengan perjanjian yang dilakukan sebelum ini pada tahun 1979, namun apa yang terjadi hanyalah ulangan sejarah semata-mata dan pihak Israel terus melanggar dan mengkhianati perjanjian yang dilakukan.

Punca utama kepada kebangkitan rakyat Palestin sekali lagi dalam peristiwa intifadah kedua boleh dilihat berpunca daripada lawatan seorang tokoh politik Israel yang terkenal dengan keganasan dan kezaliman beliau ke atas rakyat Palestin iaitu

---

<sup>13</sup> Avi Shalim, *The Rise and Fall of The Oslo Peace Process*, dlm. *International Relations of the Middle East*, (2009), 257.

<sup>14</sup> Ramzy Baroud *The Second Palestinian Intifada: A Chronicle of a People's Struggle*, 19.

Ariel Sharon ke *Baitul Maqdis* yang menempatkan Masjid al-Aqsa pada 28 September 2000<sup>15</sup> dan ditambah lagi dengan kawalan ketat lebih kurang seribu orang tentera Israel yang mengiringi beliau dalam lawatan tersebut.<sup>16</sup>

Walaupun ramai menyatakan bahawa lawatan Sharon ke Baitul Maqdis menjadi punca utama kepada teretusnya *Intifadah Al-Aqsa*, akan tetapi penulis melihat bahawa kegagalan pelaksanaan perjanjian damai yang telah dilakukan menjadi antara faktor utama sebenarnya teretusnya peristiwa ini. Hal ini kerana, keadaan dan kedudukan Palestin masih dalam keadaan yang tidak jelas kerana statusnya masih tiada apa-apa perubahan walaupun banyak sekali perjanjian dilakukan antara Palestin dan Israel.

Seorang penulis Barat Mitchel G. Bart menyatakan bahawa intifadah kedua bukanlah berpunca daripada lawatan provokasi Sharon tetapi merupakan perancangan Arafat selepas pulang daripada perbincangan dalam *Camp David II* yang mana beliau tidak bersetuju dengan perjanjian tersebut dan merancang mengadakan keganasan dan huru-hara yang dinamakan sebagai intifadah.<sup>17</sup> Penulis berpendapat kemungkinan besar Bart cuba mengaitkan intifadah dengan kenyataan daripada Baroud bahawa punca intifadah adalah kerana kegagalan di dalam Perjanjian *Camp David II*, bukannya lawatan provokasi daripada Sharon dan inilah kesimpulan beliau ketika mengulas mengenai punca kepada berlakunya intifadah dengan menafikan lawatan Sharon merupakan penyebab kepada teretusnya kebangkitan rakyat Palestin.<sup>18</sup>

---

<sup>15</sup> ‘Ammad Yunus, *al-Intifadah al-Aqsa: tarikhuha-Jazuruha-Asbabuha-In’ikasatuha ‘Ala al-Filistiniyyin wa ‘Ala Dual al-Jawar*, (Lubnan: al-Muassasah al-Hadisah lil kuttab, 2005), 55.

<sup>16</sup> Stewart Ross, *The Israeli-Palestinian Conflict*, (Amerika Syarikat: The McGraw-Hill Companies, Inc, 2007), 199.

<sup>17</sup> Mitchel G. Bart, *The al-Aksa Intifada*, dlm. Myth and Facts Online, Jewish Virtual Library, akses pada 11 Oktober 2012, <http://www.jewishvirtuallibrary.org/jsourcemyths/mf19a.html>.

<sup>18</sup> *Ibid.*

Penulis turut bersetuju dengan pandangan Jeremy Pressman yang menyatakan bahawa dua individu yang sering dikaitkan dengan punca berlakunya intifadah iaitu Ariel Sharon dan Yassir Arafat adalah kurang tepat.<sup>19</sup> Hal ini kerana sepanjang 7 tahun berlakunya Perjanjian Oslo, keadaan Palestin telah memaksa rakyatnya untuk kembali bangkit menentang Israel.

Intifadah pertama yang tercetus pada tahun 1987 telah terhenti dengan termeterainya Perjanjian Oslo. Rakyat Palestin bersetuju untuk tidak meneruskan konfrontasi dengan harapan negara Palestin akan ditubuhkan. Namun apa yang berlaku adalah sehingga saat tercetusnya intifadah kedua, Palestin masih kekal dalam status yang sama. Punca terhentinya intifadah pertama 1987 juga menjadi punca kepada tercetusnya kebangkitan kali kedua pada tahun 2000.

### **3.5 Pihak Yang Terlibat Dalam Intifadah Kedua**

Masyarakat dunia sekali lagi menyaksikan kebangkitan rakyat Palestin dalam memelihara tanah air mereka. Mereka kembali bersama-sama bangkit dan menentang Israel. Sepertimana peristiwa intifadah pertama yang berlaku pada tahun 1987, intifadah kedua turut memperlihatkan bahawa golongan muda merupakan golongan yang mendominasi dan menjadi tunggak utama kepada kebangkitan rakyat Palestin. Wujud juga organisasi yang menggerakkan ahlinya bersama bangkit dan mempertahankan kedaulatan Palestin dari terus dijajah dan diduduki oleh Israel. Fatah yang mengetuai PLO dan membentuk *Palestinian Authority* (PA) hasil daripada Perjanjian Oslo juga menubuhkan pasukan khas ataupun *tanzim* yang terlibat di dalam *Intifadah Al-Aqsa*. Penglibatan pelbagai pihak yang menyokong

---

<sup>19</sup> Jeremy Pressman, *The Second Intifada: Background and Causes of the Israeli-Palestinian Conflict*, dlm. *Journal of Conflict Studies*, Vol. 23, No. 2, (2003), 118.

*Intifadah Al-Aqsa* ini dilihat sedikit berbeza dengan intifadah 1987 kerana pada kali ini, kerjasama antara individu ataupun rakyat Palestin dengan organisasi yang terlibat lebih terserlah berbanding tahun 1987.

*Intifadah Al-Aqsa* juga menyaksikan kematian yang berlipat kali ganda banyaknya berbanding intifadah 1987 kerana penglibatan tentera Palestin ataupun pasukan khidmat keselamatan Palestin di dalam kebangkitan ini. Pasukan ini mempunyai senjata seperti *rifle* dan juga senjata api yang lainnya. Manakala pihak Israel pula dengan senjata berat mereka beserta dengan kereta kebal dan kenderaan bersenjata sama ada di darat ataupun udara. Penulis melihat perkara ini menjadi sebab kepada bertambahnya mangsa di dalam peristiwa ini kerana kedua-dua pihak menggunakan senjata api berbanding pada intifadah 1987, rakyat Palestin hanya menggunakan batu sebagai tanda melawan Israel.

### **3.5.1 Individu**

Kesedaran dan juga keperihatinan di dalam jiwa setiap individu terutamanya muslim bagi membebaskan Palestin dari terus dicengkam oleh Israel dilihat sebagai suatu usaha yang bermula daripada peringkat bawah sekali iaitu bermula daripada diri sendiri dan akhirnya mampu mempengaruhi orang lain dan tersebar di seluruh peringkat masyarakat untuk sama-sama bangkit menentang Israel. Usaha-usaha yang dilakukan oleh individu-individu yang terlibat ini pada mulanya nampak seperti tidak ada hasilnya namun apabila berjaya mempengaruhi orang lain, hasil yang tercapai tidak dapat dinafikan memberikan kesan dan manfaat yang besar.

Berbeza dengan apa yang berlaku pada peristiwa intifadah pertama 1987, golongan pekerja dan juga usahawan Palestin melakukan boikot ekonomi serta

enggan membayar cukai kepada Israel. Namun pada peristiwa intifadah kedua ini menyaksikan kempen dan usaha memboikot produk Amerika yang merupakan penaja utama kepada Israel pada hari ini telah merebak ke negara-negara Arab. Pemboikotan ini merupakan suatu fenomena baru di dalam negara Arab apabila rakyatnya akan membelek dan memerhatikan negara pengeluar bagi barangan yang hendak dibeli terlebih dahulu sebelum membelinya.<sup>20</sup>

Penulis melihat bahawa jika tidak diteliti dan diperhalusi, usaha memboikot produk dan perkhidmatan Israel serta Amerika Syarikat yang menjadi penaja kepada Israel mungkin akan dilihat tidak memberi kesan yang besar ke atas ekonomi mereka kerana ianya banyak dipelopori oleh orang kebanyakan dan masih ramai masyarakat dunia yang menggunakan perkhidmatan dan produk mereka. Namun begitu kesan yang mereka rasai pastinya cukup besar ditambah lagi dengan populasi negara Arab yang mempunyai pasaran yang cukup luas. Jikalau kempen boikot ini diteruskan sampai suatu tempoh yang panjang, kemerosotan ekonomi Israel serta Amerika Syarikat mungkin benar-benar akan berlaku.

Golongan muda ataupun anak muda merupakan tunjak utama ataupun pemain utama di dalam kebangkitan rakyat Palestin ini. Sepertimana yang pernah berlaku di mana-mana kebangkitan dan penentangan terhadap penjajah ataupun kerajaan, anak muda pastinya memainkan peranan yang penting. Jika dilihat di dalam laporan statistik yang dibuat oleh *The Palestine Monitor* menunjukkan bahawa golongan anak muda merupakan kelompok yang paling besar sekali yang mati akibat daripada penentangan yang berlaku. Secara teori yang diterima pakai adalah, semakin banyak atau ramai sesuatu kelompok itu, maka kesannya akan lebih banyak terhadap kelompok tersebut. *The Palestine Monitor* melaporkan bahawa seramai

---

<sup>20</sup> Marwan Asmar, *Intifada II: Media and Politics*, (Amman: Ad-Dustour Commercial Presses, 2001), 73-74.

2575 orang daripada 3334 jumlah kematian adalah di kalangan anak muda yang berumur 18 tahun ke atas sejak September 2000 sehinggalah September 2004.<sup>21</sup> Jumlah ini menjadikan ianya 77.23% daripada keseluruhan mangsa yang ditemui meninggal dunia. Perkara ini merupakan bukti bahawa golongan pemuda sememangnya tidak dapat dipisahkan daripada terma kebangkitan kerana semangat dan daya juang mereka yang sangat tinggi ketika mana peringkat umur mereka di usia yang muda dan bertenaga.

Di dalam peristiwa *Intifadah Al-Aqsa* ini dapat menyaksikan wujud suatu bentuk penentangan baru yang dilakukan oleh rakyat Palestin dimana aktiviti pengeboman berani mati giat dijalankan di waktu ini bagi menggerunkan Israel dari terus melakukan pendudukan dan penjajahan ke atas wilayah Palestin. Apa yang menarik adalah penyertaan terhadap aktiviti pengebom berani mati ini tidak terhad dan disertai oleh golongan lelaki sahaja bahkan golongan wanita turut memberi sumbangan sebagai pengebom untuk mengejar syahid seperti mana yang dilakukan oleh golongan lelaki.

Satu contoh yang dapat ditunjukkan mengenai penglibatan golongan wanita di dalam serangan pengebom berani mati ini adalah seperti seorang wanita Palestin yang bernama Wafa Idris.<sup>22</sup> Tindakannya yang nekad untuk bersama-sama melancarkan serangan berani mati telah memberikan semangat buat kaum wanita Islam secara umumnya dan wanita Palestin secara khususnya. Beliau telah meletupkan dirinya di *Jaffa Street* di Jerusalem dan mengakibatkan dirinya dan seorang Israel terbunuh serta 50 lagi cedera. Beliau merupakan wanita pertama yang

---

<sup>21</sup> Mustaffa Barghouti, *Palestinian Intifada-4<sup>th</sup> Anniversary*, akses pada 5 Januari 2013, [www.PalestineMonitor.org](http://www.PalestineMonitor.org).

<sup>22</sup> Yoram Schweitzer, *Palestinian Women Suicide Bombers: Reality Vs. Myth*, dlm. *Female Suicide Bombers: Dying for Equality?* (2006), 25.

mengebom diri sendiri dan telah berjaya mempengaruhi golongan wanita yang lain untuk turut sama mengambil tindakan sepertinya.

Wafa Idris merupakan ikon bagi golongan wanita yang mahu mengikut jejak langkahnya sebagai pejuang melalui jalanengebom diri sendiri. Wafa berjaya menanamkan sifat berani dan tidak gentar di kalangan wanita untuk sama-sama berjuang mempertahankan Palestin. Apabila bom yang dibawa oleh beliau meletup, cerita mengenainya telah tersebar ke seluruh negara Arab dan menjadi bualan orang ramai. Usahnya telah mendapat pujian dikalangan orang Arab, dan ini merupakan antara sebab bagaimana usahanya sebagai seorang wanita mampu mempengaruhi kelompok wanita lain yang sebelum ini belum pernah mengambil tindakan seperti ini.

Selepas beliauengebom dirinya, beliau dianggap sebagai wira bagi golongan wanita dan menjadi ikutan buat wanita lainnya. Bermula daripada Januari 2002 sehingga Mei 2006 seramai 67 orang wanita berjaya dikesan merancang untuk melakukan aksi pengeboman berani mati. Namun hanya 8 orang sahaja yang berjaya meletupkan dirinya. Jadual di bawah menunjukkan golongan wanita yang terlibat di dalam aktiviti pengebom berani mati dan terlibat di dalam organisasi mana.<sup>23</sup>

Jadual 3.2: Bilangan pengebom berani mati di kalangan wanita berdasarkan organisasi

Bilangan (orang)	Organisasi
38	Fatah
6	Popular Front for the Liberation of Palestine
8	Jihad Islami
1	Hamas
11	Tidak diketahui
3	Tidak terlibat dalam sebarang organisasi

Sumber: Mothers, Monsters, Whores: Women Violence in Global Politics<sup>24</sup>

<sup>23</sup> *Ibid*, 25.

<sup>24</sup> Sjoberg, Laura, Gentry. Caron E., *Mothers, Monsters, Whores: Women Violence in Global Politics*, (USA: Zed Book Ltd, 2007), 112-113



Jadual di atas menunjukkan golongan wanita yang bersama dengan Fatah mengungguli carta teratas seramai 38 orang. Manakala Hamas hanya menghantar seorang sahaja pengebom berani mati di kalangan wanita. Hamas semenjak dari awal di dalam kebangkitan intifadah pertama lagi hanya fokus kepada jantina lelaki bagi menghadapi dan menentang dengan jalan konfrontasi. Jadual di atas juga menunjukkan bahawa terdapat juga di kalangan wanita yang cuba untuk mengebom dirinya atas kapasiti individu tanpa terlibat dalam mana-mana organisasi.

Walaupun aksi pengebom berani mati dilihat sebagai antara aksi yang menjadi kegerunan buat tentera Israel, namun kebanyakannya berjaya dilakukan oleh golongan lelaki. Jadual di atas juga menunjukkan seramai 67 orang wanita cuba merancang melakukannya, namun hanya seramai 8 orang sahaja yang berjaya. Antara tahun 2000 sehingga 2007, seramai 149 pengebom berani mati berjaya melakukannya namun hanya 10 orang wanita sahaja yang berjaya dan selebihnya ditangkap dan dipenjarakan.<sup>25</sup>

Fatima Lahnait seorang penulis di dalam bidang Timur Tengah menyatakan bahawa kebanyakan wanita yang menyertai aktiviti pengeboman berani mati adalah kerana merasakan masa depan mereka gelap ditambah dengan doktrinisasi untuk negara dan agama daripada organisasi yang terlibat.<sup>26</sup> Penulis bersetuju dengan Fatima atas alasan berjuang kerana agama dan negara, namun hal itu bukanlah kerana doktrinisasi malah bukanlah kerana mereka ini merasakan masa depan mereka telah gelap. Hal ini turut disebut oleh Meredith E Ebel yang menyatakan bahawa tindakan wanita Palestin yang terlibat dalam serangan pengebom berani mati

---

<sup>25</sup> *Ibid.*

<sup>26</sup> Fatima Lahnait, *Female Suicide Bombers: Victims or Murderers*, dlm. *Suicide Bombers: The Psychological, Religious and Other Imperatives*, (2008), 71.

adalah kerana ingin mempertahankan negara mereka dari terus dijajah oleh Israel dan akhirnya terus berada di dalam konflik.<sup>27</sup>

Umum juga mengetahui bahawa semua peringkat umur dan jantina sama-sama berjuang di Palestin, maka tidak mustahil wanita Palestin yang turut sama mengambil bahagian di dalam aktiviti pengeboman berani mati, adalah kerana agama dan negara Palestin, bukanlah kerana merasakan mati adalah lebih baik bagi mereka atas sebab merasakan masa depan mereka gelap. Debra Zedalis menyatakan bahawa Sheikh Ahmad Yasin yang merupakan pengasas kepada gerakan Hamas mengiktiraf pengorbanan yang dilakukan oleh golongan wanita. Menurut beliau, Sheikh Ahmad Yasin mengatakan bahawa golongan wanita ini ibarat tentera simpanan dan digunakan ketika mana khidmat mereka diperlukan.<sup>28</sup> Perkara ini jelas menunjukkan Hamas juga mengiktiraf penyertaan wanita di dalam intifadah cuma bilangan dan jumlah mereka yang terkorban sedikit kurang berbanding dari golongan lelaki.

### 3.5.2 Organisasi

Kebangkitan rakyat Palestin menentang Israel dalam peristiwa intifadah kedua walaupun dilihat sebagai kebangkitan masyarakat awam, namun di sana tidak dapat dinafikan wujud organisasi yang terlibat dalam kebangkitan ini. Fatah di bawah kepimpinan Yasser Arafat turut terlibat di dalam kebangkitan rakyat Palestin ini. Wujudnya *Fatah Tanzim* yang mewujudkan pasukan keselamatan bersenjata Palestin yang mempunyai keahlian sekitar 40 000 orang.<sup>29</sup> Walaupun terdapat beberapa pihak yang menafikan penglibatan Fatah di dalam *Intifadah Al-Aqsa* ini,

---

<sup>27</sup> Meredith E Ebel, *My Body is a Barrel of Gunpowder: Palestinian Women's Suicide Bombing in the Second Intifada* (latihan Ilmiah, Carnegie Mellon University, Pittsburg, 2012), 4.

<sup>28</sup> Debra Zedalis, *Female Suicide Bombers* (Honolulu: University Press of the Pacific, 2004), 7.

<sup>29</sup> Rema Hammami dan Salim Tamari, *The Second Uprising: End or New Beginning?*, (Berkeley: University of California Press, 2001), 12.

namun dengan kewujudan pasukan keselamatan bersenjata Palestin ini menunjukkan serba sedikit pasti ada sumbangan organisasi ini di dalam penentangan terhadap Israel.

Sepertimana yang telah penulis sebutkan sebelum ini iaitu penglibatan wanita di dalam intifadah, mereka kebanyakannya bergerak di bawah organisasi dan majoriti kes pengebom berani mati di kalangan wanita adalah dibawah kelolaan Fatah. Sebagai contoh, sepanjang 2002 sehingga 2006, seramai 8 orang wanita telah berjaya mengebom diri mereka dan 5 daripada mereka adalah daripada Fatah, 2 dari Jihad Islami dan seorang daripada Hamas.<sup>30</sup> Hamas dan Jihad Islami merupakan antara kelompok awal berasaskan agama Islam di dalam perjuangan mereka dan agak konservatif. Oleh sebab itu, penulis berpendapat atas faktor konservatif ini, penglibatan golongan wanita melalui dua organisasi ini agak sedikit berbanding melalui Fatah.

Hamas yang membawa imej politik Islam berjaya memenangi pilihanraya dan menguasai Gaza pada tahun 2005 memainkan peranan dan sumbangan yang besar di dalam kebangkitan rakyat Palestin. Kajian daripada Jamil Hilal menunjukkan sokongan rakyat Palestin kepada Hamas bertambah kuat selepas daripada intifadah kedua tercetus.<sup>31</sup> Jika dilihat daripada peratusan pengundian, pada Januari 2005 sokongan kepada Fatah telah merudum kepada 36% berbanding sebelumnya pada Disember 2004 sebanyak 40%. Manakala sokongan kepada Hamas telah meningkat daripada 18% kepada 25%.<sup>32</sup> Penulis berpendapat kerjasama dan penglibatan Hamas di dalam kebangkitan rakyat Palestin pada peristiwa intifadah

---

<sup>30</sup> Yoram Schweitzer, *Palestinian Women Suicide Bombers: Reality Vs. Myth*.

<sup>31</sup> Jamil Hilal, *Hamas's Rise as Charted in the Polls, 1994-2005*, dlm *Journal of Palestine Studies*, Vol. 35, No. 3, (2006), 10-11

<sup>32</sup> While A Majority Supports A Search For A Premanent Settlement And Opposes Interim Deals And At A Time When Hamas' Support Increases And Fateh's Decreases, The Poll Finds A Sharp Decrease In Support For Suicide Bombings Inside Israel And Satisfaction With The Performance Of Abu Mazin, undian yang dijalankan oleh Palestinian Center for Policy and Survey Research (PSR) 10-12 Mac 2005, <http://www.pcpsr.org/survey/polls/2005/p15a.html>.

kedua menjadi sebab dan punca kepada bangkitnya dan bertambahnya sokongan rakyat Palestin terhadap Hamas dan diterjemahkan dalam pilihanraya Palestin pada tahun 2006. Hamas dan intifadah di Palestin tidak dapat dipisahkan kerana apabila menyebut mengenai intifadah, sudah tergambar di dalam kepala bahawa Hamas merupakan organisasi utama yang menggerakkan kebangkitan rakyat Palestin menentang Israel.

Hamas dan Jihad Islami merupakan dua organisasi yang saling berkait rapat dengan intifadah yang berlaku di Palestin. Bahkan Hamas sendiri dikatakan lahir dan wujud secara rasmi ketika berlakunya intifadah 1987, manakala Jihad Islami telah wujud lebih awal dari itu. Kedua-dua organisasi ini berasaskan agama Islam sebagai teras utama di dalam perjuangan mereka. Sepertimana yang telah penulis sebutkan sebelum ini, serangan pengeboman berani mati ini telah wujud sebelum daripada berlakunya *Intifadah Al-Aqsa* lagi. Hamas dan Jihad Islami telah melancarkan serangan ini secara rasmi ketika mana terjalinnya Perjanjian Oslo antara PLO dan Israel pada tahun 1993. Namun begitu golongan yang terlibat hanyalah dikalangan lelaki sahaja sehinggalah pada tahun 2002 serangan ini turut disertai oleh golongan wanita melalui organisasi Fatah.<sup>33</sup>

*Intifadah Al-Aqsa* juga menunjukkan bahawa penolakan rakyat Palestin terhadap kepimpinan Palestin yang sudah alpa dengan budaya hegemoni dan mengharapkan kepada kepimpinan baru. Kepimpinan baru yang diharapkan pula adalah dikalangan generasi baru yang mempunyai misi dan visi yang segar serta mendasar di hati masyarakat. Dalam hal ini, Hamas dilihat sebagai sebuah parti yang

---

<sup>33</sup> Yoram Schweitzer, *Palestinian Women Suicide Bombers: Reality Vs. Myth*, 28.

mampu menggantikan kepemimpinan sedia ada kerana berjaya menambat hati semua lapisan masyarakat dengan penglibatan mereka di dalam intifadah.<sup>34</sup>

Fatah merupakan sebahagian daripada kumpulan yang bergabung membentuk PLO malah menjadi parti terkuat dan terpenting di dalam PLO. Namun begitu, sebahagian daripada ahli Fatah membentuk *Fatah Tanzim* yang telah penulis sebutkan sebelum ini untuk menentang Israel melalui jalan kekerasan. Ramai di kalangan cabang Fatah ini merupakan anak muda yang dengan semangat yang tinggi mahu melihat Palestin bebas daripada cengkaman Israel dan tidak mahu mengikut jejak langkah kepimpinan Fatah melalui PLO yang mengadakan rundingan damai dengan Israel.

Menurut penulis, jalan yang dipilih oleh semua kelompok parti mahupun organisasi di Palestin hanyalah bertujuan yang sama iaitu ingin melihat Palestin diiktiraf sebagai sebuah negara yang berdaulat dan bebas, cuma langkah dan pendekatan yang dipilih berbeza-beza. Anak muda dikalangan Fatah dengan semangat yang tinggi, tidak mahu melakukan cara rundingan yang dilihat sebagai suatu bentuk cara yang lambat dan seperti tiada hasilnya. Manakala Hamas dan Jihad Islami sememangnya tidak mengiktiraf Israel sejak dari awal, kerana itulah sejak dari awal lagi kumpulan ini sentiasa melakukan penentangan terhadap Israel.

Penulis berpendapat, akibat daripada tindakan yang dilakukan oleh Israel terhadap rakyat Palestin menjadikan mereka lebih bersatu dan bersama. Hal ini boleh dilihat di dalam penglibatan pelbagai organisasi di dalam kebangkitan kali kedua ini. Walaupun mereka tidak bergabung dan bertindak mengikut cara kumpulan masing-masing, namun fakta sejarah membuktikan bahawa penglibatan organisasi dalam peristiwa intifadah tahun 2000 lebih baik dan banyak daripada intifadah 1987.

---

<sup>34</sup> Michael Milstein, A Decade Since The Outbreak of Al-Aqsa Intifada: A Strategic Overview, dlm. *Strategic Assessment*, Vol. 13, No. 3, (2010), 16.

### 3.5.3 Media Massa

Intifadah kedua yang tercetus di Palestin seperti yang dimaklumi terjadi di era dunia semakin terbuka dan mudah untuk akses kepada media dengan teknologi IT yang semakin meningkat. Internet, laporan akhbar serta televisyen dan juga radio memainkan peranan penting dalam sebaran maklumat kepada masyarakat tidak kira maklumat mengenai suasana dalam negara sendiri ataupun maklumat mengenai isu yang berlaku di luar negara. Semuanya berada di hujung jari.

Media massa turut memainkan peranan yang sangat penting dalam menyebarkan maklumat mengenai intifadah kepada masyarakat dunia. Segala isu serta peristiwa yang berlaku di Palestin dilaporkan dan ditatapkan kepada umum bagi memberikan gambaran tentang apa yang berlaku.<sup>35</sup> Penulis berpendapat bahawa walaupun media massa yang melaporkan mengenai isu yang berlaku di Palestin tidaklah terlibat secara langsung di dalam intifadah di Palestin, namun begitu kesan yang terhasil daripada laporan-laporan yang dibuat menunjukkan kesan yang mendalam terutamanya respon ataupun tindakbalas masyarakat dunia yang mengecam Israel dari terus melakukan kezaliman dan pendudukan ke atas wilayah Palestin. Malah di peringkat undang-undang antarabangsa juga melihat kepada pelan 1967 yang membentuk dua buah negara berasingan di mana Israel perlu keluar daripada terus menduduki Tebing Barat serta Gaza dan juga Timur Jerusalem<sup>36</sup>

Penguasaan dan penggunaan media menunjukkan bagaimana media membantu dalam usaha kebangkitan rakyat Palestin. Media-media seperti al-Jazeera, al-Mustaqbal, dan sebagainya yang melaporkan secara profesional dan telus

---

<sup>35</sup> Temubual bersama Dr Bayan Al-Omari, Naib Presiden Middle East Studies Center, Jordan pada 27 Jun 2012 di Amman, Jordan.

<sup>36</sup> Richard Falks, International Law and al-Aqsa Intifada, dlm. *Middle East Report*, No. 217, (2000), 16.

ditambah dengan analisis dan wawancara terhadap pimpinan mengenai intifadah yang berlaku di Palestin. Namun begitu laporan daripada media barat dilihat memanipulasi berita dan menyampaikan maklumat yang berat sebelah.

Walaupun laporan media menunjukkan kezaliman dan juga penindasan ke atas rakyat Palestin, namun terdapat juga media melaporkan sesuatu perkara yang berlaku berlainan daripada peristiwa sebenar yang berlaku. Manipulasi sesetengah media terhadap perkara yang berlaku di Palestin turut wujud sepertimana yang berlaku di Ramallah. Dua tentera Israel yang menceroboh kawasan tersebut telah dihukum tanpa bicara oleh *Palestinian National Authority* (PNA) yang mengawal kawasan tersebut dan media melaporkan bahawa dua rakyat biasa Israel telah tersesat ke dalam kawasan tersebut dan telah dibunuh.<sup>37</sup> Kenyataan media seperti ini yang memberikan gambaran palsu terhadap apa yang sebenarnya berlaku pada penulis merupakan suatu bentuk agenda untuk menyembunyikan jenayah yang dilakukan Israel ke atas rakyat Palestin.

Laporan media khususnya Barat yang berat sebelah dan tidak melaporkan situasi yang berlaku ke atas rakyat Palestin merupakan suatu bentuk tindakan yang tidak profesional dan beretika. Sebagai contohnya cerita mengenai kematian kanak-kanak Muhammad al-Durra yang berlingung di belakang bapanya daripada peluru tembakan tentera Israel langsung tidak di sentuh di dalam media Barat akan tetapi cerita ini ditenggelamkan oleh media Barat dengan cerita hukuman tanpa bicara ke atas dua anggota tentera Israel yang telah disebutkan oleh penulis sebelum ini.<sup>38</sup>

Apa yang menarik untuk diteliti adalah bagaimana media mampu mempengaruhi dan mengajak pendengar mahupun penonton untuk membicarakan isu dan situasi yang sama akan tetapi dari sudut yang berbeza dan mengikut apa yang

---

<sup>37</sup> Marwan Asmar, *Intifada II: Media and Politics*, 34.

<sup>38</sup> Rema Hammami dan Salim Tamari, *The Second Uprising: End or New Beginning?*, 15.

mereka mahu penonton memahami sesuatu isu atas percaturan apa. Sebagai contoh boleh dilihat apabila penempatan Israel ke atas wilayah yang diduduki yang jelas bertentangan dan melawan undang-undang antarabangsa namun apa yang dilaporkan oleh wartawan dan jurnalis adalah ‘penempatan haram’ tersebut hanya disebut dengan ‘penempatan’ dan juga ‘wilayah yang diduduki’ disebut dengan ‘wilayah yang dipertikaikan’.<sup>39</sup>

Perkara ini memberi gambaran umum kepada masyarakat bahawa pendudukan tersebut adalah di kawasan yang dipertikai dan pendudukan Israel secara haram ke atas wilayah tersebut hilang dan tenggelam daripada dibicarakan dan dibincangkan. Inilah kesan yang dapat dilihat ke atas laporan media terhadap apa yang berlaku di Palestin dan penulis melihat bahawa pentingnya bagi sesiapa untuk melihat dan memerhati sesuatu isu dan apa sahaja berita daripada sumber yang pelbagai supaya boleh dibuat analisis dan perbandingan untuk mendapat maklumat yang lebih tepat.

### **3.6 Pendekatan Penentangan Dalam Intifadah Kedua**

Peristiwa intifadah kedua di Palestin menyaksikan bagaimana isu dan juga apa yang berlaku di Palestin lebih menampakkan keperihatinan dan perhatian di mata dunia. Berbanding kebangkitan rakyat Palestin yang berlaku pada peristiwa intifadah pertama 1987, intifadah yang berlaku dalam peringkat kedua ini banyak dimainkan dan dilaporkan di dalam media massa menjadikan Palestin lebih mendapat simpati masyarakat dunia.

---

<sup>39</sup> Seth Ackerman, al-Aqsa Intifada and the U.S. Media, dlm. *Journal of Palestine Studies*, (2001), 64.



Penulis melihat pendekatan ataupun strategi yang diambil oleh rakyat Palestin pada peristiwa intifadah kedua ini adalah lebih kurang sama dengan apa yang berlaku pada peristiwa intifadah pertama namun terdapat beberapa perbezaan dan langkah lain yang diambil semasa menggerakkan kebangkitan rakyat Palestin ini. Pada peristiwa intifadah kedua ini, suatu bentuk pendekatan baru dapat dilihat iaitu dimana mereka yang sama-sama berjihad melancarkan serangan pengebom berani mati terhadap kem-kem tentera Israel. Kaedah ini dilihat mendapat sokongan dan rakyat Palestin menyokong pendekatan pengebom berani mati ini dalam usaha menentang Israel<sup>40</sup>

Pendekatan serangan pengebom berani mati ini bermula sejak dari zaman 1980-an lagi dan merupakan jalan yang popular dalam kebangkitan rakyat Palestin. Serangan pengebom berani mati bermula pada April 1993 di penempatan rakyat Palestin di Lembah Jordan di Mekhola. Pendekatan ini menjadi suatu bentuk strategi yang dikira rasional bagi menunjukkan aksi dalam dunia politik malah mendapat sokongan diperingkat akar umbi bagi meneruskan misi perjuangan dengan kaedah ini.<sup>41</sup> Jika dilihat kepada pendekatan ini dalam peristiwa intifadah kedua di Palestin, ianya saban tahun semakin meningkat jumlah bilangannya.

Robert Pape menegaskan bahawa serangan pengebom berani mati ini walaupun dilihat seperti serangan secara rambang malahan ada individu melakukan serangan atas dasar fanatik kumpulan, namun begitu ketua ataupun individu yang menyusun bagaimana serangan ini dilancarkan dan dimana akan dilancarkan merupakan suatu bentuk perancangan strategik dan bukannya secara melulu dan rambang. Antara tujuan dilakukan serangan ini adalah untuk memaksa sesuatu

---

<sup>40</sup> Hafez Mohammed, *Manufacturing Human Bombs: The Making of Palestinian Suicide Bombers*, (Washington: United States Institute of Peace, 2006), 7.

<sup>41</sup> Robert J. Brym and Bader Araj, *Suicide Bombing as Strategy and Interaction: The Case of Second Intifada*, dlm. *Social Forces*, Vol. 84, No. 4, (2006), 1969-1970.

kerajaan mengubah polisi mereka yang tidak dipersetujui oleh golongan ini ataupun menggerakkan rekrut-rekrut tambahan serta bantuan kewangan.<sup>42</sup>

Penulis berpendapat bahawa serangan pengebom berani mati yang berlaku di Palestin merupakan tujuan dan motifnya adalah pada motif pertama yang digariskan oleh Pape iaitu untuk memaksa kerajaan supaya mengubah polisi negara cuma apa yang membezakan situasi di Palestin adalah pengebom berani mati ini ingin memaksa Israel supaya tidak mencero bohi sempadan negara Palestin dan memaksa PNA supaya bertindak lebih agresif untuk mewujudkan sebuah negara Palestin yang berdaulat dan diiktiraf kewujudannya. Namun begitu, terdapat sebuah penulisan mengkaji bahawa antara faktor dan motif utama mereka melakukan serangan pengebom berani mati adalah kerana atas sebab agama, negara dan juga peribadi akibat penindasan tentera Israel ke atas rakyat Palestin namun yang utama sekali adalah untuk mempertahankan agama Islam dari dihina.<sup>43</sup>

Strategi pengebom berani mati ini dapat dilihat sebagai strategi yang berjaya memberikan rasa tidak selamat di kalangan penduduk Israel. Malah langkah ini juga menjadikan tentera Israel sukar untuk mengenal pasti bentuk dan pemilihan kawasan yang hendak diletupkan. Langkah yang diambil pada intifadah kedua ini menunjukkan kesan yang mendalam terhadap kehidupan rakyat Israel dan juga tenteranya yang sentiasa berhati-hati dan cemas memikirkan nasib mereka kerana pengebom berani mati ini sukar untuk dikesan dan dihalang misi mereka.

Menurut Assaf Moghadam, serangan pengebom berani mati ini melalui dua peringkat<sup>44</sup> dimana pertamanya adalah motif individu itu sendiri. Manakala yang

---

<sup>42</sup> Robert A. Pape, *The Strategic Logic of Suicide Terrorisme*, dlm. *American Political Science Review* Vol. 97, No. 3, (2003), 2.

<sup>43</sup> Robert J. Brym and Bader Araj, *Suicide Bombing as Strategy and Interaction: The Case of Second Intifada*, dlm. *Social Forces*, vol. 84, no. 4, (2006), 1974.

<sup>44</sup> Assaf Moghadam, *Palestinian Suicide Terrorism in the Second Intifada: Motivations and Organizational Aspects*, dlm. *Studies in Conflict & Terrorism*, (2003), 68.

kedua pula adalah berasaskan kumpulan. Pendapat Moghadam ini juga dilihat selari dengan apa yang digariskan oleh Pape mengenai tujuan serangan pengebom berani mati. Moghadam menambah bahawa motif individu yang melakukan serangan berani mati adalah kerana kesanggupan seseorang untuk mati, manakala motif secara berkumpulan adalah keinginan seseorang itu untuk membunuh tentera Israel.

Apa yang menarik yang harus diperhatikan di dalam serangan pengebom berani mati ini adalah ianya turut dilakukan oleh rakyat Israel yang tidak bersetuju dengan Perjanjian Oslo. Hal ini boleh diperhatikan melalui kes yang berlaku pada tahun 1994 apabila seorang rakyat Israel Baruch Goldstein di Hebron yang membunuh dirinya dengan cara mengebom dirinya sendiri sebagai tanda tidak bersetuju dengan Oslo.<sup>45</sup>

Jika diteliti, serangan pengebom berani mati bermula pada tahun 1993 sehinggalah 2001 dilakukan oleh kumpulan yang menentang Yassir Arafat yang mengetuai Fatah. Hal ini berlanjutan sehinggalah pada tahun 2002 barulah muncul pengebom berani mati daripada kumpulan Briged Syahid al-Aqsa yang merupakan kumpulan kecil daripada Fatah.<sup>46</sup> Kumpulan ini mengambil langkah yang sama selepas daripada tercetusnya *Intifadah Al-Aqsa* pada tahun 2000 dan kerana itu jugalah penulis beranggapan tuduhan daripada Israel dan Amerika Syarikat (AS) bahawa Yassir Arafat yang merancang intifadah kedua adalah berdasarkan penyertaan sayap Fatah di dalam operasi pengeboman berani mati ini.

Serangan pengebom berani mati menjadi tanda ataupun pengenalan identiti kepada peristiwa *Intifadah Al-Aqsa*. Apabila membincangkan dan membahaskan mengenai *Intifadah Al-Aqsa*, pengebom berani mati merupakan elemen yang sangat penting untuk dibincangkan kerana langkah dan strategi inilah

---

<sup>45</sup> Walid Khalidi, *The Prospects of Peace in The Middle East*, dlm. *Journal of Palestine Studies*, Vol. 32, No. 2, (2003), 56.

<sup>46</sup> *Ibid.*

yang menjadi modus operandi yang utama di dalam kebangkitan ini. Dua kelompok besar yang menjunjung ciri-ciri islamik di dalam parti mereka menjadi pemain utama kepada pengebom berani mati ini. Ahli-ahli dari kelompok inilah yang mengorbankan diri mereka iaitu Hamas dan Jihad Islami.

Pendekatan yang diambil di dalam intifadah kedua ini dilihat mempunyai sedikit perbezaan berbanding dengan kebangkitan pada tahun 1987. Dari sudut geografi penentangan yang berlaku pada intifadah kedua adalah lebih terfokus berbanding pada peristiwa intifadah pertama yang lebih luas dan menyeluruh di Palestin.<sup>47</sup> Pada kebangkitan rakyat Palestin kali ini dilihat mereka lebih terfokus kepada kawasan *checkpoint* tentera di pintu masuk Palestin.

Penulis berpendapat wujudnya pemilihan kawasan tertentu pada kebangkitan kali ini adalah kerana apabila mereka mengambil jalan untuk meletupkan diri yang dikenali sebagai pengebom berani mati, maka pemilihan kawasan-kawasan seperti kem dan juga berek tentera menjadi keutamaan untuk meletupkan diri dan membunuh musuh dikalangan tentera Israel tanpa melibatkan masyarakat awam mahupun dikalangan rakyat Israel sendiri.

Terdapat juga sedikit perbezaan intifadah kedua ini berbanding kebangkitan yang berlaku pada intifadah yang pertama 1987 dala hal mengenai demonstrasi yang dilakukan. Pada kebangkitan 1987, rakyat Palestin berdemonstrasi dan berarak tidak kira di mana jalan sekalipun, adapun pada kebangkitan kini, mereka banyak tertumpu pada bandar-bandar utama dan perkumpulan mereka telah sedia dinanti oleh tentera Israel dengan lengkap bersenjata berserta dengan kereta kebal dan juga helikopter bersenjata. Apa yang mengejutkan adalah, kurang 6 bulan intifadah kedua tercetus, mangsa konfrontasi ini menyamai 50% jumlah keseluruhan

---

<sup>47</sup> Rema Hammami dan Salim Tamari *The Second Uprising: End or New Beginning?*.

mangsa selepas 4 tahun tercetusnya intifadah pertama 1987.<sup>48</sup> Ini bermakna selepas 4 tahun tercetusnya intifadah 1987, seramai 98 orang rakyat Palestin terbunuh<sup>49</sup>, namun ketika mana intifadah kedua hanya dalam tempoh kurang 6 bulan, seramai 49 orang rakyat Palestin telah terbunuh.

P Johnson dan E Kuttab menyatakan di dalam artikel mereka bahawa kebangkitan rakyat Palestin pada intifadah kedua ini yang berbentuk militari atau ketenteraan mampu memberikan tekanan yang besar terhadap Israel agar memutuskan untuk menyelesaikan beberapa isu yang sejak sekian lama tidak dapat diselesaikan seperti pelarian Palestin, status akhir, sempadan wilayah dan sebagainya.<sup>50</sup>

### **3.7 Perbezaan Intifadah Pertama 1987 dan Intifadah Kedua 2000**

Penulis telah menyatakan sebelum ini bahawa terdapat beberapa perbezaan antara kebangkitan rakyat Palestin pada tahun 1987 dan yang berlaku pada tahun 2000. Walaupun asasnya adalah sama iaitu menentang Israel dan menuntut tanah air mereka, namun beberapa perbezaan dapat dilihat antara kedua-dua kebangkitan ini.

Jika dilihat dari sudut pendekatan, ketika mana kebangkitan 1987 hanya menjurus ke arah demonstrasi jalanan dan pemboikotan. Pendekatan boikot bukan sahaja terhadap barangan dan perkhidmatan Israel, malah waktu bekerja juga mengikut waktu Palestin tanpa mengikut waktu yang ditetapkan oleh Israel.<sup>51</sup>

Berbeza dengan kebangkitan 2000, penggunaan senjata selain batu seperti bom

---

<sup>48</sup> Pierre Beaudet, Multiple Faces of Intifada dlm *Economic and Political Weekly*, Vol. 36, No. 34, (2001), 3224.

<sup>49</sup> Fatalities in the First Intifada: Palestinians Killed in the Occupied Territories (Including East Jerusalem), [http://www.btselem.org/statistics/first\\_intifada\\_tables](http://www.btselem.org/statistics/first_intifada_tables).

<sup>50</sup> P. Johnson and E. Kuttab, Where Have All the Women (and Men) Gone? Reflections on Gender and the Second Palestinian Intifada, dlm. *Feminist Review*, no. 69 (2001), 30.

<sup>51</sup> Daoud Kuttab, *The Two Intifadas: Difference Shades of Resistance*, <http://www.thejerusalemfund.org/ht/display/ContentDetails/i/2120>, 2001.

*molotov*, senjata-senjata ringan lebih digunakan. Pada tahun 2000, kebangkitan yang berlaku dilihat seperti peperangan antara Palestin dan Israel.

Dari sudut penglibatan juga memperlihatkan sedikit perbezaan. Jika pada kebangkitan 1987, hanya dua organisasi yang dilihat terlibat secara langsung iaitu Hamas dan Jihad Islami, namun ketika mana berlakunya intifadah kedua 2000, penglibatan organisasi lain dapat dilihat seperti Fatah Tanzim, Briged Syahid Al-Aqsa, PLO dan juga Hamas dan Jihad Islami itu sendiri. Jika intifadah pertama 1987 gerakan islamis mempeloporinya, kebangkitan 2000 pula menunjukkan gabungan gerakan islamis dan nasionalis yang bersama-sama bangkit menentang Israel.

Selain itu, perbezaan faktor penghalang antara kedua-dua intifadah ini adalah daripada pasukan keselamatan Palestin sendiri. Pasukan keselamatan Palestin wujud selepas Perjanjian Oslo.<sup>52</sup> Di dalam peristiwa *Intifadah Al-Aqsa*, rakyat Palestin telah ditangkap dan terpaksa berlawan dengan kelompok rakyat Palestin lain yang berada di dalam pasukan keselamatan Palestin. Ini menunjukkan bahawa rakyat Palestin terpaksa berhadapan dengan dua kumpulan iaitu tentera Israel dan juga pasukan keselamatan Palestin.

Penulis juga telah sebutkan sebelum ini dimana peranan media massa sangat memainkan tanggungjawab yang penting ketika mana berlakunya kebangkitan ini. Berbeza dengan intifadah pertama 1987, intifadah kedua 2000 berlaku dalam tempoh penguasaan dan penggunaan media semakin berkembang. Hal ini menjadikan isu di Palestin semakin mudah untuk diketahui oleh masyarakat dunia dan mendapat simpati serta perhatian yang besar. Intifadah pertama 1987 kurang mendapat perhatian masyarakat dunia akibat daripada perkembangan media massa yang baru bermula di peringkat awal. Kesan daripada media massa ini juga berjaya

---

<sup>52</sup> Gal Luft, Palestinian Military Performance and the 2000 Intifada, dlm. *Middle East Review and International Affairs*, vol. 4, no. 4, (2000), 1.

membentuk perspektif dan memberikan gambaran umum kepada masyarakat dunia apakah yang sebenarnya berlaku di Palestin. Dengan kewujudan media elektronik yang semakin berkembang, media yang pro kepada Israel juga sukar untuk mengubah dan menukar cerita sebenar yang berlaku.

Kerjasama masyarakat antarabangsa juga agak berbeza diantara kedua-dua kebangkitan ini. Di dalam kebangkitan intifadah kedua 2000, menyaksikan penglibatan masyarakat dunia bahkan rakyat Israel sendiri bangkit dan menyokong perjuangan rakyat Palestin. Penulis berpendapat bahawa ini adalah kesan daripada laporan media alternatif lain yang menyebabkan masyarakat dunia bersatu dan bersolidariti bagi membantu Palestin. Konflik dan penentangan yang berlaku di dalam intifadah kedua juga lebih memperlihatkan keadaan keganasan kemanusiaan berbanding ketika mana kebangkitan 1987, lebih dilihat kepada penentangan agama dan juga bangsa.

Tekanan daripada masyarakat dunia walaupun tidak menghalang tentera Israel secara sepenuhnya, namun berjaya mengurangkan sedikit penindasan yang dilakukan. Akibat daripada tekanan antarabangsa, kuasa besar dunia perlu segera mengambil jalan untuk mencapai jalan perdamaian di Palestin. Kerana itu, dapat dilihat perbincangan dan perjanjian damai giat dilakukan selepas daripada teretusnya kebangkitan rakyat Palestin.

Jadual 3.3: Perbezaan antara intifadah pertama dan intifadah kedua.

Perkara	Intifadah pertama	Intifadah kedua
Pendekatan/ strategi	Demonstrasi jalanan dan pemboikotan produk dan perkhidmatan Israel.	Berbentuk dua hala seperti peperangan antara Palestin dan Israel. Menggunakan batu serta senjata ringan dan juga bom <i>molotov</i> .
Penglibatan	Secara individu dan organisasi berasaskan islamis seperti Hamas dan Jihad Islami.	Secara individu serta organisasi yang lebih banyak seperti Hamas, Jihad Islami, Fatah Tanzim serta PLO

		sendiri.
Media massa	Kurang mendapat liputan media massa.	Liputan media massa serta media alternatif lain yang luas.
Kerjasama masyarakat antarabangsa	Lebih dilihat kepada konflik agama dan bangsa antara masyarakat Arab dan Israel	Mendapat kerjasama dan perhatian yang lebih besar daripada masyarakat dunia dan dilihat sebagai konflik keganasan kemanusiaan.

### 3.8 Kesimpulan

Penulis melihat bahawa intifadah kedua yang digerakkan dan dibangkitkan oleh rakyat Palestin merupakan suatu bentuk tindak balas selepas melihat bahawa isi di dalam Perjanjian Oslo yang menjanjikan kewujudan sebuah negara yang berdaulat kepada rakyat Palestin hanya sekadar perjanjian yang dilihat tiada usaha ke arah untuk merealisasikan sehinggalah jalan konfrontasi dan kebangkitan menjadi pilihan bagi rakyat Palestin dan perkara ini bukanlah suatu bentuk penentangan yang baru kerana ianya merupakan seperti wayang yang dimainkan semula kerana rakyat Palestin telah bangkit dalam beberapa siri penentangan terhadap Israel sejak dari peristiwa *nakbah* ataupun kewujudan negara Israel secara rasmi pada tahun 1948.

Di dalam peristiwa intifadah kedua ini juga dapat dilihat bahawa pendekatan melalui serangan pengebom berani mati menjadi sebuah pendekatan yang popular dan menjadi pilihan rakyat Palestin setelah mereka hanya berdepan dengan tentera Israel yang mempunyai kekuatan senjata yang canggih hanya dengan menggunakan senjata batu ataupun bom *molotov* sahaja. Malah melalui serangan ini juga dapat menunjukkan kesan terhadap respon pihak Israel.

Dari sudut organisasi juga memperlihatkan kepelbagaian organisasi yang terlibat di dalam intifada kedua ini. Berbanding dengan intifada 1987 yang banyak dipelopori oleh pasukan Jihad Islami dan Hamas, namun pada kebangkitan kali



kedua ini dapat dilihat penglibatan Fatah, DFLP dan juga PFLP dengan kaedah dan pendekatan masing-masing.

Peranan media massa di dalam melaporkan mengenai konflik di Palestin juga memainkan peranan yang penting. Bahkan ia mampu melahirkan rasa simpati dan empati di kalangan masyarakat dunia atas dasar kemanusiaan bukan sahaja berasaskan keagamaan semata-mata.

Apa yang pasti adalah kebangkitan rakyat Palestin tidak akan pernah berhenti sehinggalah Palestin diiktiraf sebagai sebuah negara yang berdaulat dengan persepadaan yang adil bagi rakyat Palestin. Dapat dilihat penentangan terhadap Israel telah berlaku sejak sekian lama sehinggalah ke hari ini, cuma pendekatan dan strategi yang diambil mempunyai sedikit perbezaan dari masa ke masa.

# **BAB 4**

**BAB IV**  
**KESAN INTIFADAH AL-AQSA (2000) TERHADAP PROSES DAMAI**  
**DI PALESTIN**

**4.1 Pendahuluan**

Selepas berlakunya peristiwa intifadah pertama di Palestin yang akhirnya terhenti dengan termeterainya Perjanjian Oslo (1993), kesan yang sangat besar dapat dilihat berlaku kepada banyak pihak sama ada yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dengan kebangkitan yang berlaku dalam peristiwa intifadah. Perjanjian Oslo yang dimeterai antara *Palestine Liberation Organization* (PLO) dengan Israel akhirnya telah memberi kesan dengan tercetusnya intifadah kedua atau dikenali dengan *Intifadah Al-Aqsa* pada tahun 2000. Kebangkitan rakyat Palestin dalam peristiwa intifadah bukan sahaja memberikan kesan terhadap Palestin dan Israel yang terlibat secara langsung dalam peristiwa ini malah turut mendatangkan kesan ke atas negara Arab lain serta negara-negara lain yang turut sama mengambil tahu akan perkembangan konflik dan pergolakan yang berlaku di Palestin.

Persamaan seperti mana-mana peristiwa terutamanya peristiwa besar yang berlaku dalam mana-mana tempat di dunia ini yang pastinya mendatangkan kesan selepas tercetusnya peristiwa tersebut, begitu juga dengan peristiwa intifadah di Palestin ini. Ianya memberi kesan yang sangat mendalam kepada pelbagai pihak terutamanya mereka yang terlibat secara langsung dalam kebangkitan ini di kalangan rakyat Palestin dan Israel itu sendiri. Intifadah di Palestin juga memberi kesan yang mendalam terhadap proses damai yang berlaku di Palestin dengan pihak Israel.

## 4.2 Proses Damai Selepas Intifadah

Konflik yang berlaku di Palestin telah wujud dan tercetus sejak sekian lama terutamanya sejak wujudnya negara Israel secara rasmi pada tahun 1948. Proses dan rundingan damai juga wujud dengan banyak sekali bagi membincangkan dan menyelesaikan konflik yang berlaku. Namun begitu, apa yang dapat dilihat sehingga ke hari ini adalah konflik ini terus berlaku dan titik pertemuan Arab-Israel mungkin masih jauh lagi. Intifadah pertama 1987 dan juga intifadah kedua 2000 merupakan suatu bentuk konflik dan penentangan rakyat Palestin yang mendapat perhatian dunia dan simpati seluruh masyarakat dunia.

Kesan daripada kebangkitan ini juga memperlihatkan proses rundingan damai dilakukan bagi memberhentikan konfrontasi dan berusaha mendamaikan kedua belah pihak. Proses rundingan damai yang berlaku merupakan kesan hasil daripada kebangkitan rakyat Palestin menentang Israel terutamanya kebangkitan di dalam intifadah pertama dan intifadah kedua yang berlaku hanya sekitar dua dekad yang lalu.

Proses damai sepanjang berlakunya intifadah pertama 1987 sehinggalah selepas intifadah kedua 2000 perlu dilihat agar dapat dilakukan suatu bentuk kesimpulan apakah intifadah memberikan kesan kepada proses damai yang telah berlaku sejak sekian lama di Palestin. Proses damai selepas intifada pertama 1987 perlu dilihat terlebih dahulu bagi meneliti dan membandingkan proses damai yang berlaku sebelum dan juga selepas intifadah kedua pada tahun 2000 meletus.

#### 4.2.1 Perjanjian Oslo 1993– Proses Damai Selepas Intifadah Pertama

Perjanjian Oslo merupakan suatu bentuk pendekatan perdamaian antara Palestin – Israel, perjanjian ini berlaku di antara PLO yang mewakili rakyat Palestin dengan Israel dan Amerika Syarikat melalui Presiden Clinton sebagai orang tengah. Perjanjian Oslo yang dimeterai pada September 1993 memberikan kelainan berbanding rundingan-rundingan yang pernah dilakukan sebelum ini. Perjanjian ini bukan sahaja membincangkan kerangka proses damai untuk jangka masa pendek malah membincangkan serta menjamin masa depan Palestin dalam menuntut beberapa hak mereka.

Malahan Perjanjian Oslo juga bukan sekadar membincangkan mengenai konflik semata-mata tetapi turut melibatkan perbincangan mengenai ekonomi Palestin.<sup>1</sup> Perkara ini dapat diperhatikan di dalam *Declaration of Principle* (DOP) yang membincangkan mengenai air, tenaga, kewangan, perhubungan, perdagangan dan sebagainya. Perjanjian Oslo merupakan suatu bentuk hasil ataupun kesan politik selepas tercetusnya intifadah pertama. Seseengah pengkaji menggelarkannya sebagai kejayaan bagi menunjukkan bahawa peristiwa intifadah pertama 1987 mampu membawa kepada perbincangan masa depan Palestin dalam ruang lingkup yang lebih besar.

Perjanjian Oslo juga dilihat menjadi *role model* ataupun asas bagi setiap perjanjian dan perbincangan mengenai konflik di Palestin yang berlaku selepasnya. Hal ini kerana, isi perjanjian Oslo dikatakan kaedah terbaik di dalam usaha mendamaikan kedua-dua belah pihak iaitu Palestin dan Israel. Walaupun Oslo juga

---

<sup>1</sup> Scott Lasensky, *Paying for Peace: The Oslo Process and the Limits of American Foreign Aid*, dlm. *Middle East Journal*, Vol. 58, No. 2, (2004), 219.

menghadapi kegagalan, namun punca kepada kegagalan tersebut adalah kerana tiada pelaksanaan yang bersungguh-sungguh untuk merealisasikannya. Begitu juga perjanjian dan perbincangan yang lahir selepasnya juga dilihat sebagai usaha yang baik namun pelaksanaannya perlu dikukuhkan dan diperkuat lagi agar perdamaian dan keamanan yang sebenar dengan hak semua pihak terpelihara dapat dicapai di wilayah yang bergolak ini.

#### **4.2.1.1 Pelan Perdamaian Arab – Israel**

Pelan perdamaian antara Arab dan Israel selepas teretusnya intifadah yang pertama pada tahun 1987 telah diadakan pada tahun 1993. Ianya berlaku selepas 6 tahun intifadah pertama meletus di Palestin. Perjanjian ini berlaku di antara Israel yang diwakili oleh Perdana Menteri iaitu Yitzhak Rabin dan Palestin diwakili oleh Yassir Arafat yang menjadi pemimpin PLO. Perjanjian ini dilakukan di Washington dengan dipengerusikan oleh Presiden US Bill Clinton. Isi perjanjian di dalam Perjanjian Oslo ini turut dikenali sebagai *Declaration of Principle* (DOP).

Perjanjian Oslo merupakan suatu bentuk pelan perdamaian Arab-Israel yang telah menjadi konflik sejak sekian lamanya. Perjanjian ini yang dimeterai merupakan kesan ataupun terhasil daripada kebangkitan rakyat Palestin di dalam intifadah pertama yang menentang pendudukan dan kezaliman Israel terhadap Palestin. Jika diteliti, isi perjanjian ini juga menunjukkan kepada umum bahawa Israel dan Palestin ataupun PLO bersetuju untuk mengiktiraf serta mengundurkan tentera Israel daripada wilayah Palestin di Gaza dan juga Tebing Barat.

Perjanjian ini telah meletakkan bahawa penubuhan kerajaan sementara Palestin dalam tempoh tidak melebihi 5 tahun dan sempadannya mengikut *Security*

*Council Resolution 242 dan 338.*<sup>2</sup> Hal ini memberikan harapan yang besar buat PLO yang mewakili rakyat Palestin untuk wujud sebagai kerajaan yang sah kepada negara Palestin malah Palestin juga diiktiraf kedudukannya. Namun begitu wujud juga beberapa penentangan di kalangan rakyat Palestin yang melihat PLO telah mengiktiraf kewujudan negara Israel yang menduduki negara asal Palestin.

Perjanjian Oslo merupakan suatu bentuk perjanjian yang boleh dikatakan sebagai kerjasama antarabangsa di antara Israel dengan Palestin dan Amerika Syarikat sebagai orang tengah. Rundingan yang berlaku di dalam perjanjian ini seperti rundingan antara dua negara malah rundingan yang pada awalnya berlaku secara rahsia di Oslo<sup>3</sup> akhirnya menjadi perjanjian damai yang rasmi yang ditandatangani di Washington.<sup>4</sup> Perkara ini memperlihatkan usaha sama kedua-dua pihak yang bersungguh mahu mencapai keamanan serta menjamin keselamatan kedua-dua pihak di dalam perjanjian antarabangsa ini. Perjanjian Oslo ini juga memperlihatkan isi kandungannya yang memberi kebaikan dan keuntungan kepada kedua-dua pihak Palestin dan juga Israel.

Proses rundingan damai ini juga memperlihatkan bagaimana Israel menyetujui isi-isi perjanjian serta mendapat sokongan rakyat Israel. Namun apa yang dapat dilihat adalah rakyat Israel bukanlah sepenuhnya bersetuju dengan isi perjanjian untuk menubuhkan dan mengiktiraf Palestin namun lebih kepada untuk

---

<sup>2</sup> Declaration of Principles on Interim Self-Government Arrangements ("Oslo Agreement"), akses pada 5 Disember 2012, <http://www.unhcr.org/refworld/publisher,ARAB,,,3de5e96e4,0.html>.

<sup>3</sup> Rundingan sulit ini berlaku dan dibelakangi oleh hanya beberapa orang sahaja iaitu tokoh akademik Israel Dr Yair Hirschfeld dan Dr Ron Pundik dan juga bendahari PLO Ahmad Qurei. Johan Joergen Holst Menteri Hubungan Luar berbangsa Norway dan saintis Terge Rød Larsen bertindak sebagai orang tengah ataupun fasilitator. Pada asalnya pertemuan sulit ini hanyalah berkisar mengenai ekonomi, namun akhirnya telah berkembang sehingga kepada perancangan untuk mengadakan rundingan damai. Sepanjang 8 bulan bermula Januari 1993, sebanyak 14 pertemuan telah diadakan sehinggalah Perjanjian Oslo dimeterai secara rasmi pada September 1993. Lihat Avi Shlaim, *The Oslo Accord*, dlm. *Journal of Palestine Studies*, vol. 23, no. 3, (1994), 30.

<sup>4</sup> Jonathan Rynhold, *The Failure of the Oslo Process: Inherently Flawed or Flawed Implimentation*, dlm. *Mideast Security and Policy Studies*, No. 76, (2008), 4.

menjaga keselamatan dan keamanan wilayah mereka dari terus menjadi kawasan konflik jika intifadah terus berlaku.<sup>5</sup>

#### 4.2.1.2 Pengiktirafan Negara Palestin

Jika diteliti dan dikaji isi kandungan Perjanjian Oslo, tidak dapat dijumpai satu klausa ataupun frasa yang menyatakan bahawa negara Palestin akan diiktiraf sebagai sebuah negara. Akan tetapi di dalam perjanjian tersebut menyebutkan bahawa tujuan ataupun matlamat perjanjian tersebut dilakukan adalah untuk membentuk sebuah badan yang berautoriti sebagai sebuah pertubuhan yang akan mentadbir dan menguruskan Palestin.<sup>6</sup> Badan ataupun pertubuhan ini dikenali sebagai *Palestinian Authority* (PA) yang kemudiannya ditukar namanya kepada *Palestinian National Authority* (PNA). Penulis melihat bahawa perjanjian ini dilihat sangat baik bagi mencapai perdamaian antara dua pihak iaitu Palestin dan juga Israel, namun begitu secara tersiratnya dapat diketahui Israel mahu Palestin mengiktirafnya sebagai sebuah negara tetapi Israel hanya mengiktiraf PLO sebagai sebuah badan yang menguruskan hal ehwal dua wilayah Gaza dan juga Tebing Barat. Perkara ini menunjukkan seperti Israel masih tidak mengiktiraf kewujudan negara Palestin.

Namun begitu, PLO dilihat sebagai cuba menerima isi perjanjian tersebut kerana ianya merupakan langkah awal untuk Palestin diiktiraf sebagai sebuah negara yang berdaulat. Menjadi badan yang bertanggungjawab mengurus dan mentadbir dua wilayah iaitu Gaza dan Tebing Barat merupakan kejayaan awal bagi membentuk sebuah negara. Akan tetapi, penulis berpendapat bahawa perkara ini tidak harus

---

<sup>5</sup> *Ibid.*, 10.

<sup>6</sup> Declaration of Principles on Interim Self-Government Arrangements September 13, 1993, United States Institut of Peace, akses pada 5 Disember 2012, [http://www.usip.org/files/file/resources/collections/peace\\_agreements/oslo\\_09131993.pdf](http://www.usip.org/files/file/resources/collections/peace_agreements/oslo_09131993.pdf).



berlaku kerana Palestin berhak wujud sebagai sebuah negara bukannya hanya mengiktiraf pihak yang bertanggungjawab mengurus wilayahnya. Hal ini kerana, telah termaktub di dalam Resolusi 242 PBB bahawa kedua-dua wilayah yang ditadbir oleh PA adalah hak milik Palestin apabila negara anggota PBB bersetuju dengan pembahagian kawasan sempadan tersebut.

#### **4.2.1.3 Pengunduran Tentera Israel dari Wilayah Palestin**

Perjanjian Oslo juga memperlihatkan di dalam Artikel 6 berkaitan pemindahan kuasa dan tanggungjawab. Gaza dan Tebing Barat menjadi kawasan yang disempadankan di dalam resolusi PBB tahun 1967 bahawa kawasan tersebut merupakan wilayah Palestin.<sup>7</sup> Namun apabila tercetusnya intifadah pertama pada 1987, tentera Israel kembali menduduki dan mengawal kedua wilayah tersebut. Apabila perjanjian Oslo dimeterai, maka tentera Israel perlu berundur dari kawasan ini dan diserahkan kepada rakyat Palestin yang diberi mandat untuk mengawal dan mengurus selia kawasan ini.

Pemberian kawasan kepada Palestin sebenarnya tidaklah secara total dan menyeluruh. Jika dilihat di dalam peta di bawah menunjukkan pembahagian kawasan Tebing Barat terbahagi kepada tiga kawasan. Kawasan A menunjukkan kuasa penuh Palestin di kawasan tersebut. Manakala kawasan B menunjukkan Palestin hanya berkuasa ke atas urusan awam sahaja dan ketenteraan sepenuhnya di bawah Israel, manakala kawasan C merupakan kawasan seliaan penuh Israel. Jika dilihat kawasan A terletak berjauhan antara satu sama lain dan ini menyukarkan rakyat Palestin untuk bergerak dari satu bandar ke bandar yang lain. Hal ini menyebabkan walaupun

---

<sup>7</sup> Resolution 242 (1967) of 22 November 1967, akses pada 5 Disember 2012, <http://unispal.un.org/unispal.nsf/0/7D35E1F729DF491C85256EE700686136>.

tentera Israel berundur daripada kawasan yang diberikan kepada Palestin, namun begitu secara hakikatnya Israel masih lagi menguasai Tebing Barat.

Peta 4.1: Peta kawasan Tebing Barat



Sumber: Palestine Facts<sup>8</sup>

Gambarajah di atas jelas menunjukkan perancangan di dalam Oslo untuk sempadan Palestin di wilayah Tebing Barat. Had sempadan ini sebenarnya bertentangan dengan apa yang telah diputuskan di dalam Resolusi PBB tahun 1967. Wilayah Tebing Barat sepenuhnya adalah di bawah kuasa Palestin dan pusatnya iaitu Baitulmaqdis di bawah penguasaan PBB. Manakala Gaza pula tidak menjadi persoalan yang besar mengenai sempadannya.

<sup>8</sup> [http://www.passia.org/palestine\\_facts/MAPS/Oslo-2.html](http://www.passia.org/palestine_facts/MAPS/Oslo-2.html).

Namun apa yang menjadi persoalan pada penulis adalah, isi kandungan Perjanjian Oslo menyebut hanya pengunduran dan pemindahan kuasa dan tanggungjawab kepada rakyat Palestin di kawasan Gaza dan Jericho sahaja. Sedangkan Jericho hanyalah sebuah daerah ataupun kawasan di dalam keseluruhan wilayah Tebing Barat. wujud pelbagai daerah lain di dalam Tebing Barat seperti Bethlehem, Nablus, Ramallah, Hebron dan lain-lain lagi. Penggunaan istilah khusus tentang pengunduran tentera Israel dari Gaza dan Jericho mungkin diambil kira daripada kecelaruan istilah pada draf plan Resolusi 242 PBB pada tahun 1967. Penggunaan istilah “*withdrawal from territories*” dan bukannya “*withdrawal from the territories.*” Perkara ini menjadi kontroversi kerana tanpa penggunaan “*the*” kemungkinan berlaku pentafsiran lain dengan pengunduran tentera Israel hanya pada wilayah-wilayah tertentu sahaja.<sup>9</sup> Perkara ini turut disentuh dan dipersetujui oleh seorang tokoh iaitu Sara Roy yang menyatakan interpretasi ataupun penafsiran Israel mengenai Resolusi 242 PBB ini berlainan dengan apa yang difahami oleh masyarakat dunia dan juga PLO. Ketiadaan istilah “*the*” di dalam Resolusi 242 tersebut membawa maksud bahawa Israel tidak perlu berundur dari seluruh wilayah Palestin akan tetapi hanya sebahagian dan beberapa kawasan sahaja.<sup>10</sup>

Namun begitu, penulis menemui satu artikel mengenai beberapa penemuan sulit antara pimpinan PLO dan juga Israel yang membincangkan mengenai perjanjian ini sebelum diumumkan secara terbuka kepada awam pada tahun 1993. Hasil pertemua sulit ini, Presiden Yassir Arafat sendiri yang menerima cadangan untuk wilayah Palestin adalah Gaza dan Jericho. Sebenarnya Arafat menjangkakan terima dahulu tawaran ini di peringkat awal dan seterusnya menuntut kembali Tebing Barat

---

<sup>9</sup> Mohamad Hasrul Zakariah, British Dan Resolusi 242 1967: Pengajaran Sejarah Untuk Pelan Damai Di Asia Barat, dlm. *Jurnal Kemanusiaan*, bil. 10, (2007), 73.

<sup>10</sup> Sara Roy, Why Peace Failed-An Oslo Autopsy, dlm. *Current History Magazine*, vol. 100, no. 651, (2002), 15.

seluruhnya.<sup>11</sup> Menurut Shlaim, istilah ini merupakan helah Yassir Arafat yang mana sebenarnya merujuk kepada tuntutan ke atas keseluruhan kawasan Tebing Barat.

Artikel 12 di dalam perjanjian Oslo juga memperlihatkan sedikit isu yang boleh ditimbulkan. Ianya menyentuh kepada penyusunan semula tentera Israel di Tebing Barat dan juga Gaza.<sup>12</sup> Penulis terfikir apakah maksud sebenar penyusunan tentera Israel di dua wilayah ini. Jika yang dijanjikan adalah pengunduran daripada wilayah Palestin, namun apakah yang dimaksudkan dengan penyusunan semula ini. Isi perjanjian tentang penyusunan semula ini boleh dimanipulasi oleh pihak yang ingin mengambil kesempatan dengan menggunakan fasal dalam artikel 12 ini untuk terus menduduki wilayah Palestin dengan alasan penyusunan semula kedudukan tentera Israel.

Apabila penulis meneliti isi perjanjian Oslo ini, penulis dapati begitu banyak fasal ataupun artikel-istilah yang digunakan di dalam Perjanjian Oslo- yang boleh menjadikan penafsiran yang berbeza di kalangan pelbagai pihak. Jika penafsiran sesuatu itu berbeza, maka sudah pasti pengamalan dan pendekatan yang diambil akan cenderung kepada apa yang difahami bukan kepada apa yang dipersetujui bersama semasa perjanjian itu ditandatangani. Isu ini boleh dilihat di dalam beberapa contoh yang telah penulis datangkan dimana wujud persoalan ataupun tanda tanya kepada istilah-istilah yang boleh dieksploitasi atau dimanipulasi maksud sebenarnya yang ingin dicapai di antara dua pihak Palestin dan Israel.

---

<sup>11</sup> Avi Shlaim, *The Rise and Fall of The Oslo Peace Process*, dlm. *International Relations of The Middle East*, (2005), 244..

<sup>12</sup> Declaration of Principles on Interim Self-Government Arrangements.

#### 4.2.1.4 Kegagalan Pelaksanaan Perjanjian Oslo

Isi Perjanjian Oslo jika diteliti menunjukkan usaha Arab-Israel untuk mencapai keamanan dan juga perdamaian. Namun apa yang menjadi hakikat adalah sampai ke hari ini konflik Arab-Israel terus menjadi isu dan tidak terlihat titik noktahnya konflik ini. Perjanjian yang dilakukan di Washington pada September 1993 menjadi harapan bagi kedua-dua pihak terutamanya pihak Palestin yang melihat wujudnya sinar kegembiraan dan juga sinar harapan yang cerah pada masa depan mereka di dalam perjanjian ini.

Salah satu perkara yang di bincangkan di dalam Perjanjian Oslo adalah mengenai penempatan Yahudi di wilayah Palestin dalam Artikel 5.<sup>13</sup> Perbincangan mengenai status kekal di bawah Artikel 5 turut memuatkan isu penempatan Yahudi di wilayah Palestin. Namun apa yang dapat dilihat adalah berlaku lambakan ataupun gandaan pendatang Yahudi lebih kurang seramai 100 000 orang dengan mewujudkan lebih kurang 30 lagi penempatan baru.<sup>14</sup> Penempatan baru ini telah menjadikan Israel menduduki tanah Palestin lebih kurang 4000 ekar. Hal ini merupakan antara perkara yang dilanggar dan dikhianati oleh pihak Israel yang mana perkara tersebut telah dipersetujui di dalam Perjanjian Oslo.

Sepertimana yang penulis sebutkan di awal tadi, bagaimana jika dilihat dan diteliti isi Perjanjian Oslo, ianya menunjukkan suatu bentuk usaha yang bersungguh-sungguh untuk mencapai perdamaian, akan tetapi pelanggaran dan pengkhianatan yang dilakukan telah membantutkan dan menggagalkan apa yang telah dipersetujui di dalam perjanjian tersebut.

---

<sup>13</sup> *Ibid.*,

<sup>14</sup> Sara Roy (2002), *Why Peace Failed-An Oslo Autopsy*, 12.

Penulis melihat bahawa perjanjian ataupun pelan perdamaian Palestin-Israel sering mencapai kegagalan adalah kerana wujud pihak yang mengkhianati perjanjian. Menurut Tamar Herman seorang profesor di Open University of Israel mengatakan bahawa setiap perjanjian yang mengalami kegagalan terlalu banyak alasan dan menyalahkan pelbagai pihak.<sup>15</sup> Sepatutnya setiap perjanjian baru yang dilakukan menjadikannya lebih baik sepertimana mana-mana pertandingan yang berlaku, pemain pasti akan meningkatkan mutu permainan dalam setiap permainan yang ditandinginya akan tetapi situasi berbeza dengan perjanjian-perjanjian yang berlaku antara Arab-Israel ini.

Hasil pembacaan dan penelitian penulis, penulis dapati terdapat beberapa pengarang artikel dan juga buku menyebut bahawa Oslo merupakan suatu bentuk contoh perjanjian yang gagal kerana usaha yang dilakukan untuk menyempurnakan isi perjanjian dilihat sebagai tiada usaha langsung. Melissa Boyle Mahle merupakan bekas anggota *Central Intelligence Agency* (CIA) menyatakan bahawa Perjanjian Oslo bukanlah terhenti ataupun gagal kerana tercetusnya *Intifadah Al-Aqsa* tetapi lebih kepada pengkhianatan politik terhadap perjanjian yang telah dilakukan.<sup>16</sup> Bahkan istilah ataupun fenomena yang lebih tepat bagi penulis adalah kegagalan Perjanjian Oslo itu sendiri merupakan punca dan faktor kepada tercetusnya *Intifadah Al-Aqsa*.

Seorang lagi penulis yang menyatakan bahawa Perjanjian Oslo akan mencapai kegagalan adalah Israel Hanukoglu. Beliau menulis sebuah artikel mengenai Perjanjian Oslo dan menyatakan bahawa perjanjian ini hanyalah

---

<sup>15</sup> Tamar Herman, How The Peace Process Plays in Israel, dlm. *Current History*, [http://www.openu.ac.il/Personal\\_sites/download/Tamar-Hermann/how-the-peace-process.pdf](http://www.openu.ac.il/Personal_sites/download/Tamar-Hermann/how-the-peace-process.pdf), 2010, 363.

<sup>16</sup> Melissa Boyle Mahle, A Political-Security Analysis of The Failed Oslo Process, dlm. *Middle East Policy Council*, <http://mepc.org/journal/middle-east-policy-archives/political-security-analysis-failed-oslo-process>, 2004.

sepertimana perjanjian-perjanjian lain yang pernah dilakukan di dunia ini yang mana dilihat hebat dan dapat menyelesaikan masalah, namun hakikatnya tiada apa yang dapat dibanggakan dengan perjanjian tersebut.<sup>17</sup> Artikel ini ditulis oleh beliau sejurus apabila beliau mendengar mengenai Perjanjian Oslo. Ini bermakna kegagalan Perjanjian Oslo telah dapat dibaca dan dijangka oleh Hanukoglu.

Penulis berpendapat kenapa dua tokoh diatas menjangkakan bahawa Perjanjian Oslo akan mencapai kegagalan adalah kerana melihat kepada suasana politik Israel-Palestin sebelum ini. Hal ini kerana Israel tidak akan pernah mahu berkompromi dengan Palestin, namun di dalam Perjanjian Oslo, Israel mahu mengiktiraf dan menarik penguasaan mereka di atas wilayah Palestin. Malahan Palestin bakal diiktiraf sebagai sebuah negara yang berdaulat dan Israel sudah tidak mempunyai alasan dan hak ke atas Palestin lagi selepas perjanjian ini berjaya dilaksanakan.

#### **4.2.1.5 Ketidakpuasan Hati Masyarakat Arab**

Perjanjian Oslo hanyalah merupakan sebahagian kecil daripada proses damai yang berlaku di Palestin. Kegagalan pelaksanaan Perjanjian Oslo ini bukanlah menunjukkan kegagalan rundingan damai Arab-Israel kerana wujud juga perjanjian-perjanjian lain selepas daripada Perjanjian Oslo ini. Namun apa yang menjadi permasalahan di sini adalah pelaksanaan isi perjanjian yang telah dibuat. Isi perjanjian yang dilakukan boleh dikatakan semuanya menjurus ke arah penyelesaian konflik yang berlaku sejak sekian lama, namun pelaksanaannya menjadi masalah ataupun terlalu lambat dan nampak dilengah-lengahkan. Akibatnya terhasil di

---

<sup>17</sup> Israel Hanukoglu, Pied Pipers of Peace-Criticism of Oslo Agreement, <http://www.science.co.il/Arab-Israeli-conflict/Articles/Hanukoglu-1993-10-13.php>, 1993.

pemikiran masyarakat khususnya masyarakat Arab yang melihat perjanjian yang dibuat hanyalah untuk memberhentikan konflik semasa yang sedang berlaku dan bukanlah untuk bersungguh-sungguh menyelesaikan konflik yang berlaku untuk jangka masa panjang.

Masyarakat Arab juga melahirkan rasa tidak puas hati dengan Perjanjian Oslo yang diadakan kerana pelaksanaannya yang dilambatkan dan ditangguh-tangguh. Isu-isu akhir yang tidak diselesaikan dan dibincangkan dengan lebih terperinci seperti isu pelarian Palestin dan juga status Baitul Maqdis menampakkan dan menjelaskan lagi kegagalan perjanjian ini.<sup>18</sup> Masyarakat Arab yang dilihat akhirnya bersetuju dan menyokong perjanjian yang dibuat dengan Israel bagi memberhentikan konflik yang berlaku sejak sekian lama, akhirnya hampa kerana keadaan Palestin serupa sahaja tidak banyak berubah walaupun perjanjian telah dibuat.

*Intifadah Al-Aqsa* sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini berpunca daripada kegagalan perjanjian dan perbincangan yang dirancang. Perjanjian Oslo I dan II serta Persidangan *Camp David II* yang menjadi harapan masyarakat Arab untuk masa depan Palestin yang lebih cerah tidak kesampaian. Akhirnya rakyat Palestin telah memilih jalan untuk bangkit semula menentang Israel melalui jalan kekerasan.

#### **4.2.2 Road Map: Perancangan Ke Arah Status Akhir Palestin**

Selepas tercetusnya *Intifadah Al-Aqsa* di Palestin, dapat dilihat berlaku banyak perubahan besar di dalam landskap politik rakyat Palestin. Kedudukan Israel

---

<sup>18</sup> Siti Zaleha Hamzah, *Proses Damai Arab-Israel Dalam Menangani Konflik di Palestin: Kajian Terhadap Perjanjian Oslo (1993-1995)*, (Disertasi, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), 155.



yang juga turut terkesan selepas peristiwa besar ini memperlihatkan bagaimana negara kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat telah merangka beberapa keadaan ataupun perancangan yang turut dikenali sebagai *Road Map* bagi menyelesaikan isu yang telah berlaku sejak sekian lamanya antara Palestin dan Israel. Perancangan *Road Map* ini dilakukan bersama kuasa besar dunia lain seperti Rusia dan Eropah serta PBB pada tahun 2002. Perancangan ataupun cadangan yang dilakukan ini adalah merupakan jalan ataupun kaedah yang cuba digunapakai bagi mengakhiri dan menyelesaikan serta memberhentikan konflik yang telah dan sedang berlaku sejak sekian lamanya.

*Road Map* ini juga merupakan suatu bentuk perbincangan yang wujud selepas tercetusnya *Intifadah Al-Aqsa*. Usaha mencapai jalan perdamaian dan mencari titik penyelesaian kepada konflik yang terus menerus berlaku di Palestin menjadi tunjang ataupun topik utama di dalam perbincangan mengenai *Road Map* ini. Usaha ini dipelopori oleh Amerika Syarikat yang berperanan sebagai orang tengah di antara dua pihak yang berbalah iaitu Israel dan Palestin. Malahan, usaha ini turut disertai oleh negara-negara lain yang ingin menyumbang idea dan pandangan mereka bagi menyelesaikan kemelut yang berlaku di Palestin.

Beverly Milton-Edwards dan Alastair Crooke menyatakan bahawa semua perjanjian dan perbincangan mengenai konflik di Palestin mencapai kegagalan. Usaha di pihak Israel dilihat sebagai mengingkari perjanjian yang dilakukan. Kebanyakan perbincangan dan perjanjian yang dilakukan adalah berasaskan kepada apa yang dibincangkan di dalam Perjanjian Oslo. Menurut mereka, *Road Map* merupakan usaha diperingkat internasional yang diterima untuk menamatkan konflik yang berlaku, akan tetapi ianya masih lagi berada diperingkat perbincangan dan masih belum dilakukan sebarang tindakan mahupun usaha ke arah menyelesaikan

konflik yang berlaku.<sup>19</sup> Penulis sependapat dengan mereka berdua kerana jika dilihat kepada perbincangan yang dilakukan, secara umumnya keamanan boleh dicapai dan konflik mampu untuk ditamatkan, namun apa yang berlaku adalah sehingga hari ini konflik di Palestin masih lagi terus berlaku malah dalam sesetengah keadaan ianya menjadi semakin teruk lagi.

Kerajaan Israel menerima baik *Road Map* yang dicadangkan oleh President Bush di dalam ucapannya pada 24 Jun 2002. Di dalam ucapan tersebut Bush mencadangkan bahawa negara Palestin wujud selepas 3 tahun dari tarikh tersebut dan Israel membantu mempermudah penubuhan negara Palestin dengan syarat selepas Palestin menukar kepimpinan Yassir Arafat.<sup>20</sup> *Road Map* yang dicadangkan untuk pembangunan dan mendirikan dua negara iaitu Palestin dan Israel telah dipersetujui oleh Israel dan *Palestinian National Authority* (PNA). Pihak PA yang diketuai oleh Fatah sejak dahulu lagi -bermula secara rasminya ketika mana berlakunya Perjanjian Oslo- telah mengiktiraf Israel sebagai sebuah negara, maka sudah pasti mereka bersetuju dengan cadangan penyelesaian dua buah negara di mana Palestin juga turut diiktiraf sebagai sebuah negara yang berdaulat.

Mahmud Abbas yang menjadi pengerusi PNA selepas Yasser Arafat menyatakan persetujuan beliau terhadap *Road Map* yang dicadangkan. Menurut beliau, perkara ini memberi impak positif kepada status Palestin sebagai sebuah negara kelak. Semasa pertemuan beliau dengan wakil Hamas, Jihad Islami, Barisan Populer dan Barisan Demokrasi, beliau menyatakan bahawa *road map* yang dirangka

---

<sup>19</sup> Beverly Milton-Edwards dan Alastair Crooke, *Elusive Ingredient: Hamas and The Peace Process*, dlm. *Journal of Palestine Studies*, vol. 33, no. 4, (2004), 39.

<sup>20</sup> The Bush Peace Plan, 24 Jun 2002, akses pada 20 Mei 2013, <http://www.jewishvirtuallibrary.org/jsource/Peace/bushplan.html>. Penulis berpendapat syarat ini dikenakan kerana Presiden Bush dan Israel menganggap bahawa Arafat merupakan dalang kepada tercetusnya *Intifadah Al-Aqsa* pada tahun 2000. Sedangkan sebelumnya Arafat telah bersetuju untuk bersama-sama melaksanakan proses perdamaian antara Palestin dan Israel di dalam Perjanjian Oslo.

ini merupakan jalan selamat ataupun penyelamat kepada Palestin itu sendiri.<sup>21</sup> Penulis melihat apa yang dikemukakan oleh Abbas merupakan ijhtihad beliau supaya ingin melihat Palestin benar-benar diiktiraf dan menjadi sebuah negara berdaulat disamping tidak mengetepikan undang-undang antarabangsa yang mengiktiraf Israel sebagai sebuah negara yang lain.

Amerika Syarikat menganggap *Road Map* yang dirangka dan dirancang ini merupakan antara yang terbaik jalan penyelesaiannya. Mereka beranggapan bahawa jika perjalanan *Road Map* ini digerakkan dengan baik dan mengikut perancangannya, maka konflik di Palestin mampu untuk mencapai penamatnya. Penulis berpendapat bahawa bukan sahaja *Road Map* malah perjanjian dan perbincangan yang telah berlaku sebelum ini semuanya menuju ke arah kebaikan. Namun secara jelas dapat dilihat pelaksanaan serta usaha ke arah merealisasikan perkara tersebut masih ketinggalan jauh.

#### **4.2.3 Persidangan Annapolis**

Persidangan Annapolis merupakan persidangan yang membincangkan mengenai isu-isu di Timur Tengah yang diadakan pada 27 November 2007. Persidangan ini dianjurkan oleh Amerika Syarikat melalui Setiausaha Negara Amerika Syarikat dan turut melibatkan penyertaan Perdana Menteri Palestin pada waktu itu iaitu Mahmoud Abbas dan juga Perdana Menteri Israel Ehud Olmert. Persidangan ini turut memuatkan isi perbincangan mengenai persempadanan, status Jerusalem, hak rakyat Palestin untuk kembali dan juga pelbagai isu lagi yang

---

<sup>21</sup> Arnon Regular, "Road Map is a Life Saver For Us," *PM Abbas Tells Hamas*, (Haaretz, 2003).

menjadi konflik di Palestin.<sup>22</sup> Sebenarnya penulis berpendapat bahawa intifadah al-Aqsa yang tercetus di Palestin merupakan pemangkin ataupun *pusher* di dalam menekan agar pihak yang terlibat serta yang berkuasa akan mengadakan perbincangan dan perjanjian dalam pelbagai bentuk bagi mencapai keamanan dan kedamaian di antara pihak Palestin dan Israel khususnya. Proses damai wujud selepas kebangkitan rakyat Palestin berlaku walaupun telah ada perbincangan damai yang dilakukan sebelumnya.

Hakikatnya, selepas tercetusnya intifadah kedua, penulis dapati perjanjian dan perbincangan damai banyak dilakukan oleh pelbagai pihak sama ada di kalangan Liga Arab sendiri, Israel dengan Arab serta disertai dan diketuai oleh Amerika Syarikat yang menjadi kuasa besar dunia pada hari ini. *Intifadah Al-Aqsa* memberi kesan kepada bercambahnya perbincangan mengenai proses damai antara Palestin dan Israel. Hal ini juga terjadi apabila intifadah pertama 1987 tercetus sebelum ini yang menyaksikan bagaimana usaha untuk mencapai kedamaian itu digerakkan dengan bersungguh-sungguh akan tetapi hanya pada kertas sahaja tanpa disusuli dengan tindakan yang sepatutnya.

#### **4.2.3.1 Pelan Damai Israel-Palestin**

Di dalam persidangan ini yang dilakukan di Annapolis, Maryland pada tahun 2007 membincangkan seperti mana-mana persidangan dan perjanjian sebelum ini mengenai pelan damai antara Palestin dan Israel. Di dalam ucapan Presiden Bush ketika persidangan ini, beliau menyatakan bahawa usaha keras perlu diambil sepertimana yang dipersetujui di dalam persidangan ini supaya pertumpahan darah

---

<sup>22</sup> Statement by President Mahmoud Abbas at the Annapolis Conference, November 2007, [http://www.jewishvirtuallibrary.org/jsourc/Peace/Abbas\\_annapolis.html](http://www.jewishvirtuallibrary.org/jsourc/Peace/Abbas_annapolis.html).

dan persengketaan dapat diberhentikan.<sup>23</sup> Persidangan ini dilakukan selepas tercetusnya *Intifada Al-Aqsa* pada tahun 2000 apabila penentangan tersebut menunjukkan kegagalan pelaksanaan apa yang termaktub di dalam Perjanjian Oslo. Di dalam persidangan ini juga menunjukkan kerisauan Presiden Amerika Syarikat mengenai konflik yang berlaku di Palestin sejak puluhan tahun.

Penulis melihat persidangan dan perjanjian damai yang dilakukan di Palestin seringkali berlaku selepas tercetusnya sesuatu peristiwa besar yang mengancam kedudukan Israel itu sendiri. Sebagai contoh wujudnya Resolusi PBB selepas peperangan Enam Hari 1967, kemudiannya Perjanjian Oslo selepas intifadah pertama 1987, dan selepas *Intifadah Al-Aqsa* tercetus, wujud pula *Road Map* dan Persidangan Annapolis serta pelbagai lagi persidangan bagi membincangkan keamanan di Palestin. Jika dikaji dan diteliti, kesemua isi kandungan di dalam perjanjian-perjanjian tersebut adalah menjurus kepada keamanan dan kedamaian antara Palestin dan Israel, namun suasana tegang dan konfrontasi terus berlaku dan memanjangkan lagi konflik yang telah wujud. Pada penulis, perjanjian boleh dibuat dan dimeterai dengan begitu cantik dan kemas sekali, namun apa yang lebih penting adalah bagaimana seluruh pihak yang terlibat berusaha untuk melaksanakan apa yang telah dipersetujui bersama.

#### **4.2.3.2 Penubuhan Negara Palestin**

Amerika Syarikat menunjukkan minat serta usaha mereka untuk melihat konflik di Palestin dapat diakhiri dengan secepat mungkin. Usaha mereka dapat dilihat melalui banyak perbincangan yang diketuai oleh mereka dengan negara-

---

<sup>23</sup> President Bush's Speech at Annapolis, dlm. Peace Agreements Digital Collection, [http://www.usip.org/files/file/resources/collections/peace\\_agreements/bush\\_annapolis.pdf](http://www.usip.org/files/file/resources/collections/peace_agreements/bush_annapolis.pdf).

negara besar lainnya. Sejak awal lagi Presiden Amerika Syarikat telah menyentuh mengenai konflik di Palestin sehinggalah kepada Presiden AS hari ini iaitu Barrack Obama. Presiden Bush sebelum ini mencadangkan kepada Palestin supaya melakukan pilihanraya bagi memilih kepimpinan yang akan menduduki kerusi PNA, namun apabila Hamas memenangi pilihanraya dan menguasai Gaza, beliau tidak menyokong pula atas alasan kerajaan Hamas menyokong kepada keganasan. Malahan beliau membantu Fatah yang menang di Tebing Barat untuk memerangi Hamas yang banyak disekat sumber ekonomi dan sebagainya.<sup>24</sup>

Usaha menubuhkan negara Palestin disamping tidak mengetepikan hak kewujudan negara Israel merupakan isu penting yang dibincangkan di dalam setiap perbincangan yang dilakukan mengenai konflik yang berlaku. Penulis bersetuju dan menyokong usaha yang dilakukan bagi mewujudkan dan mengiktiraf Palestin sebagai sebuah negara. Namun kawasan yang menjadi tanah Palestin mengikut Resolusi 242 PBB menyatakan bahawa hanya wilayah Gaza dan juga Tebing Barat yang menjadi hak milik rakyat Palestin. Kedua-dua wilayah ini dianggap kecil berbanding populasi rakyat Palestin yang ada hari ini. Jika Palestin telah wujud sebagai sebuah negara yang berdaulat, sudah pasti rakyat Palestin yang sedang menjadi pelarian khususnya di Jordan yang mana lebih kurang 80% rakyatnya merupakan penduduk asal Palestin<sup>25</sup> ingin kembali pulang ke Palestin.

Isu lain yang turut timbul adalah bagaimana status orang Palestin yang kini adalah rakyat Israel. Sudah pasti mereka juga ingin pulang ke Palestin jika telah wujud sebagai sebuah negara yang berdaulat. Oleh kerana itu, hak untuk kembali ke tanah air turut menjadi isu utama di dalam perbincangan mengenai konflik ini.

---

<sup>24</sup> Ali Abunimah, Why Obama's Peace Process is Still Going Nowhere, <http://electronicintifada.net/content/why-obamas-peace-process-still-going-nowhere/8369>.

<sup>25</sup> Temubual bersama Dr Bayan Al-Omari, Naib Presiden Middle East Studies Center, Jordan pada 27 Jun 2012 di Amman, Jordan.

Walaupun begitu, penulis beranggapan bahawa kewujudan negara Palestin dengan dua wilayah iaitu Gaza dan Tebing Barat adalah lebih baik berbanding langsung tidak diiktiraf sebagai sebuah negara dan rakyatnya terus menjadi pelarian di negara lain sampai bila-bila.

Persetujuan kepada penubuhan negara Palestin sudah tentunya melibatkan kawasan sempadan antara Palestin dan Israel. Apa yang menjadi persoalan di sini adalah bagaimana Israel menerima hasil persetujuan yang dibuat berasaskan Resolusi 242 PBB yang menyatakan bahawa Tebing Barat merupakan wilayah Palestin. Hal ini kerana, Israel yang bersetuju untuk menyerahkan kawasan Tebing Barat kepada Palesti telah menetapkan syarat tambahan dengan pengurangan beberapa daerah ataupun kawasan terutamanya di Timur Jerusalem, Latrun dan juga Barat Laut Laut Mati. Kawasan ini merangkumi lebih kurang 5.4% daripada keseluruhan kawasan Tebing Barat.<sup>26</sup> Penulis merasakan mungkin perkara ini adalah merupakan antara faktor penolakan rakyat Palestin terhadap pembahagian yang dilakukan sedangkan telah ada pembahagian sempadan yang dilakukan oleh PBB pada tahun 1967. Jika hal ini berterusan, penulis menjangkakan bahawa penubuhan negara Palestin sebagai sebuah negara yang berdaulat mungkin akan lebih jauh lagi dan memakan masa yang lebih panjang.

#### **4.2.3.3 Isu-isu utama**

Perjanjian dan juga apa-apa pelan damai yang dilakukan bagi menangani konflik di Palestin yang dilakukan selepas tercetusnya *Intifadah Al-Aqsa* menunjukkan sedikit kelainan berbanding sebelumnya. Isu-isu utama yang menjadi

---

<sup>26</sup> Walid Khalidi, *The Prospects of Peace in The Middle East*, dlm. *Journal of Palestine Studies*, vol. 32, no. 2, (2003), 58.

perbincangan pokok selain daripada status Palestin sebagai sebuah negara dan mempunyai wilayahnya sendiri adalah mengenai status penempatan Yahudi di wilayah Palestin serta persempadanan wilayah. Isu lain yang turut menjadi fokus utama adalah mengenai hal pelarian Palestin dan hak untuk mereka kembali ke Palestin. Isu keselamatan dan juga air turut menjadi perbincangan utama di dalam proses damai di Palestin.

Penulis telah sebutkan sebelum ini, sejak daripada penubuhan negara Israel pada tahun 1948 lagi sekatan sumber air telah berlaku. Ilan Pape telah menyebut di dalam bukunya *The Ethnic Cleansing of Palestine* bahawa Israel telah melakukan eksploitasi ke atas sumber air, elektrik dan sebagainya. Rakyat Palestin dinafikan hak daripada menerima kemudahan tersebut. Kerana itulah persoalan mengenai air juga menjadi perbincangan utama di dalam setiap usaha damai yang dilakukan.

Hak untuk rakyat Palestin kembali ke tanah air mereka walaupun telah menjadi tanah Israel adalah harapan yang besar buat rakyat Palestin. Hak ini sebenarnya telah dijanjikan oleh PBB di dalam Resolusi 194 yang menyebut mereka boleh kembali ke tanah air mereka walaupun di dalam Israel. Namun resolusi ini ditolak oleh Israel atas alasan akan hilang identiti apabila dipenuhi dengan masyarakat Arab Palestin. Mereka hanya menerima hak untuk kembali ini terbatas kepada persempadanan wilayah Palestin sama ada di Tebing Barat ataupun di Gaza.<sup>27</sup>

Penempatan Yahudi di dalam wilayah Palestin juga merupakan perkara pokok yang perlu diperjelaskan dan diselesaikan. Kewujudan penempatan ini sebenarnya menjadi batu penghalang kepada jalan perdamaian yang diusahakan di Palestin. Hal ini kerana Israel telah memiliki tanah sendiri, begitu juga untuk rakyat

---

<sup>27</sup> Carol Migdalovitz, *Israeli-Palestinian Peace Process: The Annapolis Conference*, (CRS Report for Congress, 2007), 6.



Palestin. Namun masih wujud penempatan Yahudi di wilayah Palestin sedangkan jika dilihat kepada peta perancangan untuk wilayah Palestin hanyalah beberapa peratus daripada keseluruhan keluasan kawasan Israel.

Penulis berpendapat bahawa proses damai yang berlaku lebih menumpukan kepada sesuatu isu semasa yang menjadi tumpuan. Oleh kerana ini beberapa isu yang sepatutnya lebih diberikan penumpuan untuk diselesaikan tidak dilakukan. Ini berpunca akibat daripada mahu menyelesaikan masalah berasaskan kesan ataupun krisis yang sedang berlaku, bukannya berasaskan punca sesuatu itu berlaku.

*Intifadah Al-Aqsa* menyaksikan bagaimana penyatuan antara masyarakat awam dan juga organisasi yang terlibat di dalam kebangkitan ini. Antara tujuan utama yang diperjuangkan oleh rakyat Palestin di dalam kebangkitan ini adalah mengenai status Jerusalem yang telah dibahagikan kepada dua iaitu timur dan barat serta masalah pelarian.<sup>28</sup> Selain itu juga, *Intifadah Al-Aqsa* juga dilihat tercetus kerana rakyat Palestin ingin menunjukkan penentangan mereka ke atas polisi penempatan Israel di wilayah Palestin. Penulis melihat perjanjian yang berlaku selepas daripada *Intifadah Al-Aqsa* membahaskan dan membincangkan perkara-perkara yang telah disebutkan di atas yang menjadi tujuan utama apabila *Intifadah Al-Aqsa* meletus.

### **4.3 Perbandingan Proses Damai Sebelum dan Selepas Intifadah (2000)**

Perbandingan untuk melihat persamaan dan juga perbezaan antara proses damai yang dijalankan sebelum dan selepas intifadah tahun 2000 perlu diteliti. Penulis telah susunkan beberapa perkara yang diteliti dan disusun dalam bentuk

---

<sup>28</sup> Kirsten E Schulze, Camp David and The Al-Aqsa Intifada: An Assessment of The State of The Israeli-Palestinian Peace Process, July-December 2000, dlm. *Studies in Conflict & Terrorism*, (2010), 221.

jadual bagi memudahkan pembacaan. Proses damai yang berlaku mempunyai banyak persamaan namun terdapat juga beberapa perbezaan di antara keduanya. Perbezaan yang wujud di dalam proses damai selepas intifadah tahun 2000 berkemungkinan terkesan dengan cara dan kaedah penentangan rakyat Palestin yang dilihat lebih agresif berbanding kebangkitan pada tahun 1987.

Jadual 4.1: Perbandingan proses damai sebelum dan selepas intifadah (2000)

Perkara	Sebelum intifadah (2000)	Selepas intifadah (2000)
Fokus perbincangan	Pengiktirafan negara palestini, pengunduran tentera Israel, pembahagian wilayah	Penubuhan negara Palestin, status pelarian Palestin, status akhir Palestin, penempatan Yahudi
Pihak terlibat	Amerika Syarikat, Israel, PLO	Amerika Syarikat, Rusia, Eropah, PBB, Israel, PNA
Kekerapan perundingan	Perjanjian Oslo pada tahun 1993 dan 1995 serta Persidangan <i>Camp David II</i> pada tahun 2000.	Perancangan <i>Road Map</i> pada tahun 2002 dan Persidangan Annapolis pada tahun 2007.
Respon Palestin dan Israel	Pasukan berlatarbelakang Islamik tidak bersetuju dengan perundingan yang dilakukan. Manakala di kalangan rakyat Israel kebanyakan bersetuju supaya keadaan darurat dapat dihentikan. Kecuali kumpulan sayap kanan Israel.	Hamas sedikit longgar apabila bersetuju untuk berunding dan melakukan genjatan senjata. Rakyat Israel terus bersetuju dengan pelan damai yang dilakukan

Jika diteliti dan dibandingkan antara pelan damai sebelum dan selepas *Intifadah Al-Aqsa*, kita akan dapati bahawa terdapat banyak persamaan antara keduanya. Namun begitu, terdapat juga beberapa perbezaan yang wujud. Perkara pertama yang perlu dilihat adalah pada fokus perbincangan yang diutamakan di dalam perbincangan pelan damai tersebut. Sebelum intifadah tahun 2000 meletus, Perjanjian Oslo dan Persidangan *Camp David II* telah dilakukan dan fokus perbincangan lebih tertumpu kepada pengunduran tentera Israel daripada wilayah

Palestin dan pengiktirafan Palestin sebagai sebuah negara. Selepas intifadah tahun 2000 juga memperlihatkan perbincangan juga terfokus pada penubuhan negara Palestin. Namun perkara lain yang turut menjadi isu utama adalah mengenai penempatan Yahudi di dalam kawasan wilayah Palestin dan juga pelarian Palestin yang berada di sekitar negara Arab yang lain yang mana ramai di kalangan mereka merupakan penduduk asal di kawasan yang menjadi wilayah Israel kini.

Penglibatan di dalam perjanjian dan persidangan yang wujud juga menunjukkan sedikit perbezaan. Sebelum intifadah meletus, kebanyakan pelan damai diuruskan dan dipengurusikan oleh Amerika Syarikat untuk rundingan antara Israel dan Palestin. Namun selepas intifadah kedua meletus, kuasa besar dunia yang lain turut menunjukkan usaha bersama bagi mencapai jalan kedamaian di Palestin dan Israel. Negara besar seperti Rusia dan Eropah bersama-sama dengan Amerika Syarikat dalma merangka dan menyusun pelan damai tersebut. Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) juga memainkan peranan yang penting sebagai badan terbesar di dunia ini.

Dari sudut kekerapan perundingan pula, sebelum tahun 2000 pelan damai yang dilakukan terhenti apabila tercetusnya *Intifadah Al-Aqsa* pada September 2000. Bermula dengan Perjanjian Oslo pada tahun 1993 dan 1995 seterusnya Persidangan *Camp David II* pada tahun 2000. Melihat kepada selepas tercetusnya intifadah pula, kekerapan perbincangan lebih kerap dan juga perancangannya terus menjurus kepada keputusan akhir. Perundingan yang besar berlaku dalam *Road Map* untuk Palestin pada tahun 2002 dan juga Persidangan Annapolis pada tahun 2007. Sehingga ke hari ini, perangkaan dan juga perancangan menuju status akhir Palestin mengikut seperti apa yang telah dipersetujui bersama pada tahun 2002 dan juga 2007.

Respon pada masyarakat Israel menunjukkan mereka sentiasa bersetuju dengan rundingan damai yang dilakukan sama ada sebelum ataupun selepas intifadah kedua pada tahun 2000. Masyarakat Israel merasakan bahawa rundingan damai ini mampu untuk memberhentikan dan menghalang daripada suasana konfrontasi dan tidak selamat terus berlegar di keliling mereka. Berbeza dengan rakyat Palestin, sebelum intifadah kedua, mereka tidak bersetuju dengan pelan damai yang dilakukan. Hal ini kerana, mereka berpendirian bahawa Israel merupakan pendatang dan merampas negara mereka dan menafikan hak mereka. Maka sudah tentulah sebarang rundingan dengan Israel tidak perlu dilakukan. Sebilangan rakyat Israel daripada sayap kanan bersama dengan rakyat Palestin yang tidak bersetuju dengan rundingan damai yang berlaku. Bagi mereka, apabila rundingan damai dengan Palestin dilakukan, maka cita-cita dikenali sebagai “The Great Israel” akan terhalang. Perkara ini sedikit berbeza apabila perjanjian dan perbincangan yang dilakukan selepas intifadah kedua. Hamas yang dikenali sebagai kelompok yang tidak pernah setuju dengan kewujudan Israel, sedikit longgar apabila memandangkan positif pelan damai yang dilakukan. Hamas bersetuju dengan syarat mengikut apa yang telah menjadi ketetapan PBB dalam Resolusi 242 1967.

#### **4.4 Pendirian Mengenai Proses Damai**

Proses damai di Palestin bukanlah hanya tertumpu kepada pihak yang terlibat secara langsung sahaja iaitu Palestin dan Israel. Akan tetapi ianya juga turut melibatkan pihak lain seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu serta Pihak Keselamatan sebagai badan terbesar dunia. Selain itu juga, kuasa besar dunia pada

hari ini turut memberi respon yang pelbagai terhadap konflik di Palestin seperti contohnya Amerika Syarikat dan juga Eropah.

Politik di Palestin mempunyai sedikit keunikan di mana berlaku kerajaan perpaduan antara Hamas di Gaza dan Fatah di Tebing Barat yang membentuk *Palestine National Authority* (PNA). Apa yang menarik adalah kedua-dua parti ini merupakan parti terbesar di Palestin dan ideologi kedua-dua belah pihak pula banyak perbezaannya walaupun asas pergerakan mereka adalah untuk membebaskan Palestin daripada Israel. Kedua-dua kumpulan ini dilihat mempunyai pandangan tersendiri mengenai proses damai yang berlaku di Palestin.

#### **4.4.1 PBB dan Majlis Keselamatan**

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menunjukkan hasrat dan harapan yang besar terhadap proses damai yang berlaku di Palestin. Media menunjukkan bahawa negara-negara ahli di dalam PBB begitu ingin melihat konflik di Palestin dapat berakhir dan semua pihak dapat hidup mengecapi keamanan dan kedamaian tanpa perlu bermusuhan dan hidup di dalam ketakutan setiap hari. Tamar Hermann seorang profesor di universiti di Israel menyatakan kebimbangan dan pandangan beliau mengenai proses damai yang berlaku. Menurut beliau, adakah proses damai yang berlaku sejak dari dahulu hingga sekarang adalah berbentuk permainan lama iaitu berjanji pada awalnya dengan isi yang menarik namun kemudiannya pelaksanaannya tidak berjalan.<sup>29</sup>

PBB dan juga Majlis Keselamatan menunjukkan usaha dan perbincangan yang mahukan Palestin dan Israel mencapai kata sepakat dan mencapai kedamaian.

---

<sup>29</sup> Tamar Hermann, How The Peace Process Plays in Israel, [http://www.openu.ac.il/Personal\\_sites/download/Tamar-Hermann/how-the-peace-process.pdf](http://www.openu.ac.il/Personal_sites/download/Tamar-Hermann/how-the-peace-process.pdf), 2010, 363.

Antara usaha pihak PBB dapat dilihat dengan beberapa resolusi yang dicapai oleh mereka di dalam usaha mencapai kedamaian di Palestin. Antaranya adalah resolusi 242 yang membahagikan kawasan Palestin dan juga Israel dengan cadangan mewujudkan penyelesaian dua buah negara. Resolusi 194 juga menunjukkan bagaimana hak rakyat Palestin untuk kembali ke tanah asal mereka. Resolusi-resolusi ini menunjukkan bahawa PBB memandang tinggi dan memberikan harapan yang sangat tinggi agar Palestin dan Israel akan mencapai kedamaian dan keamanan pada suatu hari nanti dan proses damai yang dilakukan oleh pelbagai pihak mengenai isu ini adalah mendapat sokongan dan dokongan daripada PBB.

#### **4.4.2 Kuasa Besar Dunia: Amerika Syarikat dan Sekutunya**

Amerika Syarikat yang merupakan kuasa besar dunia pada hari ini menyatakan melalui presidennya George W. Bush bahawa mereka sangat setuju dengan proses damai yang dilakukan antara Palestin dan Israel dan berharap agar kedua-dua pihak terus berbincang bagi menyelesaikan konflik yang telah berlarutan sejak sekian lama. Amerika Syarikat melihat penyelesaian ke atas konflik ini adalah dengan tertubuhnya dua negara iaitu Palestin dan Israel. Bush juga menyeru agar kepimpinan Palestin ditukar baru agar kepimpinan yang ada tidak menyokong kepada keganasan dan antara parti yang dimaksudkan oleh beliau adalah Hamas, Jihad Islami dan Hizbullah.<sup>30</sup> Penulis melihat kenyataan ini adalah kenyataan politik yang mahu menolak Hamas sebagai sebuah kerajaan yang sah yang dipilih oleh rakyat Palestin di Gaza. Ini kerana Hamas merupakan kerajaan yang sering

---

<sup>30</sup> Presiden Bush Call For New Palestinians Leadership, Washington:United State Institute of Peace, akses pada 5 Januari 2013, [http://www.usip.org/files/resources/14\\_George%20W%20Bush's%20Rose%20Garden%20Speech\\_June%2024%202002.pdf](http://www.usip.org/files/resources/14_George%20W%20Bush's%20Rose%20Garden%20Speech_June%2024%202002.pdf)

menentang Israel dan Gaza menjadi tempat yang sering diserang oleh Israel atas alasan mempertahankan diri dan ingin membunuh pengganas yang bersembunyi di Gaza.

Amerika juga melihat bahawa proses damai yang dilakukan perlulah membawa hasil kepada penubuhan negara Palestin yang tidak menyokong keganasan dan hubungan yang baik serta pembangunan ekonomi, sosial dan sebagainya dapat dijalankan dengan baik jika Palestin dapat didirikan sebagai sebuah negara yang sah tanpa menafikan kedudukan dan kewujudan Israel sebagai sebuah negara. Bush melihat dengan jalan perdamaian dan proses damai yang dilakukan ini, keganasan dan pendudukan dapat diberhentikan segera.

Tercetusnya *Intifadah Al-Aqsa* di bumi Palestin pada tahun 2000 telah merencatkan apa yang dirancang ketika Perjanjian Oslo dimeterai. Walaupun intifadah tercetus akibat daripada kegagalan pelaksanaan Perjanjian Oslo, namun di mata kuasa besar dunia khususnya Amerika Syarikat kebangkitan inilah yang menjadi punca kegagalan Oslo. Pada tahun 2002, Presiden Bush telah menyeru agar kepimpinan Palestin dilantik dengan kepimpinan baru kerana tidak lagi berhubung dengan kepimpinan PA ketika itu iaitu Yaser Arafat.<sup>31</sup> Penulis melihat isu ini sebagai ketidakpercayaan Bush terhadap Presiden Yaser Arafat dan menganggap bahawa beliau mengkhianati Oslo dan merancang melakukan *Intifadah Al-Aqsa* tersebut. Hal ini boleh dilihat dalam ucapannya pada tahun 2002 yang menyeru agar rakyat Palestin memilih kepimpinan yang baru bagi menganggotai PA yang tidak menyokong kepada keganasan.<sup>32</sup> Bush menyatakan bahawa beliau mahu melihat keamanan dapat dikecapi di Palestin dengan menjaga hak kedua belah pihak iaitu Palestin dan Israel. *Intifadah Al-Aqsa* telah menjadikan beliau memanggil dan

---

<sup>31</sup> Melissa Boyle Mahle, *A Political-Security Analysis of The Failed Oslo Process*, 2004.

<sup>32</sup> President Bush Call For The New Palestinians Leadership.

mengajak agar Palestin dipimpin oleh kepimpinan baru agar usaha mencapai kedamaian benar-benar dapat dicapai.

Kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Rusia menunjukkan perhatian mereka terhadap konflik yang berlaku di Palestin. Ketiga-tiga kuasa besar dunia ini turut dikenali dengan *Quartet* banyak menerajui dan memacu agar kedamaian dan keamanan dapat dikecapi di Palestin. Perancangan *Road Map* yang membawa kepada keputusan menubuhkan negara Palestin merupakan idea dan cadangan daripada kuasa besar ini. Malah Amerika Syarikat menunjukkan sejak berzaman presidennya mengambil cakna dengan keadaan di Palestin dan sering menjadi tuan rumah bagi persidangan mahupun perbincangan mengenai konflik Palestin dengan Israel.

Israel yang merupakan sekutu kuat Amerika Syarikat sering menyatakan bahawa mereka tidak mahu mengadakan rundingan damai dengan Palestin ataupun PA selagi mana Hamas tidak mengiktiraf Israel wujud sebagai sebuah negara. Hamas sememangnya diketahui keras menolak kewujudan Israel. Dua keadaan ini sudah pasti membawa kepada terbantutnya proses damai yang diusahakan dan menyebabkan konflik di Palestin masih lagi berterusan sehingga ke hari ini.

#### **4.4.3 PLO dan Hamas**

*Palestine Liberation Organization* (PLO) merupakan sebuah pertubuhan gabungan Fatah, *Popular Front for the Liberation of Palestine* (PFLP) dan juga *Democratic Front for the liberation of Palestine* (DFLP). PLO juga merupakan badan penggerak utama kepada *Palestinian National Authority* (PNA) yang menjadi kerajaan sementara yang mentadbir dua wilayah Palestin sebelum pilihanraya



Palestin pada tahun 2006.<sup>33</sup> Badan ini yang menjadi wakil rakyat Palestin bagi menandatangani perjanjian yang dilakukan dengan pihak Israel. Berbeza dengan Hamas yang menjadi kerajaan di Gaza selepas pilihanraya 2006 dilihat sebagai sebuah parti ataupun pertubuhan yang bertentangan dan menolak Israel secara total.

PLO mempunyai pandangan yang berbeza dengan Hamas. PLO telah mengambil langkah yang lembut melalui jalan rundingan dengan Israel bagi mencapai matlamat untuk mewujudkan sebuah negara Palestin yang berdaulat. PLO yang menjadi tulang belakang kepada PNA yang wujud selepas termeterainya Perjanjian Oslo pada tahun 1993. PLO mengiktiraf kewujudan Israel sebagai sebuah negara dalam usahanya merealisasikan penubuhan negara Palestin.

Hamas mempunyai pendirian yang jelas mengenai status Israel di bumi Palestin kerana tidak pernah mengiktiraf Israel sebagai sebuah negara yang berdaulat. Pada mereka, Israel merupakan sebuah negara haram yang menduduki tanah Palestin secara tidak sah dan merampasnya daripada rakyat Palestin sendiri. Hamas juga menolak sebarang perjanjian yang dilakukan dengan Israel seperti Perjanjian Oslo 1993, Hamas dengan kerasnya menolak perjanjian tersebut. Penulis melihat bahawa pendirian Hamas yang menolak sebarang perjanjian yang dilakukan dengan Israel adalah kerana Israel itu sendiri tidak diiktiraf oleh Hamas, mana mungkin mereka bersetuju untuk melakukan atau menerima sebarang perjanjian ataupun rundingan dengan pihak yang tidak pernah mereka iktiraf.

Perjanjian Oslo yang dilakukan antara PLO dengan Israel sebenarnya memberi cabaran yang besar kepada Hamas. Hal ini kerana di dalam perjanjian ini boleh dilihat PLO bersetuju mengiktiraf Israel sebagai sebuah negara yang sah di atas tanah Palestin sedangkan Hamas menolak keras kewujudan Israel yang

---

<sup>33</sup> Palestine Liberation Organization (PLO): History & Overview, <http://www.jewishvirtuallibrary.org/jsourc/Terrorism/plo.html>.

menduduki dan merampas hak orang Palestin serta menduduki Palestin secara tidak sah. Menurut Biro Politik Hamas, Hamas tidak menolak sebarang pelan untuk mencapai kedamaian akan tetapi apa yang dikatakan sebagai pelan damai itu adalah merupakan helah bagi pendudukan dan penempatan Israel ke atas Palestin.<sup>34</sup>

Hamas sepertimana telah disebut sebelum ini yang tidak bersetuju dengan lahirnya negara Israel di atas tanah Palestin tidak bersetuju dengan Perjanjian Oslo yang dimeterai. Boleh dikatakan kumpulan yang berasaskan Islam seperti Hamas<sup>35</sup> dan Jihad Islami<sup>36</sup> tidak rela dengan perjanjian yang berlaku. Mereka melancarkan pengeboman berani mati sebagai tanda memprotes perjanjian yang dilakukan. Perkara ini telah menjadikan PLO mengambil tindakan balas dengan membunuh pimpinan utama mereka dan menangkap ahli-ahli mereka. Universiti Islam serta institusi-institusi di bawah Hamas dan juga Masjid Gaza telah dikawal rapi oleh PLO.<sup>37</sup>

Penulis telah sebutkan sebelum ini di mana Hamas tidak mengiktiraf kewujudan Israel di atas tanah yang asalnya adalah milik Palestin. Justeru, secara logiknya Hamas tidak menerima perjanjian damai yang dilakukan dengan Israel. Bukan sahaja hasil perjanjian damai itu yang tidak dipersetujui oleh Hamas, bahkan perjanjian itu tidak dipersetujui atas alasan tidak menerima dan mengiktiraf Israel

---

<sup>34</sup> Jeroen Gunning, *Hamas in Politics: Democracy, Religion, Violence*, (New York: Columbia University Press, 2009), 203.

<sup>35</sup> Hamas merupakan organisasi yang mempunyai hubung kait dengan ikhwan al-muslimin. Kepimpinan Hamas menyatakan bahawa mereka merupakan organisasi yang menyambung perjuangan Syeikh Izzudin al-Qassam pada tahun 1936 di dalam *Great Revolt*. Lahir pada tahun 1987 secara rasminya apabila berlaku intifadah pertama. Hamas dipimpin oleh Syeikh Ahmad Yassin dengan hasil rundingan bersama Aziz al-Rantisi, Salah Syahadah, Muhammad Sham'ah, Isa al-Nashar, Abdul Fatah Dukhan dan Ibrahim al-Yazuri. Lihat Maszlee Malik, *HAMAS: Pejuang Kota Suci Baitulmuqaddis*, (Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd., 2009), 10.

<sup>36</sup> Jihad Islami lahir pada penghujung tahun 1970. Perjuangan kumpulan ini tidak jauh berbeza daripada Hamas dan juga ikhwan al-muslimun di Mesir. Diasaskan oleh dua orang tokoh Fathi Shaqaqi and Sheikh Abd al-Aziz Awda yang beranggapan ikhwan al-muslimun mengambil ringan isu Palestin. Serangan-serangan yang berlaku ke atas Israel kebanyakannya di atas tanggungjawab Jihad Islami pada peringkat awalnya.  
[http://www.start.umd.edu/start/data\\_collections/tops/terrorist\\_organization\\_profile.asp?id=82](http://www.start.umd.edu/start/data_collections/tops/terrorist_organization_profile.asp?id=82).

<sup>37</sup> Wendy Kristianasen, Challenge and Counterchallenge: Hamas's Response to Oslo, dlm. *Journal of Palestine Studies*, vol. 28, no. 3, (1999), 29.

sebagai sebuah negara yang layak untuk berbincang dan berdiskusi dengan mereka. Namun wujud juga beberapa pendapat bahawa Hamas mampu membawa keamanan kepada Palestin apabila dipilih di dalam pilihanraya Palestin pada tahun 2006.

#### 4.4.4 Negara-negara Arab

Negara-negara Arab yang berada disekeliling Palestin secara tidak langsung pastinya akan menerima kesan hasil daripada proses damai dan juga konflik yang berlaku di Palestin. Selepas tercetusnya *Intifadah Al-Aqsa* pada tahun 2000, Liga Arab telah mengadakan persidangan di Beirut bagi membincangkan mengenai konflik yang berlaku di Palestin.<sup>38</sup> Liga Arab juga menunjukkan sokongan kepada usaha mencapai kedamaian antara Palestin dan Israel serta turut menyediakan pelan perdamaian diperingkat mereka untuk diguna pakai bagi mencapai jalan perdamaian. Pelan perdamaian yang disediakan oleh Liga Arab ini lebih dikenali sebagai *Arab Peace Initiative*.<sup>39</sup>

Menyentuh mengenai proses damai yang berlaku sebelum tercetusnya *Intifadah Al-Aqsa* iaitu Perjanjian Oslo pula, Liga Arab mengkritiknya kerana isu utama iaitu mengenai penempatan Israel di wilayah Palestin tidak diselesaikan dengan seberapa segera. Penangguhan mengeluarkan penempatan Israel kepada 5 tahun lagi menjadikan rakyat Palestin berang.<sup>40</sup> Sebenarnya isu penempatan Israel merupakan isu yang sangat besar di kalangan rakyat Palestin. Ini kerana hampir keseluruhan tanah asal Palestin telah diambil oleh Israel sejak dari tahun 1948, akan tetapi Israel tetap melakukan polisi perumahan di wilayah Palestin. Maka oleh sebab

---

<sup>38</sup> Jonathan Austin (et. al), *Hamas and the Peace Process Resistance, Rejectionism, Reconciliation?*, Scotland: Centre for Peace and Conflict Studies (CPCS), University of St Andrews, 22.

<sup>39</sup> *Ibid.*

<sup>40</sup> Anthony N. Chelso, The Death of the Oslo Accords: Israeli Security Options in the Post-Arafat Era, dlm. *Mediterranean Quarterly*, vol. 14, no. 1, (2003), 70.

itulah usaha untuk mencapai perdamaian sukar untuk direalisasikan di Palestin jika penempatan Israel masih wujud di wilayah Palestin.

Amerika Syarikat melalui presidennya sering mengemukakan proposal bagi mendapat persetujuan kedua-dua pihak Palestin dan Israel supaya kata sepakat dapat dicapai. Perkara ini boleh dilihat antaranya Presiden Clinton yang mengemukakan proposal kepada Arafat untuk diterima akan tetapi Arafat hanya mendiamkan diri mengenai perkara tersebut dengan tidak menerima dan menolaknya. Liga-liga Arab melalui kepimpinan negara masing-masing bersetuju dan menerima baik dengan cadangan yang diberikan oleh Clinton kepada Arafat dalam memastikan kedamaian dapat dicapai di Palestin.<sup>41</sup> Sebenarnya pemimpin negara Arab walaupun bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh Clinton, namun mereka tidak mahu menekan Arafat supaya menerima cadangan tersebut dan hanya menyokong Arafat dari belakang. Ini kerana mereka tidak mahu dilihat sebagai negara yang memberi tekanan kepada Arafat agar bersetuju dengan apa-apa perkara yang melibatkan hak rakyat Palestin.

Negara-negara Arab yang lain sepatutnya menunjukkan solidariti mereka mengenai isu di Palestin dan bersatu dalam memperjuangkan hak rakyat Palestin. Mereka perlu terlibat secara langsung mengenai konflik di Palestin dan bukan hanya menjadi pemerhati sahaja. Kesatuan dan kerjasama yang pernah berlaku ketika mana di awal-awal penubuhan negara Israel 1948 perlu digerakkan kembali agar usaha menyelesaikan konflik di Palestin dapat diselesaikan dengan seberapa segera yang mungkin.

---

<sup>41</sup> Dennis B Ross, Yassir Arafat, dlm. *Foreign Policy*, no. 131, (2002), 20.

#### **4.5 Polisi-polisi di Palestin Selepas Intifadah (2000)**

*Intifadah Al-Aqsa* menyaksikan bagaimana ianya turut memberi kesan yang mendalam terhadap polisi-polisi di Palestin. Isu-isu mengenai penempatan, status Jerusalem, sempadan dan juga hak untuk kembali menjadi topik utama dan menjadi fokus utama kepada matlamat dan tujuan rakyat Palestin memberontak dan menentang Israel. Isu-isu ini menjadi topik utama perbincangan kerana ianya merupakan subjek penting dan telah menjadi konflik sejak sekian lama. Oleh itu, penekanan serta usaha yang mapan serta jitu perlu dilakukan bagi menyelesaikan dan menghasilkan polisi yang baru untuk memenuhi harapan serta matlamat rakyat Palestin khususnya.

##### **4.5.1 Polisi Perumahan/Penempatan Yahudi**

Berdasarkan kepada Perjanjian Oslo yang dimeterai pada tahun 1993, kedua-dua belah pihak iaitu PLO dan juga Israel telah bersetuju untuk mengeluarkan penempatan Yahudi yang berada di dalam wilayah Palestin. Orang-orang Yahudi yang tinggal dan menetap di dalam kawasan wilayah Palestin perlu berpindah dan kembali ke Israel sebagai tanda melaksanakan apa yang telah dipersetujui sejak daripada Perjanjian Oslo lagi dan turut dibincangkan di dalam perjanjian lain yang berlaku selepasnya.

Di dalam Perjanjian *Camp David II* pada tahun 2000, telah menyatakan bahawa Israel akan mengeluarkan sepenuhnya penempatan mereka di dalam wilayah Palestin. Polisi ini dilakukan bagi merealisasikan usaha ke arah kewujudan dua negara yang berdaulat. Penambahan dan peningkatan penempatan Yahudi

sebelumnya di wilayah Palestin dilihat sebagai suatu bentuk strategi menjajah yang baru di Palestin. Wilayah diserahkan kepada PA namun penempatan Yahudi masih banyak didirikan dan menjadikan PA agak bermasalah dalam urusan pentadbiran mereka di wilayah yang diberikan ke atas mereka.

Jika diteliti secara logik, semakin ramai dan menjadi majoriti sesuatu kumpulan itu, maka sudah pasti sesuatu kawasan itu secara amnya menjadi kawasan kumpulan mereka. Konsep ataupun logik inilah yang memperlihatkan penempatan Yahudi di dalam wilayah Palestin tidak pernah berkurang. Israel secara terbuka bersetuju dan akur untuk memindahkan dan mengeluarkan penduduk Yahudi yang menduduki wilayah Palestin namun apa yang terjadi adalah sebaliknya. Usaha memindahkan penduduk Yahudi ke dalam Israel hanyalah pada kata-kata sahaja tanpa ada tindakan yang sewajarnya bagi merealisasikan kata-kata tersebut.

#### **4.5.2 Pembahagian Sempadan**

Isu pembahagian sempadan antara Palestin dan Israel masih menjadi perbalahan sehingga ke hari ini. Walaupun Resolusi 242 PBB 1967<sup>42</sup> telah menyebutkan mengenai persempadanan kawasan namun begitu dilihat kedua-dua pihak masih tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut. Palestin dan Israel mempunyai penafsiran yang tersendiri mengenai resolusi PBB ini. Penulis meneliti bahawa antara dua wilayah yang diberikan kepada Palestin iaitu Gaza dan Tebing Barat, wilayah Tebing Barat lebih menjadi konflik dari sudut pembahagian sempadannya. Ini kerana di dalam wilayah tersebut terdapat satu kawasan yang menjadi rebutan atas dasar agama iaitu Baitulmaqdis.

---

<sup>42</sup> Resolution 242 (1967) of 22 November 1967.

PA sebagai sebuah badan yang diberi autoriti untuk mentadbir wilayah Palestin telah diberikan kuasa ke atas Semenanjung Gaza dan Tebing Barat. Semenanjung Gaza diberikan secara sepenuhnya kawasan tersebut, manakala Tebing Barat pula menunjukkan Israel bersetuju memberikan 97% kawasan Tebing Barat kepada Palestin.<sup>43</sup> Kawasan yang masih menjadi konflik persempadanan negara adalah kota Baitulmaqdis yang menjadi rebutan Israel dan Palestin. Kota Baitulmaqdis juga sering dicadangkan oleh pihak antarabangsa agar ianya dianggap sebagai ibu negara bagi dua negara.

Persempadanan yang dicadangkan di dalam Resolusi 242 PBB adalah hasil daripada penyelesaian konflik Palestin ke arah penubuhan dua negara. Resolusi ini terhasil selepas berlakunya peperangan Enam Hari 1967 dan menjadi sejarah besar buat Palestin kerana geografinya banyak berubah. Jordan, Syria dan Mesir yang terlibat di dalam peperangan tersebut telah tewas. Kawasan dibawah penjagaan ketiga-tiga negara Arab tersebut telah dirampas oleh Israel di dalam peperangan tersebut.

Di dalam Perjanjian Oslo, persempadanan kawasan asasnya diambil daripada Resolusi 242 PBB. Namun secara lebih terperinci, kawasan-kawasan khusus di Tebing Barat tidak diserahkan sepenuhnya kepada Palestin. Bukan sahaja penempatan Yahudi masih dikekalkan, malah terdapat beberapa kampung dan bandar dikuasai dan dimiliki oleh Israel.<sup>44</sup> Hal ini menjadikan Palestin diberi hak ke atas Tebing Barat namun dalam masa yang sama masih dikekang beberapa keadaan khususnya mengenai ketenteraan dan keselamatan.

---

<sup>43</sup> Aaron Klein, *'Secret' plan would give Palestinians West Bank*, Ogos 2007, akses pada 10 Januari 2013, <http://www.wnd.com/2007/08/43036/>.

<sup>44</sup> Siti Zaleha Hamzah, *Proses Damai Arab-Israel dalam Menangani Konflik di Palestin: Kajian Terhadap Perjanjian Oslo (1993-1995)*, 136.

### 4.5.3 Hak Masyarakat Arab Kembali Ke Palestin

Isu mengenai hak rakyat Palestin untuk kembali ke tanah air mereka telah berlanjutan sejak sekian lamanya. Apabila negara Israel wujud pada tahun 1948 dengan rasminya, maka wujudlah pelarian Palestin yang menetap di negara jiran mereka seperti Jordan, Mesir, Iraq, Syria dan sebagainya. Kedua-dua belah pihak mempunyai pandangan tersendiri mengenai punca wujudnya pelarian dan akhirnya membawa kepada masalah untuk kembali ke tanah air apabila dipersetujui untuk Palestin mentadbir dua wilayah Gaza dan Tebing Barat.

Dari sudut pandangan rakyat Palestin, Israel merupakan punca kepada wujudnya pelarian Palestin. Masalah hak untuk kembali juga dinafikan oleh Israel walaupun Resolusi 194 PBB telah menetapkan bahawa rakyat Palestin yang berasal daripada kawasan yang kini menjadi Israel berhak untuk kembali.<sup>45</sup> Akan tetapi Israel tidak menerima keputusan resolusi tersebut.<sup>46</sup> Berbeza pula dengan Israel yang berpendapat bahawa masyarakat Arab merupakan punca kepada timbulnya masalah pelarian ini sehingga membawa kepada isu hak untuk kembali ini muncul. Israel menyatakan bahawa Arab yang tidak menerima kewujudan negara Yahudi ataupun Israel yang diiktiraf PBB pada tahun 1947 dan melakukan peperangan terhadap Israel pada tahun 1948.<sup>47</sup>

Namun apa yang dinyatakan di sini adalah, semua pihak harus bersetuju terutamanya Israel dengan Resolusi 194 PBB bahawa rakyat Palestin yang berasal dari wilayah yang diiktiraf sebagai kawasan Israel berhak untuk kembali ke tempat asal mereka walaupun telah menjadi wilayah Israel. Hal ini kerana, jika kesemua

---

<sup>45</sup> 194 (III). Palestine -- Progress Report of the United Nations Mediator, akses pada 10 Januari 2013, <http://unispal.un.org/UNISPAL.NSF/0/C758572B78D1CD0085256BCF0077E51A>.

<sup>46</sup> Joseph Alpher dan Khalil Shikaki, *The Palestinian Refugee Problem and The Right of Return*, (Cambridge: Weatherhead Center for International Affairs, Harvard University, 1998), 7.

<sup>47</sup> *Ibid*, 8.



pelarian Palestin kembali ke Palestin dan hanya dibenarkan untuk kembali di dua wilayah sahaja iaitu Gaza dan Tebing Barat, maka kepadatan penduduk di 2 wilayah ini akan menjadi sangat tinggi kerana ramai juga di kalangan mereka yang berasal daripada wilayah yang kini telah menjadi sebahagian daripada Israel.

#### **4.6 Sedekad Selepas Cetusan Intifadah (2000): Perkembangan Terkini Palestin**

Isu Palestin merupakan isu yang berlarutan sejak sekian lama. Kini setelah lebih sedekad berlakunya peristiwa besar di dalam kebangkitan rakyat Palestin dalam *Intifadah Al-Aqsa*, status dan perkembangan Palestin masih lagi rancak dan hangat diperbincangkan di peringkat antarabangsa. Mutakhir ini penulis merasakan wujudnya sedikit sinar kebahagiaan dan kegembiraan bagi rakyat Palestin apabila Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mengiktiraf Palestin sebagai sebuah negara pemerhati bukan anggota di peringkat PBB.<sup>48</sup> Pengiktirafan ini merupakan sebahagian daripada kejayaan rakyat Palestin diiktiraf sebagai sebuah negara yang berdaulat. Walaupun terdapat negara lain yang tidak bersetuju dengan pengiktirafan ini seperti AS dan juga Rusia, namun majoriti negara lain bersetuju dan menyokong pengiktirafan ini.

Sebelumnya Palestin turut mendapat sinar kebahagiaan apabila diterima sebagai anggota penuh di *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO).<sup>49</sup> Pertubuhan ini yang dinaungi oleh PBB menjadikan Palestin berharap agar suatu masa Palestin akan masuk sebagai anggota penuh PBB.

---

<sup>48</sup> [http://www.utusan.com.my/utusan/Luar\\_Negara/20121130/lu\\_11/Palestin-diiktiraf-negara-pemerhati-bukan-anggota-PBB](http://www.utusan.com.my/utusan/Luar_Negara/20121130/lu_11/Palestin-diiktiraf-negara-pemerhati-bukan-anggota-PBB), Utusan Malaysia, arkib 30 N0v. 2012.

<sup>49</sup> Unesco iktiraf Palestin, akses pada 15 Februari 2013, <http://www.sinarharian.com.my/global/unesco-iktiraf-Palestin-1.3645>,.

Penerimaan Palestin di dalam pertubuhan antarabangsa ini telah mengukuhkan lagi kedudukan Palestin di mata dunia dan diharapkan agar suatu masa nanti negara Palestin akan kembali wujud di dalam peta dunia.

Keuntungan Palestin berada di dalam UNESCO sebagai negara anggota adalah supaya pihak UNESCO dapat mengiktiraf beberapa monumen dan kawasan yang mempunyai rekabina mahupun suasana yang ada nilai sejarah yang tinggi khususnya bagi umat Islam seperti Masjid Al-Aqsa. Apabila tempat-tempat ini diiktiraf sebagai warisan dunia oleh UNESCO, ini bermakna serangan dan usaha menghancurkannya dapat dihalang. Namun senario yang berlaku pada hari ini adalah kota Baitulmaqdis khususnya Masjid Al-Aqsa masih belum diiktiraf oleh UNESCO menjadikannya tidak disekat dari terus diserang walaupun pihak UNESCO dapat melihat Israel secara terang-terangan melakukan usaha bagi memusnahkan Masjid Al-Aqsa.

Sebenarnya majoriti negara di dunia ini yang menyokong akan kewujudan Palestin sebagai sebuah negara yang berdaulat adalah merupakan petanda positif bahawa mereka menyokong Palestin. Namun kuasa *veto* yang dipegang secara umumnya oleh Amerika Syarikat di dalam PBB menjadi penghalang kepada usaha menjadikan Palestin sebagai sebuah negara yang berdaulat seterusnya menjadi ahli di dalam PBB. Namun penulis melihat bahawa halangan dan kekangan yang dilakukan khususnya oleh AS dilihat sukar untuk terus menghalang kedudukan Palestin selamanya kerana begitu banyak pihak yang menyokong kewujudan Palestin ditambah dengan situasi yang menunjukkan Palestin menjadi mangsa kepada keganasan Israel saban hari.

#### **4.6.1 Pendirian Amerika Syarikat Terhadap Konflik Palestin**

Amerika Syarikat (AS) yang merupakan kuasa besar dunia pada hari ini dilihat mengambil tahu mengenai isu dan konflik yang berlaku di Palestin. Campurtangan dan usaha untuk mencapai perdamaian dan keamanan di Palestin oleh AS telah bermula sejak sekian lama lagi dan dapat dilihat Presiden Jimmy Carter merupakan Presiden AS yang sangat mengambil berat akan perihal Palestin serta mengiktiraf rakyat Palestin sebagai mempunyai hak kemanusiaan dan politik.<sup>50</sup> Presiden AS yang lain selepasnya juga dilihat mengambil tahu mengenai isu Palestin malah Bill Clinton telah mengambil begitu banyak masanya dan tenaganya sebagai Presiden bagi menyelesaikan konflik di Palestin. Penulis beranggapan hal ini kerana masyarakat dunia secara umumnya mahu melihat apakah reaksi dan pelan tindakan Presiden AS dalam memastikan slogan mereka yang mahu memerangi keganasan yang berlaku. Selain itu juga, Amerika Syarikat yang merupakan kuasa besar dunia hari ini perlu mengambil berat dan campurtangan didalam konflik yang berlaku di mana-mana negara sebagai orang tengah atau pihak yang cuba mendamaikan antara dua pihak yang bertelagah.

Walaupun Presiden AS dilihat mengambil perhatian di dalam isu Timur Tengah ini, namun boleh dilihat pendekatan yang diambil sangat berbeza. Sebagai contoh, boleh dilihat bagaimana usaha Presiden Clinton turun bertemu pimpinan PLO dan juga Israel. Beliau berusaha agar Israel dan Palestin bersedia menandatangani perjanjian damai yang dirangka. Berbeza dengan pendekatan Presiden Bush selepasnya, beliau secara terang menolak Arafat dengan mengatakan

---

<sup>50</sup> Walid Khalidi, *The Prospects of Peace in The Middle East*, dlm. *Journal of Palestine Studies*, vol. 32, no. 2, (2003), 51.

Arafat sebagai menyokong keganasan dan menyeru rakyat Palestin memilih kepimpinan baru.

Pada 24 Jun 2002 menunjukkan Presiden Bush telah memberi ucapan mengenai *Road Map* yang dirangka bagi menyelesaikan konflik yang berlaku di Palestin. Isu-isu utama yang menjadi perbalahan sejak sekian lama ditimbulkan dan menjadi topik utama untuk diselesaikan.<sup>51</sup> Terutamanya adalah mengenai penubuhan negara Palestin secara sah tanpa melalui jalan keganasan. Perkara ini menunjukkan bahawa AS juga mengambil tahu dan cakna terhadap isu Palestin walaupun mungkin di sana adanya helah politik kerana umum mengetahui bahawa Amerika Syarikat merupakan sekutu kuat bagi Israel. Melalui ucapan Presiden Bush, penulis dapati AS juga berpendapat bahawa penyelesaian kepada tertubuhnya dua negara iaitu Palestin dan Israel merupakan jalan yang paling diterima oleh masyarakat antarabangsa kini.

Presiden Obama yang dilihat sebagai seorang yang mampu dan mahu berusaha mencapai jalan perdamaian di Timur Tengah khususnya di Palestin. Ketika mana kali pertama beliau memenangi pilihanraya presiden, pada tahun 2009 beliau telah melakukan lawatan rasmi ke Kaherah bagi membincangkan mengenai konflik Timur Tengah. Tindakan beliau dianggap sebagai suatu bentuk usaha ingin menyelesaikan konflik yang berlaku. Tindakan pertama Obama sama ada retorik ataupun tidak, tembual pertama beliau adalah bersama saluran *Al-Arabiyya* dibawah kelolaan negara Arab. Bahkan ketika mana ucapannya di Kaherah, beliau turut memetik ayat al-Quran.<sup>52</sup> Pendekatan yang diambil oleh beliau ini kerana bagi

---

<sup>51</sup> Ami Isserof, George Bush Jr: Palestinian Reform and Palestinian State, 24 Jun 2002, <http://www.mideastweb.org/bushspeech1.htm>.

<sup>52</sup> Gregorio Bettiza dan Christopher Phillips, Obama nation?: US Foreign Policy One Year On: Obama's Middle East Policy: Time To Decide, dlm. *IDEAS Reports - Special Reports*, ed. Nicholas Kitchen, (London: LSE IDEAS, London School of Economics and Political Science, 2010), 11.

membersihkan nama Amerika di kalangan masyarakat Arab setelah apa yang berlaku pada zaman Presiden Bush.

#### **4.6.2 Penempatan Yahudi di Wilayah Palestin Masih Diteruskan Oleh Israel**

Isu utama yang menjadi perbalahan dan masih diteruskan di dalam wilayah Palestin adalah penempatan Yahudi di wilayah tersebut. Jika diteliti, semua perjanjian dan perbincangan yang dilakukan bagi mencapai perdamaian antara Palestin dan Israel adalah membincangkan mengenai penempatan Yahudi di dalam wilayah Palestin. Apabila penyelesaian mewujudkan dua negara dipersetujui, penempatan Yahudi di dalam wilayah Palestin perlu dibersihkan dan seluruh warga Yahudi tersebut perlu pulang ke Israel yang menjadi negara mereka. Namun sehingga ke hari ini, penempatan dan perumahan Yahudi masih lagi wujud di dalam wilayah Palestin terutamanya di Tebing Barat.

Isu penempatan Yahudi di dalam wilayah Palestin masih lagi diteruskan. Israel tidak mengeluarkan rakyat mereka dari wilayah tersebut malah di beberapa tempat dapat dilihat berlaku perkembangan dan penambahan penempatan Yahudi. Penempatan ini merupakan suatu perkara yang boleh dianggap sebagai halangan terbesar bagi proses damai yang dilakukan. Jika diteliti, proses damai yang dilakukan adalah untuk Palestin mencapai kemerdekaan untuk mentadbir dan memerintah negara sendiri, namun penempatan Yahudi masih lagi diteruskan di dalam wilayah Palestin dan ini menyukarkan urusan pentadbiran sendiri dan secara tidak langsung telah memberi kesan juga kepada proses damai yang dilakukan sejak puluhan tahun lagi. Perkara ini juga disebut oleh Mohamad Elias yang merupakan orang yang

bertanggungjawab di dalam PLO mengenai penyelidikan isu penempatan Yahudi di Tebing Barat dan Gaza.<sup>53</sup>

Jika diteliti, populasi penempatan Yahudi di wilayah Palestin saban tahun semakin meningkat jumlah bilangannya dan perkara ini sudah pasti merencatkan lagi usaha untuk menubuhkan negara Palestin. Boleh dilihat laporan menunjukkan jumlah orang Yahudi yang menduduki wilayah Palestin pada tahun 2000 seramai 192 976 orang telah meningkat kepada 328 423 orang pada tahun 2011.<sup>54</sup> Peningkatan ini menunjukkan secara kasar sebanyak 70% peningkatan jumlah orang Yahudi yang menduduki kawasan wilayah Palestin dalam tempoh 11 tahun.

#### **4.6.3 Pendirian Hamas Terhadap Kewujudan Dua Negara**

Timbalan Menteri Luar Hamas iaitu Ghazi Ahmad menyatakan di dalam temubualnya bersama Robert Siegel dalam rancangan temubual kelolaan *National Public Radio* (NPR) mengatakan bahawa Hamas menerima konsep penubuhan dua negara mengikut sempadan yang ditetapkan pada tahun 1967.<sup>55</sup> Penulis melihat bahawa penerimaan yang dinyatakan oleh Hamas ini adalah apabila syarat-syarat serta keseluruhan sempadan yang telah ditetapkan pada 1967 dituruti. Terutamanya oleh Israel di mana tiada satu pun penempatan Israel yang akan wujud di sempadan Palestin serta Israel menghormati hak untuk pelarian rakyat Palestin pulang ke tanah air mereka dan Jerusalem menjadi ibukota bagi Palestin.

---

<sup>53</sup> PA: Israel forging documents for settlement construction, akses pada 10 Jun 2013, <http://www.maannews.net/eng/ViewDetails.aspx?ID=603213>.

<sup>54</sup> List of Localities: Their Population and Codes, (Jerusalem: Central Bureau of Statistics, 1999-2004), akses pada 10 Jun 2013, <http://www.cbs.gov.il/population/localities/localbycode2004.xls>, Settlements in the West Bank, [http://www.fmep.org/settlement\\_info/settlement-info-and-tables/stats-data/settlements-in-the-west-bank-1](http://www.fmep.org/settlement_info/settlement-info-and-tables/stats-data/settlements-in-the-west-bank-1).

<sup>55</sup> Eyder Perelta, "Hamas Foreign Minister: We Accept Two-State Solution With '67 Borders, National Public Radio (NPR), 17 Mei 2011, akses pada 3 September 2012, <http://www.npr.org/blogs/thetwo-way/2011/05/24/136403918/hamas-foreign-minister-we-accept-two-state-solution-with-67-borders>.

Kenyataan yang dilakukan oleh Menteri Luar Hamas itu perlu dilihat dari sudut dia sebagai Menteri Luar PA dan secara peribadi ataupun pendirian Hamas yang terkini. Hal ini kerana penulis telah sebutkan sebelum ini bagaimana pendirian Hamas berhubung dengan kewujudan negara Israel. Kemungkinan ini hanyalah pandangan peribadi untuk melihat konflik di Palestin berakhir. Ini kerana Khaled Meshal yang merupakan pemimpin Hamas cawangan Syria juga pernah menyatakan kesediaan beliau untuk menerima konsep dua negara sebagai jalan penyelesaian konflik di Palestin.<sup>56</sup>

Pandangan Gazi Ahmad adalah lebih dekat dan hampir dengan pendirian Hamas kini. Perkara ini jelas kerana sehingga ke hari ini Hamas tidak pernah mengeluarkan kenyataan rasmi bahawa mereka menerima konsep penubuhan dua negara walaupun mereka menerima apa yang dicadangkan di dalam *Arab Peace Initiative*.<sup>57</sup> Walaupun Meshal menerima penubuhan dua negara ini, namun menurut beliau ini hanyalah langkah awal untuk membebaskan Palestin secara keseluruhannya.<sup>58</sup>

Hamas yang juga menguasai keseluruhan Jalur Gaza telah menyatakan bahawa Hamas akan berusaha sebaik mungkin dan sentiasa bersetuju melakukan

---

<sup>56</sup> Zvi Bar'el, Report: Meshal says Hamas accepts a two-state solution, Haaretz, Januari 2013, <http://www.haaretz.com/news/diplomacy-defense/report-meshal-says-hamas-accepts-a-two-state-solution.premium-1.500390>.

<sup>57</sup> *Arab Peace Initiative* merupakan idea mengumpulkan seluruh negara Arab untuk membincangkan kerjasama mereka dengan Israel. Perancangan ini diketuai oleh Arab Saudi dibawah kelolaan Putera Abdullah. Tuntutan negara Arab ini adalah supaya Israel mengeluarkan tentera dan penempatan mereka daripada wilayah Palestin sepertimana yang telah ditetapkan mengikut sempadan 1967, urusan pelarian Palestin diselesaikan mengikut Resolusi 194 PBB iaitu mereka berhak kembali ke tanah air mereka walaupun di bawah sempadan Israel, dan Palestin diiktiraf sebagai sebuah negara berdaulat di Gaza dan Tebing Barat. Sebagai balasan permintaan ini, konflik Arab-Israel dianggap selesai dan menuju kepada perdamaian serta membina hubungan baik Arab dengan Israel sebagaimana perdamaian yang diinginkan. Israel pada peringkat awal menolak cadangan ini khusus kerana mengikut Resolusi 194 PBB rakyat Palestin boleh pulang ke kampung halaman mereka walaupun berada di dalam kawasan Israel. Secara asasnya Israel menerima untuk Arab dan Israel menjalin hubungan biasa tanpa konflik, namun menolak cadangan mengikut sempadan 1967, permintaan Timur Jerusalem sebagai ibu negara Palestin dan juga pelarian Palestin yang dibenarkan pulang. Lihat Gawdat Bahgat, *The Arab Peace Initiative*, dlm. *Middle East Policy Council*, <http://mepc.org/journal/middle-east-policy-archives/arab-peace-initiative-assessment>.

<sup>58</sup> Zvi Bar'el, Report: Meshal says Hamas accepts a two-state solution.

gencatan senjata bagi mencapai perdamaian dengan Israel. Apa yang menjadi prioritas bagi Hamas adalah keamanan yang dapat dikecapi di Palestin. Kerana itulah penulis berpendapat bahawa Hamas kini dilihat lebih lembut berbicara dengan Israel berbanding zaman-zaman awal penubuhan dan kelahirannya pada hujung 1980-an ketika mana tercetusnya intifadah pertama 1987.

Kewujudan dua negara juga bermaksud penubuhan negara Israel dan Palestin. Menurut seorang jurnalis Amerika Syarikat Joseph Farah, di dalam penulisannya menyatakan bahawa kewujudan negara Palestin hanyalah melahirkan sebuah lagi negara Arab yang dipimpin oleh diktator.<sup>59</sup> Penulis tidak menolak bahawa kemungkinan pendapat seperti ini terhasil adalah kerana pemerhatiannya kepada negara Arab yang lainnya. Namun begitu, penulis melihat isu yang lebih utama adalah penubuhan negara Palestin itu sendiri di mana ianya telah diperjuangkan sejak sekian lama. Pernyataan mengatakan penubuhan Palestin hanyalah menambahkan lagi “negara hamba” hanyalah jangkakan akal semata-mata dan ianya tidak semestinya betul dan tidak semestinya salah. Malahan peringkat antarabangsa juga mengesahkan kewujudan Palestin apabila ada klausa di dalam Resolusi 242 PBB tentang sempada wilayah bagi dua negara Palestin dan Israel. Ini secara tidak langsung menunjukkan sokongan PBB ke atas kewujudan Palestin sebagai sebuah negara.

#### **4.6.4 Cabaran Gabungan Hamas – Fatah**

Tahun 2011 menyaksikan suatu keputusan yang besar di antara dua parti ataupun kumpulan terbesar umat Islam di Palestin. Hamas dan Fatah telah bersetuju

---

<sup>59</sup> Joseph Farah, Why I Opposed Palestinians State, <http://www.science.co.il/Arab-Israeli-conflict/Articles/Farah-2002-04-18.php>, 2002.



untuk duduk bersama dan bekerjasama dalam memastikan kestabilan dan keamanan Palestin dapat dikecapi. Keputusan dua kumpulan ini mendapat reaksi dari pelbagai pihak terutamanya Israel sendiri yang sudah pastinya tidak bersetuju dengan perkembangan terbaru ini. Dr Mohd Roslan Mohd Nor (ketika itu merupakan ketua jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya) menyatakan bahawa gabungan Hamas dan Fatah untuk membentuk kerajaan perpaduan yang baru telah membuka dimensi baru di dalam isu yang berlaku di Palestin.<sup>60</sup> Hal ini kerana kedua-dua kumpulan ini diketahui umum mempunyai dasar dan pegangan ideologi yang cukup berbeza tapi bersedia dan mahu mengadakan rundingan untuk bergabung. Perkara ini sudah pasti memberikan tekanan yang besar terhadap Israel yang sebelum ini hanya berurusan dengan Fatah, manakala Hamas pula sememangnya sejak awal tidak pernah mengiktiraf Israel kerana Israel diwujudkan di atas tanah penduduk Arab Palestin.

Menurut George Glacaman di dalam komentarnya di *The Daily Star*<sup>61</sup> beliau menyatakan bahawa keperluan gabungan Fatah dan Hamas adalah sangat penting. Ini kerana slogan hak untuk pulang kepada seluruh pelarian Palestin perlu untuk direalisasikan dan salah satu caranya adalah dengan gabungan pentadbiran wilayah Gaza dan Tebing Barat. Walaupun secara geografinya dua kawasan ini terletak berasingan namun jika digabungkan secara politiknya ianya akan menjadi satu kuasa yang kuat. Harapan melihat penggabungan antara Fatah dan Hamas juga dapat dilihat pada satu undian yang dibuat dimana 85% rakyat Palestin lebih inginkan perdamaian

---

<sup>60</sup> Mohd Roslan Mohd Nor, "Fatah, Hamas Bergabung Buka Dimensi Baru," Utusan Malaysia, Mei 6, (2011), 13.

<sup>61</sup> George Glacaman, "Fatah and Hamas wil Eventually Reconcile" *The Daily Star*, September 2007, akses pada 14 Disember 2012, <http://www.dailystar.com.lb/Opinion/Commentary/Sep/24/Fatah-and-Hamas-will-eventually-reconcile.ashx#axzz2Kr57EV12>.

antara Fatah dan Hamas berbanding rundingan damai dengan Israel.<sup>62</sup> Penulis melihat bahawa usaha penggabungan antara Hamas dan Fatah ini menjadi harapan besar buat rakyat Palestin dan masyarakat muslim secara umumnya supaya masalah konflik politik dalaman dapat diselesaikan dengan segera bagi menangani isu konflik yang lebih besar iaitu dengan Israel.

Ada pihak yang menyatakan bahawa jalan penyelesaian ke arah perdamaian di Palestin adalah dengan jalan penubuhan dua negara. Dua negara tersebut adalah Palestin dan Israel dan bukannya menjadikannya tiga negara kerana Palestin dipimpin oleh Hamas di Gaza dan Fatah di Tebing Barat.<sup>63</sup> Oleh kerana itu Hamas dan Fatah perlu bergabung dan menjadi kerajaan perpaduan di dalam usaha mentadbir dan membangunkan Palestin di kedua-dua wilayah. Penulis melihat inilah yang dilakukan oleh Hamas dan Fatah di dalam kerajaan perpaduan apabila wakil Fatah iaitu Mahmoud Abbas menjadi Presiden Palestin manakala wakil Hamas iaitu Ismail Haniyeh menjadi Perdana Menteri Palestin. Penggabungan kedua-dua parti terbesar di Palestin merupakan langkah bijak bagi mengorak langkah yang lebih baik bagi Palestin.

Perbincangan mengenai proses damai di Palestin telah berlaku dengan banyak sekali sehingga ada pihak yang menyatakan telah berlaku perjanjian dan perbincangan melebihi 250 kali tetapi semuanya mencapai kegagalan.<sup>64</sup> Penulis merasakan bahawa hal ini berpunca daripada pihak yang tidak jujur dan telus di dalam memastikan proses damai itu berjalan dengan lancar malah ada pihak yang sering melanggar perjanjian yang berlaku dan akhirnya media dimainkan untuk

---

<sup>62</sup> FAFO, Political chaos takes its toll: A new poll says Palestinians are losing faith in their political leaders and want reconciliation between Hamas and Fatah, 18 Julai 2007, [http://www.fafno.no/ais/middeast/opt/opinionpolls/Palestinian\\_opinions\\_2007/180707Palestinapresseeng.htm](http://www.fafno.no/ais/middeast/opt/opinionpolls/Palestinian_opinions_2007/180707Palestinapresseeng.htm).

<sup>63</sup> Paul Wood, *Still Talking: Annapolis One Years On*, akses pada 25 April 2013, <http://www.globalpolicy.org/component/content/article/189/38345.html>, 2008.

<sup>64</sup> *Ibid.*

menyalahkan pihak yang lain bagi merasionalkan tindakan mereka mengingkari perjanjian yang telah dibuat.

Penulis berpendapat bahawa Hamas bersetuju untuk merealisasikan kerajaan perpaduan ini adalah kerana keadaan semasa yang menunjukkan Fatah dapat mencapai beberapa keadaan positif bagi Palestin seperti diiktiraf sebagai ahli UNESCO dan juga yang terkini menjadi negara pemerhati bukan ahli di PBB. Malahan ada yang mengatakan cara yang diambil oleh Fatah lebih berkesan berbanding pendekatan yang dilakukan oleh Hamas.<sup>65</sup>

#### **4.6.5 Cabaran Konflik Arab-Israel**

Setelah lebih kurang 65 tahun konflik Arab-Israel berlaku sejak daripada peristiwa *nakbah*, keadaan Palestin masih lagi dalam suasana konflik bahkan kadang-kadang mencapai tahap yang lebih teruk. Tahap yang baik juga seperti hampir berlaku khususnya ketika mana berlakunya Perjanjian Oslo 1993, ini kerana perjanjian tersebut dilihat mampu untuk memuaskan hati semua pihak. Oleh sebab itu juga, perjanjian dan perbincangan mengenai proses damai di Palestin seringkali tidak tersasar jauh daripada kerangka asal yang disusun di dalam Perjanjian Oslo.

Hari ini dunia dapat menyaksikan bahawa konflik Arab-Israel seakan-akan tenggelam dengan konflik persaudaraan di kalangan negara Arab. Bermula pada tahun 2011 di Mesir dan Tunisia serta Libya apabila rakyat mereka bangkit menentang pemerintah. Kebangkitan ini telah menular di negara Syria di mana sehingga ke hari ini masih lagi belum selesai. Malahan Mesir pula setelah setahun mengangkat Presiden baru yang dipilih rakyat, sekali lagi berada di dalam keadaan

---

<sup>65</sup> Marisa Nukman dan Yusnarida Eka Nizmi, *Faktor yang Mempengaruhi Fatah Bergabung di UNESCO 2011-2012*, <http://103.10.169.96/bitstream/123456789/1578/1/JURNAL%20MARISA%20LUKMAN.pdf>, 4.

tegang antara penyokong dan pembangkang. Hal ini secara tidak langsung telah menenggelamkan isu konflik Arab-Israel.

Israel masih lagi menyerang dan mengebom Palestin khususnya di Gaza sekitar penghujung tahun 2012. Walaupun gencatan senjata telah dilakukan, namun Israel tetap mengebom Gaza dengan alasan Hamas memulakan serangan dan Israel hanya melakukan tindakan balas bagi mempertahankan negara mereka. Perubahan suasana politik Mesir banyak mempengaruhi Gaza dari pelbagai sudut sama ada politik, sosial dan sebagainya.

Proses damai antara Palestin dan Israel telah berlarutan sejak sekian lama. Konflik dan proses damai sering kali bergilir-gilir mengambil tempat dalam lanskap politik di Palestin. Dua modul penyelesaian yang sering diketengahkan adalah penubuhan sebuah negara ataupun penubuhan dua buah negara. Kedua-dua cadangan penyelesaian ini tidak berhasil sehinggalah ke hari ini. Penulis berpendapat masyarakat dunia bersetuju dengan cadangan penubuhan dua negara sebagai jalan penyelesaiannya. Namun apa yang menjadi persoalan adalah bagaimana mekanisme pelaksanaan yang terbaik bagi memastikan konflik ini dapat diakhiri dengan sempurna.

Penulis secara peribadi juga bersetuju dengan cadangan penubuhan dua negara. Konflik yang berlaku di Palestin secara kasarnya merupakan konflik politik dan perebutan tanah. Namun apa yang lebih mendalam adalah ini merupakan konflik agama. Cadangan penubuhan dua negara merupakan suatu bentuk cadangan yang dianggap terbaik buat masa kini. Bermula daripada Perjanjian Oslo sehinggalah kepada *Road Map* seterusnya Persidangan Annapolis menjurus ke arah itu. Walaupun jalan penubuhan dua negara mungkin tidak mampu menyelesaikan konflik secara total, namun sekurang-kurangnya dapat mengurangkan perbalahan yang

berlaku. Syarat utama adalah kedua-dua pihak bersetuju dan menghormati keputusan yang telah dimeterai. Hal ini merupakan kunci utama bagi mencapai jalan perdamaian antara Israel dan Palestin.

Di samping cadangan penyelesaian melalui penubuhan sebuah negara mahupun dua buah negara, terdapat juga cadangan lain yang muncul di kalangan pengkaji. Antaranya adalah cadangan supaya Palestin diberi autonomi ke atas wilayah mereka.<sup>66</sup> Melalui cadangan ini, Palestin diberi kuasa untuk mentadbir dan mengurus wilayah mereka sendiri namun masih tertakluk dibawah kuasa Israel dalam beberapa hal. Cadangan lain adalah persekutuan dwi-bangsa yang memberi erti di dalam sebuah negara terdapat dua bangsa yang mempunyai hak dan tanggungjawab yang sama rata. Halper menyatakan bahawa cadangan ini banyak dipelopori oleh golongan kiri Israel dan baginya cadangan ini adalah agak mustahil untuk dilaksanakan.<sup>67</sup>

Sepertimana yang telah penulis sebutkan sebelum ini, masalah penempatan Yahudi di dalam wilayah Palestin dan juga isu pelarian Palestin merupakan isu yang paling utama yang perlu diselesaikan. Dua isu ini menjadi penghalang utama kepada usaha mencapai perdamaian dan keamanan antara Israel dan Palestin. Setiap kali perbincangan perdamaian dilakukan, perkara ini pasti menjadi fokus utama, namun usaha dan juga pelaksanaan ke arah penyelesaiannya masih lagi menemui jalan buntu.

---

<sup>66</sup> Jeff Halper, Beyond Road Map and Walls, dlm. *The Link*, vol. 37, no. 1, (2005), 3.

<sup>67</sup> *Ibid.*

#### 4.7 Kesimpulan

Proses damai ataupun perjanjian-perjanjian yang dibuat atas konflik Arab-Israel yang telah berlaku sejak sekian lama dilihat tidak berfungsi dan tidak dilaksanakan dengan sebaiknya. Intifadah yang tercetus di Palestin dalam dua peringkat iaitu pada tahun 1987 dan juga 2000 menunjukkan bagaimana respon pihak Israel yang terpaksa melakukan rundingan damai dengan Palestin bagi menjamin keselamatan mereka dari terus berada dalam situasi konflik. Namun pendekatan yang diambil hanyalah untuk memberhentikan konfrontasi dan bukanlah atas tujuan untuk mencapai keamanan dan kedamaian antara dua pihak, maka perjanjian-perjanjian tersebut dilihat gagal dalam usaha mencapai perdamaian Palestin-Israel.

Pelbagai reaksi juga menunjukkan ada pihak yang tidak bersetuju dengan pelan perdamaian yang dilakukan dan wujud juga pihak yang cuba mengeksploitasi perjanjian yang dilakukan dan melanggar perjanjian yang telah dipersetujui oleh pihak yang terlibat. Kebangkitan rakyat Palestin seperti di dalam *Intifadah Al-Aqsa* menunjukkan bahawa jika ada pihak yang melawan dan menentang, maka usaha ke arah perbincangan di meja bulat akan dilakukan, akan tetapi ianya hanyalah seperti untuk memberhentikan konfrontasi yang berlaku, kemudiannya perbincangan hanya tinggal pada kertas tanpa pelaksanaan yang sempurna.

Perjanjian dan juga persidangan sebelum dan selepas tercetusnya intifadah kedua pada tahun 2000 menunjukkan persamaan dan perbezaan. Dari sudut faks perbincangan umpamanya menunjukkan pertambahan isu yang dibincangkan berbanding sebelum tercetusnya intifadah kedua. Malahan, kuasa besar dunia yang lain seperti Rusia dan juga Eropah turut memainkan peranan yang penting selain

Amerika Syarikat yang telah terlibat sejak sekian lama. Walaupun kuasa besar dunia blok Timur tidak terlibat secara rasmi di dalam perundingan yang wujud, namun penglibatan kuasa besar dunia daripada blok Barat menunjukkan bahawa isu Palestin menjadi isu pilihan untuk diselesaikan dengan kadar segera.

Namun begitu, penulis berpendirian bahawa perjanjian perlu juga dilakukan agar secara rasminya Palestin boleh menuntut hak yang telah dijanjikan dan dipersetujui di dalam setiap perjanjian yang dilakukan. Kuasa besar dunia juga menunjukkan minat dan juga perhatian yang besar di dalam konflik di Palestin. Sikap ambil berat dan cakna masyarakat dunia kepada isu di Palestin menunjukkan bahawa semua orang bersetuju dan menyokong usaha mencapai kedamaian di antara Palestin dan juga Israel.

Perjanjian dan juga proses damai yang berlaku menunjukkan pihak Palestin terus menerus menerima cabaran dari pelbagai sudut untuk meneruskan cita-cita dan harapan mereka agar Palestin akan diiktiraf dan berjaya menjadi sebuah negara yang berdaulat. Pengiktirafan Palestin sebagai sebuah negara pemerhati bukan ahli di dalam PBB merupakan langkah awal untuk mencapai tujuan kedaulatan negara Palestin. Bahkan Palestin dimasukkan di dalam senarai ahli UNESCO juga dapat memberi jaminan keselamatan bangunan-bangunan bersejarah yang amat penting bukan khususnya dalam bidang sejarah dapat dipelihara dan dipulihara dari terus menjadi sebahagian daripada kemusnahan akibat daripada peperangan yang berlaku.

# **BAB 5**



## **BAB V**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 Pendahuluan**

Bab ini merupakan bahagian akhir di dalam pengkajian ini dimana bab ini akan mengumpulkan dan merumuskan kesemua yang telah dibincangkan di dalam bab yang sebelumnya. Kesimpulan yang dibuat adalah berdasarkan kronologi secara ringkas sejak penubuhan negara Israel pada tahun 1948 dari sudut peperangan dan konflik yang berlaku. Seterusnya sehinggalah kepada teretusnya intifadah pertama tahun 1987 dan berlaku perbincangan damai yang dikenali sebagai Perjanjian Oslo. Kemudiannya peristiwa tersebut berlanjutan kepada teretusnya intifadah kedua tahun 2000 dan melihat kesannya kepada proses damai di Palestin. Selepas itu, penulis juga menyenaraikan beberapa saranan dan cadangan kepada pihak-pihak yang tertentu sama ada organisasi mahupun penyelidik akan datang agar memperbaiki dan menambah segala data dan fakta yang tidak dapat penulis rangkumkan kesemuanya di dalam kajian ini.

#### **5.2 Kesimpulan Dan Rumusan**

Rakyat Palestin sejak puluhan tahun bangkit menentang keganasan dan penindasan Israel terhadap mereka. Tahun 1948 merupakan tarikh keramat yang dikenali sebagai *nakhba* di kalangan umat Islam menjadi saksi bahawa keganasan Israel terhadap rakyat Palestin semakin menjadi-jadi. Jika dilihat begitu banyak sekali peperangan dan penentangan yang dilakukan bukan sahaja oleh rakyat Palestin

sendiri, namun negara Arab yang lainnya juga turut melibatkan diri di dalam kemelut konflik di Palestin ini. Peperangan pada tahun 1948, Perang 6 Hari, Perang Israel-Lubnan 1982, Intifadah pertama 1987, dan juga *Intifadah Al-Aqsa* 2000 menunjukkan usaha rakyat Palestin yang tidak pernah berhenti daripada terus berjuang mempertahankan tanah air mereka.

Peperangan dan penentangan sama ada masyarakat Arab mahupun rakyat Palestin itu sendiri merupakan manifestasi daripada kekecewaan dan kesedihan akibat ditindas sejak sekian lama. Walaupun faktor semasa yang dikatakan menjadi punca kepada tercetusnya kebangkitan rakyat Palestin, namun lebih jauh dari itu adalah penindasan dan keganasan yang dilakukan tentera Israel kepada rakyat Palestin sejak sekian lama adalah merupakan punca utama. Faktor semasa hanya menjadi titik tolak kepada rakyat Palestin untuk terus bangkit dan bukannya hanya sabar menunggu sahaja.

Perkara menarik yang dapat dilihat di dalam siri-siri kebangkitan rakyat Palestin adalah kesatuan semua peringkat masyarakat di dalam memperjuangkan tanah air mereka. Walaupun dapat dilihat negara jiran Palestin seperti Mesir, Jordan dan Syria dipenuhi dengan pelarian Palestin, namun ianya tidak mengurangkan semangat mereka yang masih tinggal di dalam Palestin untuk terus berjuang. Penentangan dan perjuangan rakyat Palestin bagi membebaskan negara mereka dari terus dikecam dan dikongkong oleh Israel tidak pernah luntur.

Penulis berpendapat bahawa setiap kali berlakunya penentangan terhadap Israel, pasti wujud perbincangan mahupun perjanjian selepasnya ataupun dikenali sebagai perbincangan mengenai proses damai. Israel mahupun Amerika Syarikat yang merupakan kuasa besar dunia termasuklah Kesatuan Eropah serta Rusia sering mengutarakan cadangan dan sebagainya bagi membincangkan mengenai proses

damai untuk menyelesaikan konflik di Palestin yang berlarutan sejak puluhan tahun lagi. Namun apa yang menjadi permasalahan di sini adalah apakah hasil yang dapat dirasai khususnya oleh rakyat Palestin terhadap kesemua perbincangan mengenai proses damai tersebut.

Secara kasarnya, para pengkaji boleh melihat bahawa perbincangan mengenai proses damai diantara Israel dan Palestin hanyalah seperti mahu memberhentikan suasana tegang dan tidak tenteram yang berlaku. Walaupun isi perjanjian yang berlaku dilihat mampu untuk menyelesaikan konflik ini dalam jangka masa yang panjang, namun akibat daripada pengkhianatan dan juga kegagalan merealisasikan apa yang telah dibincangkan dan dipersetujui secara bersama, maka ianya hanyalah dapat menyelesaikan keadaan yang tidak tenteram tersebut dalam jangka masa pendek sahaja.

Teori penyelesaian masalah menyatakan bahawa sesuatu masalah dapat diselesaikan secara total apabila jalan penyelesaian diambil daripada punca berlaku sesuatu masalah bukannya kesan daripada masalah tersebut. Berdasarkan teori ini, penulis melihat bahawa proses damai mengenai konflik di Palestin dibincangkan mengenai punca masalah yang berlaku, malah jalan penyelesaian juga melihat kepada punca masalah yang berlaku, namun apa yang dilakukan khususnya oleh Israel hanyalah mahu menyelesaikan kesan daripada masalah tersebut. Penulis beranggapan bahawa mereka berjaya menyelesaikan dalam jangka masa pendek apabila dapat menghalang dan memberhentikan penentangan rakyat Palestin terhadap mereka, namun masalah asas masih belum berjaya diselesaikan sehinggalah ke hari ini.

Namun apa yang jelas di sini adalah, Israel dan Amerika Syarikat yang menjadi rakan baik bagi Israel sangat terkesan dengan kebangkitan rakyat Palestin.

Apabila berlakunya kebangkitan, Israel akan berasa tidak senang dan selesa dengan situasi semasa dan berusaha untuk menghalang dan memberhentikan kebangkitan yang berlaku. Perancangan ke arah jalan penyelesaian dan perdamaian sering menjadi pilihan utama Israel bagi meredakan penentangan yang berlaku ke atas mereka.

Sepertimana yang penulis telah sebutkan di dalam bab yang terdahulu, bahawa Israel masih meneruskan lagi polisi penempatan Yahudi di wilayah Palestin. Perkara ini merupakan halangan yang sangat besar bagi merealisasikan penubuhan negara Palestin yang menjadi isu utama yang dibincangkan dan diketengahkan oleh rakyat Palestin. Malah perkara ini juga turut menjadi fokus utama badan antarabangsa seperti PBB dan juga kuasa besar dunia. Selagi mana penempatan Yahudi masih diteruskan dan tidak diberhentikan, maka secara logiknya penubuhan negara Palestin sukar untuk direalisasikan dan konflik ini tidak akan berakhir dengan mudah.

Penulis juga telah menyatakan di dalam bab sebelum ini bahawa penulis berpendapat isu konflik di Palestin ini amat sukar malah mungkin boleh dikatakan tidak akan selesai kerana ianya lebih kepada konflik antara agama. Jika diteliti dikawasan-kawasan lain yang berlaku konfrontasi seperti Bosnia Herzegovina, Jepun, China dan sebagainya malah Malaysia juga suatu masa dahulu namun akhirnya isu tersebut selesai. Akan tetapi kita dapat lihat jika konflik yang berlaku atas nama agama, maka ianya akan berlarutan dalam tempoh yang sangat panjang seperti Israel dan Palestin, Pakistan dan India, kaum muslim Rohingya di selatan Filipina dan banyak tempat lain lagi.

Proses damai yang dirangka dan disusun bagi menyelesaikan konflik di Palestin dilihat hanya sebagai suatu bentuk usaha untuk memberhentikan dan

menyekat kebangkitan yang berlaku. Oleh sebab itu, dapat dilihat setiap kali berlakunya penentangan terhadap Israel, maka perbincangan mengenai kedamaian dan keamanan akan disusun dan dirangka dengan seberapa segera. Proses damai yang berlaku lebih kepada apabila Israel berada dalam situasi terdesak dan tergugat dengan kebangkitan rakyat Palestin. Konflik di Palestin seharusnya diselesaikan untuk jangka masa yang panjang bahkan semoga selesai selama-lamanya, namun apa yang berlaku hanyalah ibarat menyelesaikan konflik dalam tempoh jangka masa pendek sahaja. Akhirnya akan membawa kepada natijah yang boleh dilihat pada hari ini iaitu konflik masih terus berlaku bahkan kadang-kadang bertambah teruk dan buruk keadaannya.

Sememangnya setiap kebangkitan yang dilakukan oleh rakyat Palestin, pasti akan ada perbincangan perdamaian dilakukan. Isu yang sama setiap kali dibincangkan. Ini kerana isu-isu yang dibincangkan merupakan isu yang telah lama dituntut oleh rakyat Palestin dan menjadi hak mereka tetapi terus dinafikan sehingga ke hari ini. Proses damai yang dibincangkan jika dilaksanakan dengan baik dan teratur, sebahagian besar konflik di Palestin pasti dapat diselesaikan.

Isu utama yang sering menjadi topik perbincangan di dalam pelan rancangan damai antara Israel dan Palestin harus diselesaikan dengan segera. Penempatan Yahudi dan juga pelarian Palestin menjadi persoalan yang terbesar di dalam konflik ini. Jika dua perkara ini tidak diselesaikan dengan segera, maka konflik di Palestin pastinya tidak akan berakhir. Hal ini juga turut melibatkan mengenai sempadan wilayah dan juga status Jerusalem yang menjadi tuntutan bagi kedua-dua pihak.

Kerajaan perpaduan antara Hamas dan Fatah di Palestin menunjukkan suatu bentuk dimensi yang baru kepada masa depan Palestin. Israel dan Amerika Syarikat secara terang-terangan tidak mahu berkompromi dengan Hamas yang dikatakan

sebagai menyokong keganasan. Namun, sepertimana yang penulis telah nyatakan sebelum ini, bahawa masyarakat Arab umumnya dan rakyat Palestin khususnya memandang positif akan kesatuan ini. Hal ini kerana isu konflik dengan Israel adalah jauh lebih besar untuk diselesaikan berbanding perbalahan antara Hamas dan Fatah yang mana kedua-dua pihak boleh mencari titik persamaan untuk bekerjasama bagi membentuk masa depan Palestin yang lebih cerah.

Kedudukan dan pengiktirafan negara Palestin sebagai anggota di dalam UNESCO dan juga negara bukan ahli di dalam PBB memperlihatkan masa depan yang lebih cerah. Perkara ini boleh dianggap sebagai langkah awal bagi rakyat Palestin untuk diiktiraf sebagai sebuah negara yang berdaulat. Penulis ingin menyatakan dengan jelas bahawa isu-isu utama yang sering dibicarakan di dalam proses damai yang berlaku perlu diselesaikan dengan segera. Ini adalah bagi memastikan usaha ke arah mencapai perdamaian dapat dilakukan dengan segera dan lancar dengan harapan dapat memuaskan hati semua pihak.

Isu konflik di Palestin dalam beberapa tahun kebelakangan ini dilihat mempunyai harapan dan masa depan yang cerah. Penerimaan dan pengiktirafan Palestin di dalam badan terbesar dunia pasti menunjukkan harapan yang baik buat Palestin. Perjuangan rakyat Palestin agar Palestin diiktiraf sebagai sebuah negara yang berdaulat semakin menampakkan hasil. Namun perkembangan konflik Timur Tengah kini turut memberikan kesan kepada Palestin khususnya Mesir yang menjadi sempadan wilayah Gaza.

Konflik Timur Tengah masih berlanjutan sehingga ke hari ini. Mesir sebagai negara utama dilihat mampu membantu dan mengurangkan kesengsaraan rakyat Palestin di Gaza. Namun mutakhir ini apabila Presiden Mursi digulingkan oleh tentera, Gaza juga turut terkena tempiasnya apabila terowong yang menjadi

lalu rahsia serta sempadan dua negara ini telah diarahkan supaya ditutup. Zaman kegelapan Gaza ketika Mesir dibawah pemerintahan Husni Mubarak akan kembali berulang akibat daripada pergolakan terbaru di Mesir.

### **5.3 Saranan Dan Cadangan**

Sepanjang proses penyelidikan ini dilakukan, penulis dapati terlalu banyak lagi aspek-aspek lain yang penting dalam memahami peristiwa intifadah di Palestin perlu dikaji. Hal ini kerana kajian penulis hanyalah terfokus kepada satu aspek ataupun tema di dalam keseluruhan peristiwa intifadah ini. Sedangkan banyak lagi yang perlu dikaji dan diketengahkan khususnya kepada umum bagi mengetahui akan hal sebenar yang berlaku di Palestin.

Kajian yang dilakukan oleh penulis memfokuskan kepada kesan intifadah terhadap proses damai sedangkan banyak lagi kesan yang boleh dilihat apabila tercetusnya peristiwa ini dan perkara ini perlu dilakukan oleh pengkaji akan datang kerana tidak mampu untuk penulis merungkaikan semua persoalan yang berkaitan isu intifadah di Palestin ke dalam kajian ini. Berikut merupakan beberapa cadangan dan saranan daripada penulis kepada para pengkaji akan datang yang juga berminat untuk mengkaji mengenai Palestin secara umumnya dan intifadah secara khususnya:

1. Konflik dan juga proses damai di Palestin serta negara Arab yang berada disekelilingnya perlu dikaji dan diketengahkan lagi untuk melihat dan meneliti apakah usaha dan gerak kerja yang diambil oleh semua pihak bagi memastikan apa yang dipersetujui bersama di dalam perjanjian serta persidangan yang dilakukan berjalan dengan teratur dan lancar. Kegagalan

dan keberkesanan mana-mana perjanjian yang dilakukan perlu dikaji bagi memastikan apakah bentuk dan pendekatan yang paling sesuai bagi mencapai kedamaian dan keamanan di Palestin.

2. Menyentuh mengenai kesan pula, penulis melihat perlunya kepada pengkajian mengenai kesan intifadah di Palestin terhadap proses pembelajaran dan pengajaran anak-anak di Palestin. Suasana dan juga silibus pelajaran di sekolah pastinya menunjukkan kesan akibat daripada intifadah yang meletus kerana keadaan pembelajaran yang perlu diikuti ketika mana berlakunya konfrontasi dan juga penentangan rakyat Palestin terhadap Israel.
3. Kesan terhadap ekonomi merupakan antara kajian yang mendapat tempat di kalangan pengkaji untuk menganalisisnya selepas tercetusnya intifadah. Namun begitu, penulis melihat bahawa tidak kurang pentingnya juga agar perbandingan kesan ekonomi ketika mana sesuatu kawasan itu bergolak juga perlu dilakukan. Kesan terhadap ekonomi israel mahupun Palestin selepas intifadah boleh dibandingkan dengan perjalanan ekonomi kawasan lain yang bergolak seperti Selatan Filipina, Selatan Thailand mahupun negara Arab yang lainnya seperti Iraq, Afghanistan dan sebagainya.
4. Penulis juga mahu mencadangkan kepada pengkaji akan datang agar memperbanyakkan dan meluaskan lagi kajian mengenai Palestin dalam apa jua bidang di dalam bahasa Melayu khususnya di Malaysia. Hal ini kerana penulis melihat kajian ilmiah ataupun berbentuk akademik mengenai isu Palestin di Malaysia adalah sangat kurang dan ditambah lagi dengan pendedahan di media dan sebagainya juga turut kurang. Penulis berpendapat bahawa ianya menjadi punca kenapa rakyat Malaysia kurang memahami



dan mengambil berat mengenai Palestin dan akhirnya mengakibatkan kurang cakna dan perihatin terhadap isu-isu yang berlaku di Palestin. Perhatian hanya diberikan ketika mana Palestin dikejutkan dengan serangan bom ataupun berlaku konflik yang besar di Palestin dan ianya hanya bersifat sementara sahaja.

Selain daripada kerja keras dan usaha yang perlu dilakukan oleh para pengkaji akan datang mengenai isu di Palestin, penulis juga ingin mencadangkan dan memberi saranan kepada beberapa pihak yang berkepentingan dan mempunyai hubungan secara langsung ataupun tidak langsung bagi mengukuhkan dan menguatkan lagi usaha perdamaian di Palestin bagi memastikan keamanan dan kesejahteraan dapat dikecapi oleh semua pihak.

1. Kerajaan Malaysia khususnya perlu menjadi ketua ataupun penganjur bagi mana-mana persidangan ataupun perbincangan mengenai isu dan konflik yang berlaku di Palestin. Jika sebelumnya dapat dilihat hanya kuasa besar dunia sahaja yang berperanan sedemikian, akan tetapi Malaysia juga boleh mengambil inisiatif yang sama bagi mengepalai proses damai di Palestin pada akan datang.
2. Peranan media dan juga media baru yang menjadi tempat rujukan khususnya buat generasi muda kini perlu dibebaskan dan diberi kepercayaan untuk menyampaikan maklumat yang sebenarnya. Pengamal media ini tidak kiralah sama ada media tempatan mahupun antarabangsa. Berita yang disampaikan kepada masyarakat umum perlulah telus dan tepat tanpa perlu ada prejudis kepada mana-mana pihak.

3. Selain media, peranan badan bukan kerajaan (NGO) juga perlu dimainkan dan digunakan dengan sebaiknya. Pihak media dan NGO perlu bekerjasama bagi menyampaikan dan menyebarkan maklumat yang telus kepada masyarakat dan berusaha menjawab segala tohmahan dan juga tuduhan yang dilemparkan seperti penganas dan sebagainya. Hal ini kerana penulis melihat bahawa ramai juga di kalangan umum termakan dan terpengaruh dengan label yang diberikan kepada pejuang Palestin agar pembunuhan ke atas mereka tidak mendapat simpati dan mendapat sokongan orang ramai atas alasan menghindari keganasan.
4. Ahli politik dan juga wakil rakyat perlu memasukkan ke dalam manifesto parti mahupun individu agar isu di Palestin perlu menjadi keutamaan disamping isu tempatan yang lain. Menurut penulis, apabila isu Palestin dimasukkan sebagai agenda yang penting, maka usaha untuk menyelesaikan isu Palestin dianggap pening dan secara moralnya memberi harapan dan sinar kebahagiaan kepada Palestin kerana masih ada pihak yang begitu mengambil berat akan hala negara mereka.
5. Rancangan-rancangan dan pendedahan mengenai konflik di Palestin juga perlu diperbanyakkan sama ada melalui media, program, institusi-institusi yang ada di Malaysia agar maklumat dan berita mengenai isu di Palestin tidak akan dilupakan dan menjadi hambar di kalangan masyarakat. Apabila masyarakat segar dengan isu Palestin yang didengar maka cakna dan perihatin kepada Palestin pasti akan bertambah dan harapan untuk kedamaian dan pengiktirafan di Palestin akan menjadi semakin kuat.
6. Institusi-institusi di Malaysia juga perlu berusaha keras dengan mendidik dan memberi sokongan yang padu kepada sesiapa yang berminat untuk

mengkaji mengenai isu di Palestin. Institusi-institusi ini perlu mewujudkan pusat pengkajian Timur Tengah ataupun secara khususnya Palestin dan Jerusalem bagi mengumpul para pengkaji untuk melakukan kajian yang lebih mendalam serta lebih sistematik. Tawaran subjek mengenai Palestin juga boleh dilakukan dan diwujudkan bagi memberi input dasar dan pengenalan kepada para pelajar khususnya diperingkat sarjana muda.

#### **5.4 Penutup**

Isu Palestin merupakan isu yang menjadi tumpuan seluruh dunia khususnya bagi umat Islam. Sepanjang masa, Palestin terus dipertahankan dan diperjuangkan oleh umat Islam seluruh dunia dalam pelbagai cara sama ada bantuan tersebut dalam bekalan keperluan hidup seperti makanan dan perubatan, terdapat juga bantuan ketenteraan dan senjata. Konflik di Palestin seharusnya sentiasa diberi perhatian agar perjuangan menuntut keadilan khususnya oleh rakyat Palestin sejak sekian lama mendapat sokongan daripada pelbagai pihak.

Proses damai yang telah dilakukan dalam pelbagai peringkat dan pelbagai siri seharusnya dijalankan dan digerakkan dengan sedaya upaya oleh semua pihak yang terlibat dengan konflik di Palestin sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Hal ini kerana seperti yang telah disebutkan sebelum ini bahawa isi perjanjian yang dilakukan menunjukkan hasil yang positif kepada rakyat Palestin, namun sehingga ke hari ini rakyat Palestin masih dalam keadaan status yang tergantung mengenai kedaulatan negara mereka.

Kajian ini menunjukkan bahawa konfrontasi dan penentangan yang berlaku akan memberi kesan kepada proses damai yang sedang diusahakan. Secara jelas

menunjukkan rundingan damai pasti akan diperhebat dan dibincangkan secara serius apabila wujudnya penentangan, namun apabila surutnya dan kurangnya penentangan yang berlaku, perjanjian dan rundingan damai yang berlaku juga turut sama surut dan semakin dilupakan. Semua pihak harus bersatu dan mengembeling tenaga agar setiap rundingan damai yang dilakukan di Palestin akan mencapai hsratnya yang asal serta isi-isi yang telah dipersetujui akan dilaksanakan dengan sebaik mungkinn agar dapat dilihat Palestin tertegak sebagai sebuah negara yang berdaulat dan diiktiraf oleh semua negara di dunia khususnya badan terbesar dunia iaitu PBB.

# **BIBLIOGRAFI**

## BIBLIOGRAFI

### Dokumen

194 (III). Palestine -- Progress Report of the United Nations Mediator, [http://www.un.org/en/ga/search/view\\_doc.asp?symbol=A/RES/194%20\(III\)](http://www.un.org/en/ga/search/view_doc.asp?symbol=A/RES/194%20(III)).

Carol Migdalovitz, *Israeli-Palestinian Peace Process: The Annapolis Conference*, CRS Report for Congress, 2007

Declaration of Principles on Interim Self-Government Arrangements September 13, 1993, United States Institut of Peace.

List of Localities: Their Population and Codes, Jerusalem: Central Bureau of Statistics, 1999-2004, <http://www.cbs.gov.il/population/localities/localbycode2004.xls>

Resolution 242 (1967) of 22 November 1967, [http://www.un.org/en/ga/search/view\\_doc.asp?symbol=s/res/242%20\(1967\)](http://www.un.org/en/ga/search/view_doc.asp?symbol=s/res/242%20(1967))

Settlements in the West Bank, [http://www.fmep.org/settlement\\_info/settlement-info-and-tables/stats-data/settlements-in-the-west-bank-1](http://www.fmep.org/settlement_info/settlement-info-and-tables/stats-data/settlements-in-the-west-bank-1).

### Tesis/disertasi

Fatmawati Firdaus, *Arti Penting Jerusalem Dalam Konflik Arab-Israel*, Disertasi Sarjana, Jurusan Ilmu Hubungan Internasional, Fakultas Ilmu Sosial & Ilmu Politik, Universitas Hasanuddin, Indonesia, 2011.

Mahmud Mustafa Muhammad 'Ewad 2005, *Atharu Intifādah al-Aqsā 'ala al-Iqtisādainī al-Isrā'eli wa al-Filistīnī*, disertasi, Jabatan Ilmu Politik, Fakulti Sastera, Irbid: Universiti Yarmouk, 2005.

Meredith E Ebel, *My Body is a Barrel of Gunpowder: Palestinian Women's Suicide Bombing in the Second Intifada* latihan Ilmiah, Carnegie Mellon University, Pittsburg, 2012.

Noor Shahily Binti Dahalan, *Intifadah dan Proses Pembinaan Peradaban Bangsa Palestin*, Disertasi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2004.

Siti Zaleha Hamzah, *Proses Damai Arab-Israel Dalam Menangani Konflik di Palestin: Kajian Terhadap Perjanjian Oslo (1993-1995)*, Disertasi, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

### **Artikel/makalah dalam Jurnal**

- Anita Vitullo, Uprising in Gaza, dlm *Middle East Report*, no. 152, t.tp.: Middle East Research and Information Project, 1988.
- Anthony N. Chelso, The Death of the Oslo Accords: Israeli Security Options in the Post-Arafat Era, dlm. *Mediterranean Quaterly*, vol. 14, no. 1, Durham: Duke University Press, 2003.
- Amos Perlmutter, The Israel-PLO Accord is Dead, dlm. *Foreign Affairs*, vol. 74, no. 3, Washington: Washington post Newsweek Interactive, LLC, 1995
- Assaf Moghadam, Palestinian Suicide Terrorism in the Second Intifada: Motivations and Organizational Aspects, dlm. *Studies in Conflict & Terrorism*, London: Routledge, 2003.
- Avi Shlaim, The Oslo Accord, dlm. *Journal of Palestine Studies*, vol. 23, no. 3, Berkeley: University of California Press, 1994.
- Avi Shlaim, The Rise and Fall of The Oslo Peace Process, dlm. *International Relations of the Middle East*, ed. Louise Fawcet, New York: Oxford University Press, 2005.
- Beverly Milton-Edwards dan Alastair Crooke, Elusive Ingredient: Hamas and The Peace Process, dlm. *Journal of Palestine Studies*, vol. 33, no. 4, Berkeley: University of California Press, 2004.
- Colin H. Kahl dan March Lynch, U.S. Strategy after the Arab Uprisings: Toward Progressive Engagement, dlm. *The Washington Quarterly*, vol. 36, no. 2, Washington: Center for Strategic and International Studies CSIS, 2013.
- Dennis B Ross, Yassir Arafat, dlm. *Foreign Policy*, no. 131, Washington: Washington post Newsweek Interactive, LLC, 2002.
- Fatima Lahnait, Female Suicide Bombers: Victims or Murderers, dlm. *Suicide Bombers: The Psychological, Religious and Other Imperatives*, Amsterdam: IOS Press, 2008.
- Gal Luft, Palestinian Military Performance and the 2000 Intifada, dlm. *Middle East Review and International Affairs*, vol. 4, no. 4, Israel: Global Research in International Affairs Center, 2000.
- Gawdat Bahgat, The Arab Peace Initiative, dlm. *Middle East Policy Council*, <http://mepc.org/journal/middle-east-policy-archives/arab-peace-initiative-assessment>.
- Jamil Hilal, Hamas's Rise as Charted in the Polls, 1994-2005, dlm *Journal of Palestine Studies*, vol. 35, no. 3, Berkeley: University of California Press, 2006.
- Jeff Halper, Beyond Road Map and Walls, dlm. *The Link*, vol. 37, no. 1, New York: Americans for Middle East Understanding, 2005

- Jeremy Pressman, The Second Intifada: Background and Causes of the Israeli-Palestinian Conflict, dlm. *Journal of Conflict Studies*, Vol. 23, No. 2, Kanada: The Gregg Centre for the Study of War and Society, 2003.
- Jonathan Rynhold, *The Failure of the Oslo Process: Inherently Flawed or Flawed Implimentation?*, dlm. *Mideast Security and Policy Studies*, no. 76, Israel: The Begin-Sadat Centre for Strategic Studies, Bar-Ilan University, 2008.
- Jonathan Schachter, The End of Second Intifada?, dlm. *Strategic Assessment*, vol. 13, no. 3, Israel: The Institute For National Security Studies, 2010.
- Kate Rouhana, "Children and The Intifadah", dlm. *Journal of Palestine Studies*, vol. 18, no. 4, Berkeley: University Of California Press, 1989.
- Kirsten E Schulze, Camp David and The Al-Aqsa Intifada: An Assessment of The State of The Israeli-Palestinian Peace Process, July-December 2000, dlm. *Studies in Conflict & Terrorism*, London: Routledge, 2010.
- Leila Shahid, The Sabra and Shatila Massacres: Eye-Witness Reports, dlm. *Journal of Palestine Studies*, Vol. 32, No. 1, Berkeley: University of California Press, 2002.
- Michael Milstein, A Decade Since The Outbreak of Al-Aqsa Intifada: A Strategic Overview, dlm. *Strategic Assessment*, vol. 13, no. 3, Israel: The Institute of National Security Studies, 2010.
- Mohamad Hasrul Zakariah, British Dan Resolusi 242 1967: Pengajaran Sejarah Untuk Pelan Damai Di Asia Barat, dlm. *Jurnal Kemanusiaan*, bil. 10, Universiti Teknologi Malaysia, 2007.
- Mohd Roslan Mohd Nor, Beberapa Hadith Berkaitan Masa Depan IslamicJerusalem, dlm. *Jurnal Usuluddin*, Bil. 28, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008.
- Mohd Roslan Mohd Nor, Nor Dalila Zakaria, Perancangan Zionis Ke Arah Pembentukan Negara Israel, dlm. *Jurnal Usuluddin*, bil. 30, Kuala Lumpur; Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009.
- Mohd Roslan Mohd Nor, Nor Dalila Zakaria, Perancangan Zionis Ke Arah Pembentukan Negara Israel, dlm. *Jurnal Usuluddin*, bil. 30, Kuala Lumpur; Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009.
- P. Johnson and E. Kuttab, Where Have All the Women and Men Gone? Reflections on Gender and the Second Palestinian Intifada, dlm. *Feminist Review*, no. 69, Basingstoke: Palgrave Macmillan Journals, 2001.
